



MADKHAL PEMBANGUNAN KANDUNGAN

NAMA KURSUS / TOPIK:

Syariah - Tarikh Tasyri' (Sejarah Perundangan Islam)

OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) Kursus ini bertujuan memberi pemahaman yang mendalam tentang fasa-fasa perkembangan Syariah dari zaman kenabian sehingga kini.
- b) Memberikan pemahaman pentingnya kedudukan Al-Quran dan Al-Sunnah sebagai sumber asas dalam perkembangan Syariah

BAHAGIAN-BAHAGIAN:

Bahagian A: Topik-topik bagi Sesi Modul (1-5) dan Isi Kandungan Utama 2 - 7

Bahagian B: Material Modul bagi Sesi 1-5 8 - 96

BAHAGIAN A

SESI PERTAMA: PENGENALAN TARIKH TASYRI' DAN PERKEMBANGANNYA PADA ZAMAN KENABIAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Memahami konsep Tasyri', ciri-ciri hukum Islam dan keadaan masyarakat Arab sebelum kedatangan Islam serta menjelaskan kelahiran syariat Islam melalui penurunan al-Quran dan kedudukan Sunnah sebagai sumber hukum.
- b) Menghuraikan perkembangan syariah di Mekah dan Madinah serta pensyariatan hukum-hakam ibadah, muamalat dan jenayah.
- c) Membincangkan amalan ijtihad yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dan para sahabat serta kedudukannya pada zaman kenabian.

2. MASA KURSUS: 48 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Pendahuluan	- Definisi Tarikh Tasyri' - Ciri-Ciri Hukum Islam - Keadaan Bangsa Arab Sebelum Islam	10 Minit
Kelahiran Syariat dan Terasasnya Hukum Islam	Sejarah pensyariatan hukum Islam	5 Minit
Perkembangan Syariah di Mekah dan Madinah	- Wahyu Zaman Mekah - Wahyu Zaman Madinah	8 Minit
Kaedah dan Ciri-Ciri Pensyariatan	- Sumber ukum pada zaman kenabian - Ciri-Ciri pensyariatan pada zaman kenabian	10 Minit
Ijtihad di Zaman Kenabian (Ijtihad Nabi dan Sahabat)	- Ijtihad Rasulullah SAW - Ijtihad Sahabat pada Zaman Rasulullah SAW - Contoh-contoh Ijtihad pada Zaman Rasulullah	15 Minit

SESI KEDUA: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN KHULAFAH AR-RASYIDIN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Menghuraikan perkembangan perundangan Syariah pada zaman pemerintahan Khulafah Ar-Rasyidin selepas kewafatan Rasulullah SAW serta menganalisis kedudukan ijtihad sebagai sumber hukum yang penting pada zaman ini.
- b) Mengenalpasti metodologi yang digunakan oleh para sahabat dalam menentukan hukum-hukum baharu serta membincangkan sikap dan pendekatan para sahabat terhadap amalan ijtihad dalam mengeluarkan hukum.
- c) Menilai kesan daripada perselisihan pendapat dalam kalangan sahabat terhadap perkembangan perundangan Syariah.

2. MASA KURSUS: 48 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Perkembangan Perundangan Syariah di Zaman Khulafah Ar-Rasyidin	• Zaman Abu Bakar al-Siddiq • Zaman Umar bin Khattab • Zaman Uthman bin 'Affan • Zaman 'Ali bin Abi Thalib	15 Minit
Ijtihad Sebagai Sumber Hukum	• Hadis-hadis berkaitan ijtihad untuk dijadikan sebagai sumber hukum	5 Minit
Metodologi Para Sahabat Dalam Menentukan Hukum	• Sumber rujukan al-Quran dan Sunnah • Qiyas (analogi) dalam menentukan hukum serta mempertimbangkan masalah (kemaslahatan) ummah • Mengamalkan ijma' dalam kalangan para sahabat dan mengambil kira uruf (adat) masyarakat yang tidak bertentangan dengan syariat.	8 Minit
Sikap Para Sahabat Terhadap Ijtihad dalam Menentukan Hukum	• Mengamalkan sikap berhati-hati dan bersungguh-sungguh dalam melakukan ijtihad untuk menentukan hukum	5 Minit
Perselisihan Pendapat dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum	• Sebab peribadi dan metodologi • Sebab pemahaman	15 Minit

	• Sebab keadaan sekeliling	
--	--	--

SESI KETIGA: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN TABI'IN DAN PERKEMBANGAN FIQH

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Menghuraikan kesinambungan perkembangan perundangan Syariah pada zaman Tabi'in selepas era Khulafa' Ar-Rasyidin serta menganalisis peranan dan sumbangan para Tabi'in dalam mengembangkan ilmu fiqh dan perundangan Islam.
- b) Mengenalpasti pusat-pusat pengajian fiqh yang terbentuk pada zaman Tabi'in dan pengaruhnya serta faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan mazhab fiqh pada zaman Tabi'in.

2. MASA KURSUS: 33 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Perselisihan Pendapat Pada Zaman Peralihan Sahabat - Tabiin	• Pendahuluan punca perselisihan pendapat	3 Minit
Sebab-Sebab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Peralihan Sahabat - Tabiin	• Perpindahan para fuqaha' dari Madinah ke daerah lain • Keterlaluan dalam meriwayatkan hadis • Perpecahan politik • Kemunculan hadis mauduk • Perbezaan dua aliran jumhur (Ra'y dan Athar)	20 Minit
Perbezaan Pendapat Pada Zaman Pembinaan Mazhab	• Sebab kedudukan Sunnah • Penggunaan Fikiran (Ra'y) • Perbezaan pendapat Ijmak • Perbezaan pendapat Ijmak penduduk Madinah • Perbezaan pendapat Fatwa Sahabat dan Tabi'in	15 Minit

SESI KEEMPAT: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN KEEMASAN

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Menghuraikan perkembangan perundangan Syariah pada zaman Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah, Muslim Andalus, dan Turki Uthmaniyah serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuan perundangan Syariah pada zaman keemasan tamadun Islam.
- b) Mengenalpasti tokoh-tokoh utama dalam bidang perundangan dan mazhab fiqh yang berkembang pada zaman tersebut serta membincangkan sumbangan dan pencapaian penting dalam bidang perundangan Syariah pada setiap zaman keemasan.

2. MASA KURSUS: 32 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Zaman Bani Umayyah	- Perkembangan Perundangan Syariah - Punca Kejatuhan Pemerintahan	8 Minit
Zaman Bani Abbasiyyah	- Perkembangan Perundangan Syariah - Punca Kejatuhan Pemerintahan	8 Minit
Zaman Muslim Andalus	- Perkembangan Perundangan Syariah - Punca Kejatuhan Pemerintahan	8 Minit
Zaman Turki Uthmaniyah	- Perkembangan Perundangan Syariah - Punca Kejatuhan Pemerintahan	8 Minit

SESI KELIMA: KEMUNCULAN MAZHAB DAN KESAN TERHADAP PERKEMBANGAN HUKUM ISLAM

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Menghuraikan perkembangan perundangan Syariah pada zaman Bani Umayyah, Bani Abbasiyyah, Muslim Andalus, dan Turki Uthmaniyah serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada kemajuan perundangan Syariah pada zaman keemasan tamadun Islam.
- b) Mengenalpasti tokoh-tokoh utama dalam bidang perundangan dan mazhab fiqh yang berkembang pada zaman tersebut serta membincangkan sumbangan dan pencapaian penting dalam bidang perundangan Syariah pada setiap zaman keemasan.

2. MASA KURSUS: 44 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Sejarah Kemunculan Mazhab dan Perkembangan Alirannya	- Definisi Mazhab - Sebab-Sebab Kemunculan Mazhab	8 Minit
Mazhab-Mazhab Sunni Yang Masih di Amalkan	- Mazhab Hanafi - Mazhab Maliki - Mazhab Syafie - Mazhab Hanbali - Contoh Permasalahan Mengikut Pandangan Mazhab	20 Minit
Mazhab-Mazhab Syiah	- Mazhab Zaidi - Mazhab Ja'fari - Mazhab Ismaili	8 Minit
Mazhab-Mazhab Yang Sudah Pupus	- Mazhab al-Auzai'i - Mazhab as-Thauri - Mazhab al-Laith bin Sa'ad - Mazhab Zahiri - Mazhab Tabari	8 Minit

SESI KEENAM: TAQLID DAN PERKEMBANGAN HUKUM ISLAM DI ZAMAN KINI (KONTEMPORARI)

1. HASIL PEMBELAJARAN:

- a) Menghuraikan latar belakang kemunculan taqlid dan kesannya terhadap perkembangan hukum Islam serta menganalisis faktor-faktor yang menyumbang kepada kebangkitan dan perkembangan hukum Islam di zaman kontemporari.
- b) Membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi dalam mengaplikasikan hukum Islam pada isu-isu kontemporari serta menilai keperluan dan pendekatan dalam pengamalan ijtihad bagi memastikan kemajuan hukum Islam pada zaman kini.

2. MASA KURSUS: 23 minit sahaja.

3. ISI KANDUNGAN UTAMA:

ISI KANDUNGAN	PENERANGAN	MASA CADANGAN
Latar Belakang Taqlid dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum	- Definisi taqlid dan perkembangan taqlid - Buku-buku fatwa	8 Minit
Kebangkitan dan Perkembangan Hukum Islam di Zaman Kini	- Bentuk-bentuk kebangkitan - Transformasi perkembangan perundangan Syariah pada era moden	15 Minit

BAHAGIAN B

SESI PERTAMA: PENGENALAN TARIKH TASYRI' DAN PERKEMBANGANNYA PADA ZAMAN KENABIAN

Pendahuluan

Tarikh Tasyri' (Sejarah Perundangan Islam) merupakan suatu disiplin ilmu yang berkait rapat dengan Ilmu Fiqh mahupun Usul Fiqh. Memahami disiplin ilmu ini akan dapat mendatangkan penghayatan yang mendalam terhadap hukum dan proses pengeluarannya.

Sesi kali ini akan membincangkan serta memahami perincian dan kaedah penetapan hukum bagi sesuatu permasalahan yang terjadi pada zaman Rasulullah SAW, era pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin dan para sahabat, kemudian pada era para tabi'in. Untuk mendalami dan memahami salah satu kaedah intinbath dan penentuan hukum, para ahli ilmu mestilah mampu menguasai sejarah perkembangan perundangan Islam dari fasa awal Islam hingga ke zaman sekarang. Dengan penghayatan yang mendalam di dalam ilmu ini juga, kita dapat mengetahui punca perbezaan pandangan di kalangan para ulama' di dalam mengeluarkan hukum.

Pengertian Tarikh Tasyri'

Bahasa: *Tarikh tasyri'* / تاريخ التشريع merupakan rangkaian daripada dua bahasa: *tarikh*/ تاريخ dan *tasyri'*/التشريع. Tarikh berasal daripada Bahasa Arab: أرخ - يؤرخ (arakha - yuarikhu) yang bermaksud menulis atau mencatat sejarah dan *Tasyri'* berasal daripada kata akar شرع - يشرع yang bermaksud jalan yang lurus, atau jalan yang dilalui oleh orang ramai untuk mendapatkan sumber air untuk diminum mereka sendiri atau binatang ternakan mereka. Ia juga diertikan sebagai ajaran agama atau manhaj oleh sebahagian ulama. (Rujuk *Lisan al-'Arab* 8/175, *Tafsir al-Qurtubi* 16/163 dan *Al-Madkhal li Dirasah al-Syari'ah* 1/38)

Istilah: *Tasyri'* bermaksud apa-apa aturan atau ketetapan yang diwahyukan kepada Rasulullah SAW yang terdiri daripada hukum-hakam dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, yang berkait dengan bidang aqidah dan perbuatan-perbuatan mukallaf, sama ada hukum-hakam qath'ie atau zhanni. (Rujuk *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah* 32/194 dan *Tarikh al-Tasyri' al-Islamiy*, hal. 13)

Sehubungan dengan itu, *Tarikh Tasyri'* dapat di definisikan sebagai: sejarah pembentukan perundangan dalam Islam, bermulanya zaman *risalah* (Nabi Muhammad SAW) atau pada zaman sebelumnya sehingga hukum perundangan tersebut berkembang seiring peredaran zaman dan keadaan semasa masyarakat.

Ciri-Ciri Hukum Islam

Hukum bertujuan untuk menjaga dan mencegah agar setiap orang tidak dapat menjadi hakim atas dirinya sendiri.

Antara ciri-ciri Hukum Islam adalah seperti berikut:

- a) **Sempurna.** Syariat sentiasa sempurna dengan semua situasi dan keadaan manusia.
- b) **Menyeluruh.** Syariat Islam meliputi semua perkara tanpa sempadan wilayah, suku, bangsa, negara, dan bahasa. Kesejagatan ini juga digambarkan oleh sifat undang-undang Islam yang tidak hanya ditetapkan pada suatu masa, tetapi ianya untuk semua peringkat dan zaman.
- c) **Fleksibel.** Oleh kerana hukum Islam adalah syariat yang universal dan sempurna, tidak dapat dinafikan bahawa kesempurnaan ini menjadikannya fleksibel pada masa-masa tertentu, kerana jika hukum Islam tidak fleksibel, ianya akan menjadi tidak relevan pada masa atau ruang tertentu.
- d) **Bersifat *Ta'abuddi* dan *Ta'aqulli*.** Syariah Islam terbahagi kepada dua kategori: iaitu *ta'abuddi*, suatu ibadah yang bertujuan untuk mendekat diri kepada Allah seperti solat dan solat, manakala *ta'aqulli* pula adalah ibadah yang bersifat duniawi dimana boleh difahami oleh akal dan rasional manusia.
- e) **Tidak Membebankan.** Hukum Islam adalah tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja serta tidak membebankan seperti gugurnya kewajipan solat jumaat dan berpuasa di bulan Ramadan bagi orang yang sakit dan bermusafir.

Keadaan Bangsa Arab Sebelum Islam

- Zaman sebelum kedatangan Islam selalunya disebut sebagai zaman jahiliah. Walau bagaimanapun, tidaklah bermakna istilah jahiliah itu mengertikan bahawa manusia di kala itu bodoh-bodoh belaka dan tidak tahu mengatur cara hidup mereka dengan cara yang munasabah.
- Sesungguhnya istilah jahiliah lebih banyak mengertikan kejahilan umat manusia pada waktu itu tentang nilai-nilai akidah dan keagamaan yang sebenar dan bukannya membabitkan secara serius hal-hal mengenai peraturan atau penyusunan hidup fizikal atau disebut sebagai hidup duniawi.
- Sejarah mencatatkan bahawa pada saat kelahiran Syariat Islam pada abad yang ketujuh itu, dunia telah mempunyai masyarakat manusia yang bernilai tinggi tamadunnya di banyak bidang. Khususnya dalam bidang undang-undang dan peraturan masyarakat, sekurang-kurangnya kita terpaksa mengambil kira kemajuan yang telah dicapai oleh masyarakat Romawi di sebelah barat dan Parsi di sebelah timur pada waktu itu.

- Tidak terkecuali, kita juga perlu menilai apa yang sebenarnya telah dicapai oleh masyarakat Semenanjung Tanah Arab sendiri. Walau bagaimanapun ini tidak semestinya bererti bahawa hanya itulah sahaja masyarakat-masyarakat yang telah mempunyai tamadun yang tinggi pada waktu itu. Masyarakat-masyarakat seperti itu memang telah ada di sebelah timur jauh, seperti di China dan India. Amat sukar bagi kita untuk memastikan bahawa interaksi telah berlaku antara tamadun timur ini dengan tamadun atau masyarakat timur tengah pada waktu itu.
- Keagungan masyarakat Parsi pada waktu itu memang diakui oleh semua ahli sejarah. Meskipun masyarakat itu terasas atas kepercayaan animisme yang bertunjangkan penyembahan terhadap alam semulajadi namun mereka telah mempunyai peraturan hidup yang sudah maju. Dari segi politik mereka telah menjadi suatu kuasa penjajah yang berpengaruh, dan dari segi tamadun, mereka telah membina tamadun mereka sendiri yang dikenali sebagai tamadun Parsi.
- Sedangkan bangsa Arab sendiri kebanyakan dari masyarakatnya masih hidup secara kuno yang berpindah-randah di padang pasir yang kontang itu. Mereka ini dikenal sebagai masyarakat Badwi. Masyarakat mereka dijalin oleh persatuan kabilah yang bersendikan adat dan kepercayaan. Masyarakat pagan ini biasanya diketuai oleh ketua-ketua kabilah yang akan bertindak menyelesaikan segala pertikaian yang timbul di kalangan mereka. Ketua-ketua kabilah inilah yang mempunyai kuasa wewenang ke atas setiap anggotanya.
- Walau bagaimanapun mereka juga mempunyai peraturan-peraturan yang jelas dalam beberapa hal mengenai masyarakat mereka, seperti hal-hal kekeluargaan, jenayah dan sebagainya. Sebahagian lain dari bangsa Arab ini tinggal di kawasan-kawasan yang lebih maju seperti Mekah, Yathrib dan Taif. Mereka ini bekerja dengan cara bertani, bertukang dan berniaga. Kegiatan-kegiatan mereka ini telah melahirkan peraturan dan kaedah perhubungan antara mereka termasuk yang mengenai hal-hal kewangan dan perdagangan. Pertumbuhan norma-norma hukum dan peraturan ini telah dipesatkan lagi dengan wujudnya pusat-pusat perdagangan yang besar-besar di daerah mereka dan juga perhimpunan-perhimpunan Haji yang berlaku pada setiap tahun di Mekah.
- Meskipun bangsa Arab ini mewarisi sedikit sebanyak pengajaran Nabi Ibrahim, namun mereka tidak banyak terbentuk melalui ajaran itu. Ini kerana tabiat mereka yang kasar itu dan juga kurangnya pengetahuan serta cengkaman pengaruh animisme yang mendalam di kalangan mereka. Walau bagaimanapun mereka mempunyai tradisi dan adat istiadat mereka sendiri yang menjadi peraturan hidup di kalangan mereka. Peraturan hidup dan bermasyarakat yang bertunjangkan adat ini mencakupi hal-hal makan minum, kekeluargaan, hubungan perdagangan jenayah dan sebagainya.
- Kesimpulannya dapatlah kita katakan bahawa pada saat kelahiran Syariat Islam sebagai asas kepada hukum Islam itu, dunia telah sedia mempunyai berbagai-bagai bentuk sistem perundangan. Ia tentunya akan sedikit sebanyak mempengaruhi perkembangan hukum Islam sendiri khasnya dalam hal-hal yang membolehkan para fuqaha mengambil kira adat istiadat dan realiti semasa dalam ijtihad mereka.

Kelahiran Tasyri' dan Terasasnya Hukum Islam

- Daripada definisi dan huraian tentang Hukum Islam sebelum ini, boleh kita katakan Hukum Islam adalah satu bahagian yang tidak terpisah daripada Syariat Islam. Ianya terasas selaras dengan kelahiran Syariat itu sendiri dan berkembang mengikut lunas-lunas yang digariskan olehnya.
- Dengan itu, kita dapat menegaskan bahawa asas-asas hukum Islam telah lahir bersama dengan turunnya wahyu yang pertama kepada Nabi Muhammad SAW dan berkembang pada peringkat awalnya sejajar dengan perkembangan penurunan wahyu itu sendiri. Apabila wahyu ini telah tamat turunnya dan Nabi Muhammad telah wafat, pembinaan asas Hukum Islam ini juga telah tamat dan sempurna. Pada peringkat ini segala-galanya telah tersedia dan cukup untuk menjadi suatu sistem perhukuman yang lengkap untuk semua zaman dan tempat tanpa memerlukan tokoh tambah lagi.
- Segala perkembangan yang berlaku terhadap Hukum Islam sesudah zaman Nabi Muhammad SAW bukan lagi melibatkan asas-asasnya yang sudah sempurna itu, tetapi cuma melibatkan pentafsiran dan pengembangan idea-idea yang ada dalam asas itu sendiri sesuai dengan kehendak zaman dan keadaan. Tegasnya, Hukum Islam adalah suatu himpunan nilai yang di dalamnya berpandukan nilai-nilai yang ketat dan fleksibel yang bekerjasama secara harmoni. Ianya suatu hukum yang asasnya telah siap dibina sejak zaman Nabi Muhammad SAW dan tidak mungkin menerima perubahan lagi, tetapi pentafsirannya akan terus menerima perkembangan tanpa henti-henti sesuai dengan perkembangan hidup manusia dan perkembangan kepentingannya.
- Wahyu pertama sekali yang turun ialah pada 17 Ramadan tahun ketiga belas sebelum Hijrah, bersamaan tahun 610 Masihi. Ianya juga adalah titik permulaan kepada kerasulan Muhammad SAW. Dengan turunnya wahyu ini pembinaan asas hukum Islam pun bermula. Ianya terbina sedikit demi sedikit secara beransur-ansur selama lebih kurang 23 tahun, iaitu sepanjang umur Nabi Muhammad SAW selepas dilantik oleh Allah sebagai Rasul.
- Wahyu-wahyu yang diturunkan ini terbahagi kepada dua bentuk. Pertamanya ialah berupa al-Quran dan satu lagi berupa al-Sunnah, atau disebut juga al-Hadis. Yang disebut sebagai al-Quran ialah wahyu-wahyu yang pengertian dan lafaznya sekali dari Allah, sedangkan as-Sunnah pengertiannya sahaja yang didatangkan dari Allah sedangkan lafaznya adalah dari Nabi Muhammad sendiri. Akan kita jelaskan nanti secara lebih lanjut kesan perbezaan ini dari segi keperluan dan kedudukan masing-masing sebagai sumber asasi hukum.
- Dengan dua bentuk wahyu ini Rasulullah SAW mengajar umat Islam, terutama para sahabatnya, mengenai segala hukum yang ditentukan oleh Islam. Dan dengan pendidikan serta bimbingan secara langsung ini para sahabat bukan sahaja kemudiannya menjadi orang-orang yang mampu memahami kehendak nas-nas Syarak yang terkandung dalam wahyu-wahyu itu tetapi juga kehendak sebenar Syarak di sebalik apa yang boleh difahami dari wahyu-wahyu itu sendiri.
- Generasi pertama Islam yang terdidik di sekolah wahyu inilah kemudiannya menjadi pengasas-pengasas yang mengasaskan teori pengembangan hukum Islam melalui tunjuk ajar mereka kepada generasi terkemudian dengan berpandukan segala tunjuk ajar serta latihan yang telah diberikan kepada mereka oleh Nabi sendiri.

- Di dalam mengasaskan hukum Islam ini wahyu telah diturunkan oleh Allah secara beransur-ansur. Ianya tidak diturunkan secara sekaligus untuk menerangkan segala selok-belok hukum kesemuanya sekali. Sebaliknya wahyu telah mengambil masa selama lebih kurang 23 tahun untuk menerangkan hukum-hukum itu sesuai dengan keperluan masa dan keadaan. Dengan demikian hukum Islam telah terbina dengan teratur dan disertai dengan latar belakang yang boleh menolong di dalam memahaminya di setiap zaman.

Perkembangan Tasyri' di Mekah dan Madinah

Wahyu-wahyu yang diturunkan ini boleh dikategorikan kepada dua peringkat yang mempunyai ciri-ciri yang tersendiri dari segi pembinaan hukum. Peringkat-peringkat ini ialah peringkat Mekah dan peringkat Madinah.

Wujudnya ciri-ciri yang berbeza antara dua peringkat ini dapat dilihat terutama sekali dalam al-Quran. Bagi menjelaskan lagi gambaran ini elok juga kita perkatakan tentangnya secara khusus seperti berikut:

a) Wahyu Zaman Mekah

Dalam jangka masa selama lebih kurang dua belas tahun ianya turun di Mekah, wahyu lebih menitikberatkan tentang pembinaan akidah. Ini kerana akidah adalah suatu asas yang paling utama bagi penerimaan pengajaran Islam sepenuhnya. Dalam peringkat ini wahyu-wahyu tersebut menumpukan kepada hal-hal mengenai mentauhidkan Allah dan meninggalkan kepercayaan lama di zaman jahiliah, keimanan kepada para Rasul, para Malaikat, kebangkitan semula sesudah mati, perhitungan amalan (al-hisab), hari akhirat dan sebagainya. Termasuk juga dalam penumpuan ini ialah hal-hal mengenai pembinaan akhlak yang mulia, menggunakan fikiran untuk meneliti keagungan Allah melalui kejadianNya dan sebagainya.

Begitu juga terdapat di antara wahyu-wahyu ini yang memperkatakan tentang cerita-cerita lama sebagai bahan renungan dan malah bertujuan untuk memujuk hati Rasulullah SAW agar tidak merasa serik atau kecewa dalam menghadapi kejerihan perjuangan menegakkan agama Allah.

Pada peringkat ini hukum-hukum amali tidak banyak diperkatakan oleh wahyu. Ianya hanyalah hukum-hukum yang bertujuan untuk mengawal akidah umat Islam dari nilai-nilai syirik seperti hukum haram memakan bangkai dan darah ataupun memakan sembelihan yang tidak disebut padanya nama Allah. Paling tinggi ialah hukum yang mengatur hubungan manusia dengan Tuhannya seperti hukum-hukum mengenai ibadah solat dan sebagainya.

b) Wahyu Zaman Madinah

Peringkat ini bermula sesudah Rasulullah SAW berhijrah ke Madinah. Tidak lagi seperti di zaman Mekah, wahyu-wahyu di peringkat ini telah mencakupi semua bidang seperti akidah, akhlak, sosial, politik, ekonomi dan sebagainya. Ini kerana dengan berlakunya hijrah, umat Islam telah mula mendirikan negara Islam yang pertama di Madinah. Dalam penyusunan ini segala peraturan diperlukan dan keperluan-keperluan ini dipenuhi oleh wahyu. Dengan wujudnya wahyu-wahyu zaman Madinah ini, Islam bukan sahaja lengkap

dengan nilai-nilai akidah tetapi juga dengan semua nilai yang diperlukan oleh manusia dalam hidup mereka di dunia dan di akhirat.

Kaedah dan Ciri-Ciri Pensyariatian

Ada dua kaedah yang digunakan oleh wahyu dalam melakukan pembinaan asas hukum Islam ini. Kedua-duanya ialah menyelesaikan persoalan yang dihadapi dan memberi ketentuan hukum terhadap sesuatu yang belum terjadi.

a) Menyelesaikan persoalan yang telah dihadapi

Berdasarkan kaedah ini sesuatu hukum itu hanya akan diterangkan oleh wahyu sesudah terjadinya sesuatu atau pertanyaan mengenainya Apabila berlaku sesuatu kes yang belum ada hukum mengenainya atau timbul sesuatu persoalan di kalangan umat Islam, Nabi SAW akan menunggu kedatangan wahyu yang akan menerangkan hukum dan menjawab persoalan berkenaan.

Biasanya wahyu akan datang dengan segera sama ada dalam bentuk ayat al-Quran ataupun dalam bentuk hadis. Dan sekiranya wahyu tidak datang, Nabi SAW akan berijtihad dan memberikan hukum sementara yang nantinya akan diputuskan oleh wahyu, sama ada ianya tepat ataupun tidak.

Antara contohnya ialah; hukum haram berkahwin dengan perempuan musyrik, hukum jangan berat sebelah dalam melakukan pengadilan dan sebagainya. Antaranya juga ialah hukum-hukum yang didahului oleh perkataan yang memberi erti bahawa ada pertanyaan mengenainya, seperti hukum mengenai darah haid, arak dan judi, bulan-bulan haram, anak-anak yatim dan sebagainya.

Menilai kaedah ini, kita dapat fahami bahawa pembinaan hukum Islam itu telah dilakukan oleh wahyu dengan mengambil kira perkembangan dan keperluan semasa. Ini mungkin suatu cara yang akan memudahkan penerimaannya di kalangan masyarakat sebagai hukum-hukum yang realistik dan juga yang menjadikan pembinaan hukum itu sendiri sebagai suatu penyusunan yang rapi.

b) Menerangkan hukum tentang apa yang belum berlaku

Mengikut kaedah ini, sesuatu hukum itu akan diterangkan oleh wahyu bukan kerana berlaku apa-apa peristiwa yang memerlukan, atau timbul apa-apa pertanyaan mengenainya. Ianya diterangkan oleh wahyu dengan perhitungan bahawa masanya sudah sampai untuk melaksanakan idea berkenaan dalam masyarakat.

Antara contohnya adalah; kewajipan melakukan ibadah, peraturan-peraturan nikah kahwin, urusan hidup, jenayah dan sebagainya. Menilai kaedah ini kita dapat fahami bahawa meskipun hukum Islam itu menitikberatkan realiti namun dalam banyak hal ia merasa perlu mendedahkan nilai kebajikannya secara lebih awal.

Tujuannya ialah untuk mendorong masyarakat kepada nilai-nilai tadi dengan secara sadar. Layaknya, hukum Islam bukan sahaja berfungsi sebagai penilai tentang apa yang

telah berlaku tetapi juga pemandu ke arah perlakuan-perlakuan yang lebih baik dari beberapa kemungkinan lain yang akan berlaku tanpa panduan darinya.

Sumber Hukum Pada Zaman Kenabian

Daripada keterangan-keterangan di atas, terdapat dua sahaja sumber hukum di zaman kenabian ini iaitu: Al-Quran dan Al-Sunnah

Kedua-dua sumber ini adalah wahyu-wahyu dari Allah yang disampaikan melalui Nabi Muhammad SAW. Segala pengertian dan kehendak yang terdapat di dalam kedua-duanya adalah dari Allah SWT. Apa yang berbeza antara kedua-dua jenis wahyu ini hanyalah pada lafaz dan perkataannya sahaja, di mana setiap lafaz dan perkataan yang terdapat dalam al-Quran adalah dari Allah sedangkan lafaz-lafaz dan perkataan-perkataan yang terdapat dalam Hadis, maka ianya dari Rasulullah SAW sendiri.

Atas sifat inilah maka al-Quran disebut sebagai kalam Allah (Kalamullah) sedangkan Hadis disifatkan sebagai Hadis atau Sunnah Rasulullah. Dalam berfungsi sebagai sumber hukum, al-Quran bertindak sebagai sumber yang utama. Darinyalah lahir prinsip-prinsip utama hukum. Sementara al-Sunnah pula berfungsi sebagai pengulas kepada al-Quran, yang kadangkala untuk memahami isi tertentu al-Quran kita memerlukan Sunnah ini. Berdasarkan hakikat ini para ulama' biasanya meletakkan al-Quran sebagai sumber pertama dan al-Sunnah sebagai sumber kedua hukum.

Ciri-Ciri Pensyariatkan Pada Zaman Kenabian

Hukum Islam terbina atas landasan wahyu, sama ada berupa al-Quran atau al-Sunnah.

Ciri-ciri pensyariatkan pada zaman kenabian ini adalah seperti berikut:

a) Tidak berlaku apa-apa perselisihan pendapat tentang hukum

Ini kerana segala hukum yang ditentukan pada waktu itu secara langsung berdasarkan wahyu. Tidak seperti di zaman-zaman terkemudian, pada zaman kenabian ini, penentuan hukum adalah suatu ikhtisas yang hanya akan dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW sahaja dengan berdasarkan wahyu. Tidak ada siapa yang berhak mencampuri urusan ini termasuk juga pandangan peribadi dan ijtihad Nabi Muhammad sendiri.

Memang terdapat dan pernah berlaku perselisihan pendapat antara para sahabat dan malah melibatkan Rasulullah sendiri, pada zaman ini, mengenai sesuatu kes tertentu. Tetapi perselisihan-perselisihan seperti ini tidak dikira sebagai perselisihan mengenai hukum. Ini kerana meski apa pun pendapat yang ada ianya terus merupakan pendapat sementara yang akan ditentukan betul atau salahnya oleh wahyu yang datang kemudiannya. Dalam kata lain, pendapat-pendapat itu merupakan hasil ijtihad, sementara yang akan tertakluk kepada wahyu dan tidak berwewenang dalam menentukan hukum.

b) Berlaku pindaan (Nasakh) terhadap setengah-setengah hukum

Nasakh ertinya secara mudah ialah menggantikan sesuatu hukum dengan hukum yang lain, sama ada pada keseluruhan atau sebahagiannya sahaja. Dalam bahasa moden boleh kita sebut sebagai pindaan.

Pada peringkat pembinaan ini kadang-kadang sesuatu hukum itu ditentukan oleh Syarak bukan sebagai suatu keputusan atau ketentuan terakhir tetapi sebaliknya sebagai hukum yang menerima perubahan oleh tujuan-tujuan tertentu. Hukum-hukum ini telah dipinda oleh wahyu yang datang terkemudian sama ada dalam rangka menguatkuasakan hukum secara beransur-ansur atau semata-mata menggantikan hukum-hukum yang memang bersitat sementara pada sisi Syarak. Dalam melakukan perubahan ini, kadang-kadang Syarak mengubah seluruh hukum berkenaan dan kadang-kadang pula meminda sebahagiannya yang perlu sahaja.

Dalam al-Quran terdapat banyak contoh pindaan ini. Antaranya ialah mengenai hukum wasiat. Mengikut hukum yang pertama sekali diturunkan oleh wahyu, wasiat adalah wajib dilakukan oleh setiap orang sebelum kematiannya. Firman Allah dalam surah Al-Baqarah (2), Ayat 180:

كُتِبَ عَلَيْكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدَكُمُ الْمَوْتُ إِن تَرَكَ خَيْرًا الْوَصِيَّةَ لِلْوَلَدَيْنِ وَالْأَقْرَبِينَ
بِالْمَعْرُوفِ حَقًّا عَلَى الْمُنْقِبِينَ

Maksudnya: “Diwajibkan atas kamu, apabila seorang di antara kamu kedatangan (tanda-tanda) maut, jika ia meninggalkan harta yang banyak, berwasiat untuk ibu-bapa dan karib kerabatnya secara adil dan baik. (Ini adalah) kewajiban atas orang yang bertaqwa.”

Tetapi kemudiannya hukum wajib wasiat ini dipinda oleh ayat-ayat mengenai pusaka.

Antara contoh Nasakh lagi ialah hukum mengenai ‘idah perempuan yang kematian suami. Pada mulanya, ‘idah mereka ini ditentukan oleh Syarak selama setahun genap, sebagaimana ternyata dalam Firman Allah dalam surah Al-Baqarah (2), Ayat 240:

وَالَّذِينَ يَتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا وَصِيَّةً لِأَزْوَاجِهِمْ مَّتَّعًا إِلَى الْحَوْلِ غَيْرِ إِخْرَاجٍ

Maksudnya: “Dan orang-orang yang akan meninggal dunia di antaramu dan meninggalkan isteri, hendaklah berwasiat untuk isteri-isterinya (iaitu) diberi nafkah hingga setahun lamanya dengan tidak disuruh pindah (dari rumahnya).”

Walau bagaimanapun, ‘idah ini kemudiannya dipinda menjadi empat bulan oleh firman Allah dalam surah Al-Baqarah, Ayat 234:

وَالَّذِينَ يَتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

Maksudnya: “Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber’idah) selama empat bulan sepuluh hari.”

c) **Kebanyakan hukum yang ditentukan oleh nas-nas al-Quran atau as-Sunnah di zaman kenabian ini, disertakan dengan ‘ilat mengapa ianya ditentukan**

‘Ilat boleh ditafsirkan sebagai sebab khusus kepada penentuan hukum seperti itu. Dalam kata lain ianya merupakan sebab khusus mengapa hukum berkenaan ditentukan. ‘Ilat ini akan sentiasa menjadi asas untuk memahami latar belakang sesuatu hukum berkenaan, juga merupakan sebagai sandaran kepada usaha melanjutkan hukum yang serupa kepada kes-kes lain yang tidak dinaskan oleh al-Quran dan as-Sunnah.

Antara contoh hukum-hukum yang disertakan dengan ‘ilat ini ialah hukum haramnya arak. Dalam hal ini Allah menerangkan bahawa pengharaman arak adalah oleh sebab-sebab tertentu. Firman Allah dalam surah Al-Maidah (5), Ayat 90 - 91:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَمُ رَجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ
فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ٩٠ إِنَّمَا يُرِيدُ الشَّيْطَانُ أَنْ يُوقَعَ بَيْنَكُمْ الْعَدَوَّةَ وَالْبَغْضَاءَ فِي الْخَمْرِ
وَالْمَيْسِرِ وَيَصُدَّكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَعَنِ الصَّلَاةِ فَهَلْ أَنْتُمْ مُنْتَهُونَ ٩١

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Bahawa sesungguhnya arak, dan judi, dan pemujaan berhala, dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah, adalah (semuanya) kotor (keji) dari perbuatan Syaitan. Oleh itu hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya. Sesungguhnya Syaitan itu hanyalah bermaksud mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab arak dan judi, dan mahu memalingkan kamu daripada mengingat Allah dan daripada mengerjakan sembahyang. Oleh itu, mahukah kamu berhenti darinya?

Begitu juga Rasulullah SAW apabila menggesa para belia yang mampu supaya berkahwin. Baginda menerangkan tujuannya ialah untuk menjaga kesucian mereka daripada apa-apa noda. Sabda Baginda SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ لَنَا رَسُولُ اللَّهِ : يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ؛ مَنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ، فَإِنَّهُ أَغْضُّ لِلْبَصْرِ، وَأَحْصَنُ لِلْفَرْجِ، وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ؛ فَإِنَّهُ لَهُ وَجَاءٌ . (مُتَّفَقٌ عَلَيْهِ)

Maksudnya: Dari Abdullah bin Mas’ud, beliau berkata, Rasulullah shallallahu alaihi wa sallam berkata kepada kami, “Wahai para pemuda, siapa yang sudah mampu memberi nafkah, hendaklah dia berkahwin. Sesungguhnya perkahwinan itu lebih menundukkan pandangannya dan menjaga kemaluannya. Siapa yang tidak mampu, hendaklah dia berpuasa, kerana puasa dapat meringankan syahwatnya.”

litihad di Zaman Kenabian (litihad Nabi dan Sahabat)

Ijtihad Rasulullah SAW

Dalam keterangan yang lepas juga, telah kita katakan bahawa Nabi SAW pernah berijtihad dalam menentukan hukum. Hal ini dilakukan oleh Baginda apabila wahyu lambat turun untuk menjawab persoalan-persoalan segera yang timbul. Ijtihad ini kadangkalanya dilakukan oleh Baginda secara perseorangan dan kadangkalanya pula Baginda SAW meminta pendapat para sahabat Baginda.

Bagaimanapun, ini bukan bererti bahawa ijtihad telah merupakan suatu sumber hukum pada waktu itu. Ini kerana apa pun juga hukum yang ditentukan melaluinya ia bukan merupakan suatu hukum yang tetap tetapi sebaliknya merupakan hukum sementara sahaja.

Dalam setiap kes, hukum ini kemudiannya akan ditentukan oleh nas wahyu sendiri sama ada akan diterima dan dikekalkan sebagai hukum yang sebenarnya ataupun ditolak. Jadinya yang menjadi sumber hukum yang sebenarnya dalam kes-kes seperti ini ialah wahyu sendiri.

Dalam al-Quran terdapat banyak kes yang ijtihad Nabi ini ditolak. Malah dalam beberapa kes tertentu Nabi SAW ditegur kerana melakukan ijtihad yang salah. Antara kes-kes tersebut ialah:

- a) Kes mengenai tawanan perang Badar. Dalam peperangan ini tentera Islam telah menawan banyak tentera-tentera musyrikin. Rasulullah SAW lalu meminta nasihat para sahabatnya tentang apa yang harus dilakukan terhadap tawanan-tawanan yang banyak itu. Keputusan yang diambil dalam perbincangan itu ialah melepaskan mereka dengan secara membayar tebusan. Keputusan ini kemudiannya ditegur oleh Allah sebagai tidak bijak. Firman Allah dalam surah Al-Anfal (8). Ayat 67:

مَا كَانَ لِنَبِيِّ أَنْ يَكُونَ لَهُ أُسْرَىٰ حَتَّىٰ يَتُخَذَ فِي الْأَرْضِ ثَرْيُودًا ۚ عَرَضَ الدُّنْيَا وَاللَّهُ يُرِيدُ
الْآخِرَةَ ۚ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ٦٧

Maksudnya: "Tidak patut bagi seorang Nabi mempunyai tawanan sebelum ia dapat melumpuhkan musuhnya di muka bumi. Kamu mahukan harta dunia sedangkan Allah menghendaki (pahala) akhirat (untukmu). Dan Allah maha perkasa lagi bijaksana."

- b) Persediaan yang dilakukan oleh Nabi Muhammad SAW dan umat muslimin bagi menghadapi peperangan Tabuk dilakukan dalam keadaan jerih (kekurangan perbekalan) dan berhawa panas. Keadaan ini telah menimbulkan rasa kurang selesa di kalangan umat Islam yang kurang Iman. Di samping itu golongan munafikin juga mencari berbagai-bagai alasan untuk tidak ikut sama keluar berperang. Kumpulan-kumpulan ini telah datang mengadap Rasulullah SAW serentak dengan mereka yang benar-benar berkeuzuran untuk meminta pengecualian dari menghadirkan diri dalam peperangan yang akan diharungi itu. Tanpa membuat pengkelasan yang teliti di antara mereka yang sebenar-benarnya uzur dan para munafikin ini, Nabi meluluskan semua permohonan itu dan semua mereka dibenarkan tidak ikut serta dalam peperangan berkenaan. Keputusan ini kemudiannya telah ditegur oleh Allah SWT dan disifatkan sebagai tidak menepati kebenaran. Firman Allah dalam surah At-Taubah (9), Ayat 43:

عَفَا اللَّهُ عَنْكَ لِمَ أَذِنْتَ لَهُمْ حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَكَ الَّذِينَ صَدَقُوا وَتَعْلَمَ الْكَاذِبِينَ ٤٣

Maksudnya: “Semoga Allah memaafkan kamu. Mengapa kamu memberi izin kepada mereka (untuk tidak pergi berperang), sebelum jelas bagi kamu orang-orang yang benar-benar (dalam keuzuran) dan sebelum kamu mengetahui orang-orang yang berdusta.”

- c) Apabila Abdullah Ibn Ubai yang munafik itu meninggal dunia, anaknya telah datang meminta Rasulullah SAW untuk solat keatas mayatnya. Mengetahui yang Abdullah sebenarnya seorang munafik Rasulullah turut juga menyetujui permintaan itu lalu pergi menunaikannya. Ijtihad Nabi ini telah ditegur oleh Allah dengan firmanNya dalam surah At-Taubah (9), Ayat 84:

وَلَا تُصَلِّ عَلَى أَحَدٍ مِّنْهُمْ مَّتَّ أَبَدًا وَلَا تَقُمْ عَلَى قَبْرِهِ ۚ إِنَّهُمْ كَفَرُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ۚ وَمَاتُوا وَهُمْ فَاسِقُونَ ٨٤

Maksudnya: “Dan janganlah engkau sembahyangkan seorang pun yang mati dari orang-orang munafik itu selama-lamanya, dan janganlah engkau berada di (tepi) kuburnya, kerana sesungguhnya mereka telah kufur kepada Allah dan RasulNya, dan mereka mati sedang mereka dalam keadaan fasik (derhaka).”

Begitulah. Setiap ijtihad daripada Rasulullah SAW itu bukan menentukan hukum yang sebenarnya. Ia merupakan suatu langkah sementara yang kemudiannya akan ditentukan oleh wahyu.

Ijtihad Sahabat Pada Zaman Rasulullah SAW

Berkenaan persoalan sama ada para Sahabat RA diharuskan berijtihad pada zaman Rasulullah SAW atau pun tidak, para fuqaha telah berbeza pendapat mengenainya. Sehubungan itu, Imam al-Ghazali (505 H) menjelaskan sebagaimana berikut:”

مسألة الاجتهاد في حياة النبي صلى الله عليه وسلم: اختلفوا

في جواز التعبد بالقياس والاجتهاد في زمن الرسول عليه السلام فمنعه قوم وأجازه قوم وقال قوم: يجوز للقضاة والولاة في غيبته لا في حضور النبي صلى الله عليه وسلم والذين جوزوا منهم من قال يجوز بالإذن ومنهم من قال يكفي سكوت رسول الله صلى الله عليه وسلم. ثم اختلف المجوزون في وقوعه

Maksudnya: “Masalah (Keharusan Para Sahabat) Berijtihad Pada Zaman Rasulullah SAW: Para fuqaha telah berselisih pendapat tentang keharusan (para Sahabat) berta'abbud (kepada Allah) dengan merealisasikan qiyas dan berijtihad pada zaman Rasulullah SAW. Sebahagian fuqaha mengingkarinya, manakala sebahagian yang lain mengharuskannya.

Sebahagian yang lain pula berkata: harus (berijtihad) bagi kadi-kadi dan ketua-ketua (yang dilantik oleh Rasulullah SAW sahaja) semasa ketiadaan baginda, bukannya semasa kehadiran baginda. Dan para fuqaha yang mengharuskan itu sendiri ada yang mengatakan (para Sahabat) harus berijtihad dengan keizinan baginda, dan ada pula yang mengatakan (keharusan berijtihad itu) sudah memadai dengan cara baginda berdiam diri (tanpa memberikan keizinan). Kemudian, para fuqaha yang mengharuskannya telah berbeza pendapat tentang berlakunya pelaksanaan ijtihad para Sahabat RA pada zaman Rasulullah SAW.”

Imam al-Ghazali seterusnya menjelaskan pendapat yang dipilih oleh beliau sebagaimana berikut:

والمختار أن ذلك جائز في حضرته وغيبته وأن يدل عليه بالإذن . فأما وقوعه
فالصحيح أنه قام الدليل على أو السكوت ... وقوعه في غيبته بدليل قصة معاذ فأما في
حضرته فلم يقدّم فيه دليل.

Maksudnya: “Menurut pendapat yang terpilih, bahawa ta'abbud (dengan berijtihad) itu adalah harus berlaku semasa kehadiran Rasulullah SAW dan juga semasa ketiadaan baginda, dan bahawa baginda telah menunjukkan keharusan tersebut dengan memberi keizinan dan juga dengan berdiam diri... adapun tentang berlakunya pelaksanaan ijtihad, maka yang sahinya ialah terdapat dalil yang menunjukkan ia berlaku ketika ketiadaan baginda; dengan dalil (terdapat) kisah Mu'az. Adapun berkenaan berlakunya ijtihad Sahabat semasa kehadiran baginda, maka tidak terdapat satu dalil pun yang membuktikan ia benar-benar telah berlaku.”

Berdasarkan penerangan di atas, ianya adalah benar bahawa para Sahabat RA diharuskan berijtihad pada zaman Rasulullah SAW ketika mereka berada berjauhan daripada baginda bahkan sebilangan Sahabat yang menjadi *ma'mum masbuq* telah berijtihad dalam mengenalpasti cara untuk mencukupkan bilangan rakaat solat berjamaah di belakang Rasulullah SAW sehingga akhirnya baginda menetapkan bahawa cara yang setepatnya ialah sebagaimana yang dilakukan oleh Mu'az bin Jabal RA.

Sebenarnya terdapat banyak bukti yang menunjukkan bahawa sebilangan Sahabat RA telah berijtihad dalam pelbagai kes pada zaman Rasulullah SAW sebagaimana yang akan diperjelaskan nanti. Tambahan lagi ia bersesuaian dengan penjelasan fuqaha yang mengatakan bahawa setiap mujtahid dan tentunya termasuk juga para Sahabat yang hidup pada zaman Rasulullah SAW adalah diharuskan berijtihad apabila mereka tidak berupaya untuk menemui nas syarak yang terperinci berhubung sesuatu permasalahan hukum yang dihadapi, bukannya apabila benar-benar tidak wujud sebarang nas syarak yang terperinci berkaitan dengan masalah yang dihadapi itu.

Berkenaan peranan Rasulullah SAW berkaitan ijtihad yang direalisasikan oleh para Sahabat, baginda akan memberikan perakuan kepada setiap ijtihad yang bertepatan dengan sesuatu fakta hukum yang terkandung di dalam al-Quran dan juga apabila ia menepati prinsip-prinsip umum dan objektif syariah. Sebaliknya apabila seseorang Sahabat tersilap dalam ijtihadnya, baginda pastinya akan menjelaskan hukum syarak yang setepatnya.

Antara contoh-contoh ijtihad yang dilakukan oleh para sahabat adalah seperti berikut:

a) Cara Ma'mum Masbuq Mencukupkan Bilangan Rakaat Solat Fardu Berjamaah

Berkenaan cara ma'mum masbuq mencukupkan bilangan rakaat solat fardu berjamaah pada permulaan hijrah ke Kota Madinah, Imam Ahmad bin Muhammad bin Hanbal (164-241 H) telah meriwayatkan hadis berikut:

كَانَ النَّاسُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا سُبِقَ الرَّجُلُ بِبَعْضِ صَلَاتِهِ سَأَلَهُمْ فَأَوْمَنُوا إِلَيْهِ بِالَّذِي سُبِقَ مِنَ الصَّلَاةِ فَيَقْضِي مَا سُبِقَ ثُمَّ يَدْخُلُ مَعَ الْقَوْمِ فِي صَلَاتِهِمْ فَجَاءَ مُعَاذُ بْنُ جَبَلٍ وَالْقَوْمُ قُوعِدٌ فِي صَلَاتِهِمْ فَقَعَدَ فَلَمَّا فَرَغَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَامَ فَقَضَى مَا كَانَ سَبَقَهُ. فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (اصْنَعُوا كَمَا صَنَعَ مُعَاذُ)

Maksudnya: “Adalah para Sahabat pada zaman Rasulullah SAW (pada permulaan ketibaan baginda ke Kota Madinah), apabila terdapat seseorang Sahabat yang terlepas sebahagian rakaat solat berjamaah (kerana lewat datang ke masjid untuk mengerjakan solat berjamaah di belakang baginda), dia akan bertanya kepada Sahabat yang sedang bersolat, maka Sahabat yang ditanya itu mengisyaratkan (dengan jari tangan) kepadanya berkenaan bilangan rakaat solat yang telah dikerjakan (oleh Rasulullah SAW). Maka mulailah Sahabat (yang terlepas) itu mengerjakan rakaat yang telah dikerjakan itu (secara bersendirian), kemudian barulah dia mengerjakan solat bersama para Sahabat lain (mengikut pergerakan Rasulullah SAW sebagai imam solat). Tiba-tiba (pada suatu hari), datanglah Mu'az bin Jabal RA ketika para Sahabat sedang berada dalam posisi duduk semasa mengerjakan solat berjamaah, lalu beliau pun (bertakbir dan) terus duduk. Selepas Rasulullah SAW selesai mengerjakan solat, barulah beliau (Mu'az RA) berdiri lalu mengerjakan bilangan rakaat yang telah dikerjakan (oleh Rasulullah SAW sebelum ketibaan beliau ke masjid). (Melihat tindakan sedemikian), maka Rasulullah SAW pun bersabda: “Hendaklah kamu melakukan sebagaimana cara yang telah dilakukan oleh Mu'az”.

Hadis di atas menjelaskan bahawa pada permulaan hijrah ke Kota Madinah, apabila terdapat seseorang Sahabat yang terlepas datang ke masjid yang menyebabkan dia terlepas sebahagian rakaat solat berjamaah bersama Rasulullah SAW, Sahabat yang terlepas itu akan bertanya kepada Sahabat yang sedang bersolat untuk mengetahui berapa rakaatkah solat berjamaah yang telah dikerjakan oleh mereka. Setelah mendapat jawapan melalui bahasa isyarat, Sahabat yang terlepas itu akan bertakbir lalu mengerjakan bilangan rakaat solat yang mereka ketinggalan itu secara bersendirian. Selepas itu barulah mereka mengikuti perbuatan solat Rasulullah SAW satu persatu sehingga apabila baginda menyelesaikan solat dengan ucapan salam, mereka juga akan turut menyelesaikan solat dengan cara yang sama.

Hadis di atas seterusnya menjelaskan bahawa Mu'az RA telah berijtihad dalam mencukupkan bilangan rakaat solat sebagai ma'mum masbuq. Tidak sebagaimana ijtihad para Sahabat yang lain, apabila Mu'az bin Jabal RA yang datang lewat ke masjid

mendapati semua ahli jamaah berada dalam posisi duduk, beliau pun memulakan solat dengan bertakbiratul ihram dan selepas itu beliau terus duduk untuk menyamakan solat beliau dengan posisi solat Rasulullah SAW. Selepas baginda selesai mengerjakan solat, barulah Mu'az RA bangkit berdiri dan mencukupkan bilangan rakaat yang ketinggalan itu secara bersendirian. Selepas menyaksikan cara tersebut, Rasulullah SAW terus memberikan pengiktirafan yang sepenuhnya dan menetapkan sebagai cara yang perlu diikuti oleh semua ma'mum yang ketinggalan rakaat di belakang imam.

b) 'Ammar RA Berguling di Atas Padang Pasir untuk Bertayammum

Telah diriwayatkan bahawa dalam suatu perjalanan bermusafir, 'Ammar bin Yasir RA telah berjunub (berhadas besar) dan beliau mengalami masalah ketiadaan air untuk mandi wajib. Sehubungan itu, 'Ammar RA telah berijtihad lalu beliau pun bertayammum menurut cara yang beliau fikirkan logik dan munasabah. Berkenaan peristiwa berkenaan, 'Ammar RA telah meriwayatkan:

أَجْنَبْتُ فَلَمْ أَصِبِ الْمَاءَ فَتَمَعَكْتُ فِي الصَّعِيدِ وَصَلَّيْتُ فَذَكَرْتُ ذَلِكَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ: (إِنَّمَا كَانَ يَكْفِيكَ هَكَذَا) وَضَرَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِكَفِّهِ الْأَرْضَ وَنَفَخَ فِيهِمَا ثُمَّ مَسَحَ بِهِمَا وَجْهَهُ وَكَفَّهُ

Maksudnya: “Saya telah berjunub dan saya tidak mendapati air (untuk mandi janabah) lalu saya pun berguling di atas muka bumi (dalam debu pasir) dan (kemudiannya) mengerjakan solat. Lalu saya melaporkan tindakan tersebut kepada Rasulullah SAW lantas baginda bersabda: “Sesungguhnya cukuplah bagi anda bertayammum dengan melakukan begini” sambil Nabi SAW meletakkan kedua tangan baginda ke bumi kemudian meniup pada kedua telapak tangan baginda (supaya debu tanah yang terlekat padanya menjadi lebih sedikit) kemudian menyapukan keduanya pada muka dan pada dua (belakang) telapak tangan baginda.”

Tindakan ﷺ Ammar RA bertayammum dengan cara berguling di atas padang pasir bagi menggantikan mandi janabah adalah kerana beliau telah mengqiyaskan (membandingkan) cara bertayammum untuk bersuci daripada hadas besar dengan perbuatan mandi janabah. Sehubungan itu, beliau berpendapat bahawa sebagaimana orang yang berjunub perlu mandi dengan meratakan air pada seluruh badan, maka orang yang bertayammum kerana berhadas besar juga perlu meratakan debu pada seluruh badan.

Setelah pulang daripada bermusafir, beliau telah bertanya kepada Rasulullah SAW berkenaan kedudukan ijtihad beliau berkaitan kes yang telah dilaluinya itu. Mendengar laporan berkenaan, baginda menjelaskan bahawa cara bertayammum untuk menggantikan mandi janabah adalah sama sahaja dengan cara bertayammum untuk menggantikan wuduk, di mana ia hanya melibatkan dua anggota iaitu muka dan dua belah tangan sahaja.

c) Seorang Sahabat Mengqadhakan Solat Sunat Subuh Selepas Mengerjakan Solat Fardhu Subuh

Terdapat hadis yang menjelaskan bahawa Rasulullah SAW telah melarang umat Islam daripada mengerjakan solat sunat selepas mereka mengerjakan solat fardhu Subuh sehinggalah matahari muncul sepenuhnya. Begitu juga pada ketika matahari sedang berada tegak di tengah langit pada waktu tengahari sehingga ia gelincir, dan juga selepas mereka mengerjakan solat fardhu Asar sehinggalah matahari teggelam sepenuhnya.

Namun begitu, telah diriwayatkan bahawa ada seorang Sahabat pada zaman Rasulullah SAW yang telah berjihad, di mana selepas mengerjakan solat fardhu Subuh bersama dengan Rasulullah SAW, beliau telah mengerjakan solat sebanyak dua rakaat.

Sehubungan itu, Imam Abu Dawud meriwayatkan hadis yang berikut:

"رأى رسول الله صلى الله عليه وسلم رجلاً يصلي بعد صلاة الصبح ركعتين فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: (صلاة الصبح ركعتان). فقال الرجل إلي لم أكن صليبت الركعتين اللتين قبلهما فصليتهما الآن فسكت رسول الله صلى الله عليه وسلم."

Maksudnya: "Rasulullah SAW telah melihat seorang lelaki mengerjakan solat sebanyak dua rakaat selepas mengerjakan solat fardhu Subuh. Lalu Rasulullah SAW bersabda: "Solat Subuh hanya dua rakaat sahaja". Lelaki tersebut berkata: "Sesungguhnya saya belum mengerjakan (solat sunat) dua rakaat sebelumnya, maka (dengan alasan itulah) saya mengerjakannya sekarang". Lalu diamlah Rasulullah SAW."

Hadis di atas menjelaskan bahawa selepas mengerjakan solat fardhu Subuh bersama Rasulullah SAW, seorang Sahabat telah berjihad lalu mengqadha solat sunat Subuh yang tidak sempat dikerjakannya sebelum beliau mengerjakan solat fardhu Subuh. Walaupun pada mulanya tindakan beliau itu mendapat teguran daripada Rasulullah SAW, namun setelah mendapat penjelasan daripada lelaki berkenaan, Rasulullah SAW terus berdiam diri.

Memandangkan Rasulullah SAW tidak akan berdiam diri daripada sebarang kesalahan yang berlaku dalam masalah agama, maka ia secara langsung membuktikan bahawa tindakan baginda berdiam diri itu bertujuan untuk memberikan pengiktirafan (perakuan) terhadap ijtihad Sahabat berkenaan.

Malahan Rasulullah SAW sendiri pernah mengerjakan solat sunat selepas baginda mengerjakan solat fardhu Asar padahal baginda telah pun melarang umat Islam mengerjakan solat sunat dalam waktu berkenaan. Sehubungan itu, telah diriwayatkan bahawa pada suatu hari, selepas mengimami solat fardhu Asar di masjid, Rasulullah SAW pulang ke rumah Ummu Salamah RA (isteri baginda) lalu mengerjakan solat sebanyak dua rakaat. Memandangkan amalan tersebut tidak pernah dilakukan oleh baginda sebelum itu, bahkan ia juga bertentangan dengan larangan baginda supaya umat Islam

tidak mengerjakan solat sunat selepas mereka mengerjakan solat fardu Asar, Ummu Salamah RA terus meminta penjelasan daripada Rasulullah SAW lalu baginda pun bersabda:

يا بنت أبي أمية سألت عن الركعتين بعد العصر إنه أتاني ناس من عبد القيس بالإسلام
من قومهم فشغلوني عن الركعتين اللتين بعد الظهر فهما هاتان

Maksudnya: “Wahai anak perempuan Abi Umayyah! Anda bertanya kepada saya tentang (sembahyang yang saya kerjakan) dua rakaat selepas fardu Asar, sesungguhnya saya telah didatangi oleh satu rombongan dari kalangan Bani Abdil Qays yang mahu memeluk Islam. Mereka telah menyibukkan saya sehingga tidak sempat untuk mengerjakan solat sunat dua rakaat selepas fardu Zohor. Maka dua rakaat tersebut saya kerjakan sekarang.”

Merujuk kepada hadis di atas, para fuqaha' telah merumuskan bahawa sebagaimana seseorang diharuskan mengqadha solat sunat dalam waktu yang dilarang oleh syarak, seseorang diharuskan juga untuk mengqadha solat fardu selepas mengerjakan solat fardu Subuh dan solat fardu Asar. Menurut fuqaha' Syafi'iyah, solat yang tidak boleh dikerjakan selepas menunaikan solat fardu Subuh dan fardu Asar dan juga di dalam tiga waktu lain yang terlarang ialah solat sunat mutlak, solat hajat dan solat sebelum bermusafir”.

Kesimpulannya, penjelasan di atas membuktikan bahawa Rasulullah SAW telah memberikan keizinan kepada para Sahabat RA untuk berijtihad apabila menghadapi sesuatu permasalahan yang tidak mempunyai nas hukum yang terperinci terutamanya ketika mereka berada di tempat yang berjauhan daripada Rasulullah SAW. Sehubungan itu, apa yang menjadi peranan Rasulullah SAW ialah baginda akan memperakui mana-mana ijtihad Sahabat yang menepati sesuatu fakta hukum yang terkandung di dalam al-Quran dan juga apabila ia menepati prinsip- prinsip umum dan objektif syariah.

Apabila seseorang Sahabat tersilap, baginda akan menjelaskan hukum yang setepatnya menurut ketentuan dan kehendak Allah SWT sebagaimana yang terkandung di dalam al-Quran. Perlu ditegaskan bahawa sumber hukum Islam pada zaman Rasulullah SAW hanyalah al-Quran dan al-Sunnah. Ijtihad para Sahabat hanya menjadi sumber rujukan hukum apabila ia mendapat perakuan dan pengiktirafan daripada Rasulullah SAW. Apabila ijtihad Sahabat RA dibatalkan oleh Rasulullah SAW, maka ia dikira terbatal dengan sendirinya. Selepas kewafatan Rasulullah SAW barulah ijtihad diterima menjadi sumber hukum Islam menurut prinsip dan metodologinya yang tertentu.

SESI KEDUA: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN KHULAFAH AR-RASYIDIN

Pendahuluan

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, maka terhentilah tasyri' sebab wahyu sudah tidak turun lagi, demikian juga dengan Sunnah. Era selanjutnya adalah era sahabat iaitu Zaman Khulafa' ar-Rasyidin. Para sahabat r.a. telah menghadapi pelbagai isu politik dan permasalahan hukum yang mempunyai beberapa aspek perbezaan berbanding apa yang mereka pernah alaminya pada zaman Rasulullah SAW.

Perundangan di zaman sahabat bermula dari kewafatan Rasulullah SAW (11 Hijrah) hingga akhir abad pertama Hijrah. Ianya merupakan zaman pentafsiran undang-undang di zaman permulaan terbukanya pintu ijtihad dan istinbat (iaitu mengeluarkan hukum dengan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam perkara yang belum ada nas yang jelas.

Yang dimaksudkan dengan sahabat adalah orang-orang Islam yang lama bergaul dengan Rasulullah. Definisi ini adalah merupakan definisi umum. Ulama' hadis memberikan definisi: orang Islam yang pernah bertemu dengan Nabi walaupun satu kali pertemuan. Para sahabat juga telah bergaul rapat dengan Rasulullah SAW dalam pelbagai peristiwa dan suasana yang secara langsung menjadikan mereka mengetahui tentang sempena, masa dan kepada siapa sesuatu ayat al-Quran diturunkan.

Berita kewafatan Nabi Muhammad SAW amat mengejutkan para sahabat, bahkan pada awalnya Umar bin Khattab tidak percaya bahwa Rasulullah SAW telah wafat. Pada hari kewafatan Rasulullah SAW, para sahabat dihadapkan pada kenyataan: siapa yang akan menggantikan Rasulullah setelah beliau wafat? Malah hampir sahaja terjadi perdebatan yang hebat antara kaum Muhajirin dan Anshar, kerana masing-masing menuntut bahwa dari kelompok merekalah yang terbaik untuk menggantikan kedudukan Rasulullah SAW.

Perdebatan itu terjadi di Tsaqifah Bani Saidah yang memakan waktu selama tiga hari. Selama itu pula, jenazah Rasulullah tidak terurus, kecuali hanya beberapa sahabat dari kalangan ahli al-bait. Namun akhirnya permasalahan dapat diselesaikan dengan kepandaian dan ke'arifan Umar bin Khattab yang secara demokrasi memilih Abu Bakar r.a sebagai khalifah pertama.

Banyak persoalan dan permasalahan yang perlu diselesaikan oleh para sahabat, khususnya yang berkaitan dengan permasalahan hukum, di antaranya:

- a) Kebimbangan mereka akan kehilangan al-Qur'an kerana kebanyakan sahabat yang hafal al-Qur'an telah meninggal dunia dalam Perang Yamamah. Hal ini dapat diselesaikan dengan idea pengumpulan al-Quran oleh Umar bin Khattab r.a.
- b) Sahabat bimbang terjadinya *ikhtilaf* (perbezaan pendapat) di kalangan sahabat terhadap al-Qur'an sehingga dikhawatirkan al-Qur'an bernasib sama dengan kitab-kitab Allah sebelumnya iaitu berubahnya Taurat, Zabur dan Injil oleh orang Yahudi dan Nasrani.
- c) Sahabat takut akan terjadinya pembohongan terhadap Sunnah Rasulullah SAW. Pemeriksaan telah dilakukan sejak zaman Abu Bakar r.a. dengan memperketatkan periwayatan. Begitu juga pada zaman Umar bin Khattab, beliau sangat teliti dalam menilai periwayatan hadis, bahkan menghalang penulisan hadis yang dilakukan oleh beberapa

sahabat. Perbohonangan terhadap sunnah ini terjadi dari dua kumpulan, pertama dari orang Islam sendiri yang melakukan kesalahan atau merubah (tahnif) tanpa sengaja atau terlupa disebabkan karena faktor umur. Manakala, kumpulan kedua adalah daripada orang munafik yang sengaja memalsukan hadis dengan tujuan untuk merosakkan agama.

- d) Sahabat bimbang umat Islam akan menyimpang dari hukum Islam.
- e) Sahabat menghadapi perkembangan serta permasalahan kehidupan yang memerlukan penentuan hukum terhadap Syariah, kerana Islam adalah petunjuk bagi mereka tetapi belum ditetapkan hukumnya dalam al-Qur'an dan sunnah.

Bagi menguruskan permasalahan baharu yang timbul, para sahabat menentukan metodologi berijtihad (*thuruqul ijtihad*) seperti yang telah digariskan oleh Abu Bakar dan Umar bin Khattab iaitu:

- a) Mencari penentuan hukum berdasarkan sumber al-Qur'an,
- b) Sekiranya tidak ditemui dalam al-Quran, maka kembalilah kepada al-Sunnah,
- c) Sekiranya tidak menemukan dalam al-Sunnah, maka tanyalah kepada para sahabat lain; apakah Rasulullah SAW telah memutuskan persoalan tersebut pada zamannya,
- d) Jika tiada sahabat yang memberikan penjelasan, maka berkumpullah para pembesar sahabat dan bermusyawarah untuk menyelesaikan persoalan yang dihadapi (*ijtihad jami'*).

Hal ini dilakukan oleh sahabat kerana pada asalnya Rasulullah juga telah mengizinkan para sahabat untuk melakukan ijtihad jika sesuatu permasalahan tidak dijumpai dalam al-Quran atau al-Sunnah.

Sungguh pun begitu, tidak semua sahabat mempunyai kemampuan berijtihad dan memberi fatwa. Menurut Imam Ibn Hazm (456 H), yang kemudiannya telah diperakui oleh Imam Ibn al-Qayyim (751 H), terdapat lebih kurang 130 orang sahabat sahaja yang diriwayatkan mempunyai keupayaan untuk berijtihad. Bilangan yang seramai itu dibahagikan pula kepada tiga golongan iaitu *al-mukthirun min al-futya* (yang banyak berfatwa), *al-mutawassitun* (yang sederhana) dan *al-muqillun* (yang sedikit).

Golongan *al-mukthirun* hanya terdiri daripada tujuh orang fuqaha' sahaja iaitu Umar Khattab (23 H), Ibn Mas'ud (32 H), Ali (40 H), Zayd b. Thabit (45 H), Aisyah (58 H), Ibn Abbas (68 H) dan Ibn Umar (73 H) r.h. Fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh tujuh orang fuqaha' sahabat ini adalah sangat banyak sehinggakan Ibn Hazm (456 H) menegaskan bahawa fatwa setiap orang antara mereka boleh dikumpulkan menjadi kitab-kitab yang tebal.

Manakala golongan *al-mutawassitun* pula terdiri daripada 13 orang iaitu sayidina Abu Bakr al-Şiddiq, Umm Salamah, Anas b. Malik, Abu Sa'id al-Khudri, Abu Hurairah, 'Uthman b. 'Affan, 'Abd Allah b. 'Amr b. al-'Aş, 'Abd Allah b. al-Zubayr, Abu Musa al-Ash'ari, Saad b. Abi Waqqas, Salman al-Farisi, Jabir b. 'Abd Allah, Mu'az b. Jabal, Talhah b. 'Ubayd Allah, al-Zubayr b. al-'Awwām, 'Abd al-Rahman b. 'Awf, 'Imran b. Huşayn, Abu Bakrah, 'Ubadah b. al-Şamit dan

Mu'awiyah b. Abi Sufyan r.h. Para sahabat yang lain adalah tergolong dalam kalangan al-muqillun min al-futya.

Perkembangan Perundangan Syariah di Zaman Khulafa' Ar-Rasyidin

a) Zaman Abu Bakar al-Siddiq

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, antara persoalan yang mula-mula dihadapi oleh para sahabat ialah berkenaan siapakah yang berhak dilantik sebagai khalifah yang pertama. Selepas melalui perdebatan yang hangat di Saqifah Bani Sa'idah, sayidina Abu Bakar al-Siddiq r.h. (13 H) telah diba'iahkan sebagai khalifah di majlis berkenaan. Memandangkan majlis tersebut hanya dihadiri oleh sebilangan kecil para sahabat r.h., maka bai'ah umum telah dilakukan keesokannya di atas mimbar Masjid Nabawi.

Abu Bakar memerintah selama tiga tahun. Setelah dilantik menjadi khalifah, Abu Bakar mula mengambil langkah untuk menghapuskan kekecohan yang mula tercetus setelah kewafatan Nabi Muhammad SAW. Kekecohan ini telah mengancam perpaduan dan keselamatan penduduk Islam di sekitar Jazirah Arab. Antara kekecohan yang timbul ialah murtadnya suku-suku Arab di sekitar Jaziran Arab, kecuali di Mekah, Madinah, Bani Thaqif di Taif dan Bani Abdul Qais di Oman. Kekecohan seterusnya adalah munculnya beberapa orang yang mengaku sebagai nabi palsu, dan terdapat golongan yang enggan membayar zakat kepada pihak kerajaan Islam yang dipimpin oleh Abu Bakar.

Berikutan dengan masalah-masalah tersebut, Abu Bakar mendapatkan pandangan daripada Umar bin Khattab, dan beliau mempunyai ketetapan dan keteguhan hati, sehingga beliau berkata: "Akan aku perang orang yang berani memisahkan antara solat dan zakat". Kesan tindakan tegas yang di ambil oleh Abu Bakar memerangi orang-orang yang enggan membayar zakat serta nabi-nabi palsu, ramai yang telah bertaubat dan kembali menjadi individu muslim yang mematuhi hukum dan syariat Islam sebenar.

Pada masa itu pula, al-Qur'an untuk pertama kalinya dihimpunkan menjadi satu mushaf atas desakan Umar bin Khattab, kerana banyak sekali huffadz al-Qur'an - sekitar 1000 orang yang syahid dalam penumpasan Musailamah itu.

Tidak terlalu banyak permasalahan hukum dapat dicatatkan dalam sejarah pemerintahan Abu Bakar, berikutan:

- i) Masa pemerintahan Abu Bakar yang singkat, iaitu hanya tiga tahun, dari tahun 632 M hingga 634 M.
- ii) Penumpuan pemerintahan untuk menumpaskan pemberontakan dan orang Islam yang murtad.
- iii) Kehidupan para sahabat pada masa itu belum terlalu kompleks sehingga tidak banyak masalah yang timbul.
- iv) Keimanan dan keislaman pada waktu itu masih sangat tinggi, sekiranya ada sebarang permasalahan, mereka lebih sabar dan toleransi terhadap saudaranya.

Antara permasalahan hukum yang tercatat dalam sejarah pada zaman pemerintahan Abu Bakar adalah masalah kewarisan. Ketika itu, datang seorang nenek yang meminta ketentuan hukum tentang hak waris. Abu Bakar berkata: “Anda tidak mendapatkan apa-apa, karena tidak aku dapatkan keterangan baik dalam al-Qur’an mahupun al-Sunnah”. Kemudian berdirilah Mughirah bin Syu’bah memberikan kesaksian bahawa Rasulullah SAW pernah memberikan bahagian kepada nenek ini sebesar 1/6 bahagian. Untuk memperkuat kesaksian Mughirah, Muhammad bin Maslamah tampil sebagai saksi peristiwa tersebut.

Permasalahan lain pula adalah ketika terjadi penentangan dari sebahagian kalangan umat Islam untuk membayar zakat. Abu Bakar memerintahkan untuk membunuh para pemberontak ini, karena dianggap telah murtad. Tetapi, Umar bin Khattab menolak, karena baginya, mereka masih tetap muslim karena telah mengucapkan syahadat. Setelah dijelaskan oleh Abu Bakar, akhirnya para sahabat menerima dan menyepakati keputusan ini.

b) Zaman Umar bin Khattab

Sebelum kematian Abu Bakar pada tahun 634 M, beliau telah mencalonkan Umar sebagai penggantinya kerana bimbang terjadinya konflik perebutan kuasa seperti yang pernah terjadi ketika pemilihan Abu Bakar sebagai khalifah. Dengan itu, Umar bin Khattab menjadi khalifah kedua umat Islam yang memerintah selama 10 tahun.

Kemajuan pesat pada masa pemerintahan Umar bin Khattab di antaranya terlihat dari semakin meluasnya wilayah Islam, yang tidak lagi mencakup jazirah Arab melainkan sudah menembus luar batas jazirah, seperti ke Yaman, Mesir, Syiria ke Persia, Damaskus, Azeirbaizan, dll.

Semasa pemerintahannya, beliau meneruskan penaklukan yang dimulakan oleh Abu Bakar, menyerang lebih jauh ke dalam Empayar Sassanid, utara ke wilayah Byzantine dan ke Mesir. Kebanyakannya adalah kawasan yang kaya dengan kekayaan yang dikuasai oleh kerajaan besar, tetapi konflik yang panjang antara Byzantine dan Parsi telah menyebabkan sektor ketenteraan kedua-dua pihak semakin lemah, dan tentera Islam dengan mudah mengalahkan mereka. Menjelang tahun 640 M, umat Islam telah menakluk seluruh Mesopotamia, Syria dan Palestin di bawah kawalan khalifah; seterusnya Mesir yang telah ditakluki pada tahun 642 M, dan hampir keseluruhan Empayar Sassanian pada tahun 643 M.

Umar banyak melakukan perubahan terhadap sistem pemerintahan Islam, seperti menubuhkan pentadbiran baharu di kawasan yang baru ditakluk, memberi upah kepada tentera dan membuat jadual giliran bertugas, mewujudkan pejabat pos untuk surat menyurat, menyelaras aliran sungai untuk tujuan pertanian dan melantik panglima-panglima perang yang berkebolehan. Di seluruh taklukannya, Umar tidak memaksa penduduk bukan Islam memeluk Islam, dan juga tidak cuba memusatkan kerajaan. Sebaliknya, beliau membenarkan mereka mengekalkan agama, bahasa, dan adat resam mereka, beliau juga meninggalkan kerajaan mereka secara relatifnya tidak disentuh,

dengan hanya menempatkan seorang gabenor (amir) dan seorang pegawai kewangan yang dipanggil amil. Jawatan baharu ini adalah penting kepada rangkaian percukaian yang cekap bagi membiayai khilafah.

Semasa pemerintahan Umar bin Khattab, Islam semakin tersebar luas meliputi pelbagai bangsa di wilayah penaklukan, maka terdapat banyak persoalan yang muncul dan memerlukan kepada jawapan. Adanya persoalan yang muncul tidak dapat ditemukan jawabannya dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah serta ada jawapan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah, tetapi jawabannya tidak relevan dengan situasi dan keadaan permasalahan yang muncul. Untuk menyelesaikan persoalan-persoalan tersebut, Umar bin Khattab meminta bantuan daripada para sahabatnya. Antaranya:

- i) Para sahabat dilarang untuk meninggalkan kota Madinah, kerana mereka menjadi tokoh-tokoh yang bertugas memberikan nasihat kepada Umar, kecuali beberapa sahabat saja, seperti Amar bin Yasir, Abdullah bin Mas'ud dan sahabat lain yang diutus untuk menjadi gabenor atau qadhi di beberapa wilayah.
- ii) Dalam penerimaan sebuah hadis, Umar bin Khattab sangat berhati-hati dalam penilaiannya. Apabila hadis itu tidak masyhur di kalangan sahabat, Umar menyelidik dan menilai tentang kebenaran hadis tersebut. Bagi menguatkan kesahihan hadis, Umar mensyaratkan adanya saksi, sebagai contoh ketika seorang sahabat datang kepada Umar untuk mengadukan bahwa Zaid bin Tsabit memfatwakan bahwa apabila dua alat kelamin bertemu, maka wajiblah mandi walaupun tidak keluar air mani. Ketika ditanya kepada Zaid bin Tsabit, ia menjelaskan bahwa ia mendapatkan hadis itu daripada pakciknya (Rafa'ah bin Rafi'), namun Zaid sendiri mengakui bahwa ia tidak mengamalkannya. Kemudian Umar bertanya kepada Rafa'ah dan Umar mengumpulkan kaum Muhajirin dan Anshar dalam suatu pertemuan untuk membahas permasalahan ini. Ada sahabat yang berkata: "Kami tidak mengetahui, dan tidak ada yang lebih mengetahui kecuali Rasulullah dan para isternya." Lantas Umar bertanya kepada Hafsah, namun Hafsah juga tidak mengetahui permasalahan tersebut. Kemudian Umar mengutuskan seseorang untuk bertanya kepada Aisyah, maka Aisyah pun menjawab bahawa: "Apabila dua khitan telah bertemu, maka wajiblah mandi".

Umar bin Khattab sangat terkenal dengan kebijaksanaan dalam berijtihad serta dapat menyelesaikan banyak permasalahan. Ini berlaku kerana perubahan cara hidup yang dilalui mereka terutamanya bilamana berlaku perluasan tanah jajahan Islam, pelbagai permasalahan, budaya, dan cara hidup baharu telah dilalui oleh para sahabat. Ini kerana kawasan-kawasan taklukan baharu yang dahulunya berada di bawah kekuasaan Rom dan Parsi, mempunyai budaya hidup dan peradaban yang lebih tinggi daripada masyarakat Arab. Suasana sebegini mendesak mereka untuk terus berijtihad dalam mencari penyelesaian hukum. Diantara ijtihad-ijtihad Umar bin Khattab adalah:

- i) Pembahagian Zakat kepada Golongan Muallaf. Sebagaimana diketahui golongan "al-muallaf" merupakan antara golongan yang layak menerima sebahagian daripada harta

zakat. Peruntukan ini jelas dari firman Allah SWT dalam surah al-Tawbah, ayat 60 bermaksud:

“Sesungguhnya zakat-zakat itu hanyalah untuk orang-orang yang fakir, orang-orang miskin, pengurus-pengurus zakat, para muallaf yang dipujuk hatinya untuk memerdekakan budak (tawanan), orang-orang yang berhutang, untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan”

Namun, Umar bin Khattab tidak meneruskan lagi pemberian zakat kepada orang kafir yang memeluk Islam (muallaf) ini, alasan Umar adalah: *“Sesungguhnya Allah telah menguatkan Islam, masuklah. Dan jika tidak maka antara kami dan kalian adalah pedang”*.

- ii) Potong Tangan Dalam Kes Jenayah Mencuri. Hukum potong tangan kerana mencuri sangat jelas dalam al-Quran dan al-Sunnah. Bagaimanapun pernah terjadi Khalifah Umar tidak melaksanakan hukuman tersebut berasaskan keadaan tertentu.

Dalam al-Muwatta', al-Imam Malik menyebut Khalifah Umar tidak memotong tangan sahabat yang bernama Ahmad al-Hatib bin Abi Balta'ah. Malah sebaliknya, beliau menghukum Hatib membayar sekali ganda ganti rugi kepada tuan punya unta yang dicuri itu dengan alasan Hatib tidak menjaga kebajikan para sahayanya itu sehingga terpaksa mencuri kerana lapar.

Mengikut Ahmad Fathi Bahnasi ada beberapa pengertian yang dapat disimpulkan daripada riwayat tersebut, antaranya:

- ✓ Pada pandangan Khalifah Umar Ibn al-Khattab, hukuman potong tangan hanya dikenakan ke atas pencuri yang tidak terdesak kerana kelaparan. Kalau sekiranya jelas perbuatan mencuri itu dilakukan kerana desakan lapar hukuman berkenaan tidak akan dikenakan ke atas pencuri itu.
 - ✓ Tidak melaksanakan hukuman potong tangan bukan bererti jenayah mencuri itu dilupakan begitu sahaja. Sebaliknya, beliau mengenakan hukuman ganti rugi ke atas Hatib, iaitu pemilik para sahaya yang mencuri itu. Bagi memastikan Hatib terajar dengan hukuman itu, ganti rugi berkenaan digandakan jumlahnya.
- iii) Perempuan yang Berkahwin ketika dalam 'Iddah. Apabila perempuan yang sedang ber'iddah dinikahi oleh seorang lelaki sebelum 'iddahnya berakhir dan apabila pasangan ini sudah melakukan hubungan badan, maka perkawinannya itu harus dibatalkan, kemudian perempuan itu harus mengulang 'iddahnya dari awal, dan lelaki yang menikahnya itu haram menikahi perempuan itu untuk selamanya. Sementara menurut Ali Bin Abi Thalib dan sahabat lain perkawinannya itu dibatalkan, dan si perempuan mesti menyelesaikan 'iddahnya. Setelah selesai, maka lelaki tersebut atau mana-mana lelaki lain boleh menikah dengan perempuan tersebut.

- iv) Pelaksanaan Solat Terawih secara Berjemaah. Pada zaman Rasulullah SAW tidak pernah nyata wujudnya arahan dan galakan daripada baginda supaya para sahabat mengerjakannya secara berjemaah. Bahkan dalam konteks ini, al-Bukhari menyebutkan di dalam sahihnya, yang bermaksud:

“Aku telah melihat (baik) apa yang telah kamu lakukan. Tiada halangan bagiku untuk keluar (berjemaah) bersamamu kecuali kebimbanganku kalau-kalau ia difardhukan begitu ke atasmu di bulan Ramadan.”

Hadis ini secara rumusannya menggambarkan bagaimana Rasulullah SAW suatu ketika merasa keberatan bahkan tidak bersedia untuk berjemaah bersama para sahabat baginda kerana ada kebimbangan turunnya arahan daripada Allah supaya diwajibkan berjemaah dalam menunaikan solat sunat tarawih. Amalan Rasulullah ini terus dikekalkan sehingga tiba zaman Abu Bakar al-Siddiq r.a. Namun bila tiba zaman Umar bin Khattab r.a., beliau mempunyai kecenderungan untuk menggalakkan solat tarawih secara berjemaah. Hakikat ini telah disebutkan secara nyata oleh al-Imam al-Bukhari dalam Sahihnya yang bermaksud:

“Kata ‘Umar: “Aku berpendapat adalah lebih baik kalau dikumpulkan mereka di bawah bacaan seorang qari.” Lalu dia benar-benar mengambil keputusan dengan menghimpunkan mereka di bawah bacaan qari Ubay bin Ka’ab”

Amalan berjemaah ini kemudiannya telah diikuti oleh para sahabat sehingga menjadi suatu kelaziman di kalangan mereka. Amalan ini dilihat oleh Umar dan para sahabat sebagai suatu yang lebih baik dalam rangka menyatukan umat Islam. Jika dilihat sepintas lalu, nyata sekali kelaziman tersebut tidak berlaku di zaman Rasulullah SAW. Namun ia tidak memberi pengertian Rasulullah menghalangnya.

Ini jelas dapat dilihat dari ungkapan baginda tadi “Tiada halangan bagiku untuk keluar berjemaah bersama kamu”. Cuma yang pasti Rasulullah enggan melakukan demikian atas alasan kebimbangan difardhukan berjemaah sedangkan ia berkemungkinan memberatkan kaum muslimin yang sedang berada dalam bulan puasa. Sebab itulah bilamana baginda wafat, Umar melihat kebimbangan tadi sudah tidak mungkin berlaku lagi kerana zaman pensyariat hukum kerana wahyu telahpun tamat. Bahkan beliau melihat solat berjemaah lebih mendatangkan manfaat untuk tujuan perpaduan umat Islam. Nyata sekali perbezaan yang wujud antara kedua zaman tersebut adalah berasaskan perbezaan masa dan persekitaran.

c) Zaman Uthman bin ‘Affan

Selepas kewafatan Umar bin Khattab yang telah dibunuh oleh Abu Lukluah ketika Umar sedang mengimamkan sembahyang subuh, dan sebelum meninggal dunia Umar melantik enam orang ahli majlis syura yang terdiri daripada Uthman bin Affan, Ali bin Abu talib, Thalhah bin Ubaidullah, Zubair bin Awwam, Abdurrahman bin Auf, dan Saad bin Abi

Waqas. Di antara keenam-enam calon tersebut telah berkumpul dan bermesyuarat di sebuah rumah seorang sahabat yang bernama al-Miswar bin Makhramah.

Ketika berlangsung pertemuan yang penting ini maka telah berlaku sedikit silap faham yang menyebabkan tiga orang daripada kalangan mereka telah menarik diri manakala seorang lagi tidak menghadirkan diri ke majlis itu. Akhirnya yang tinggal hanyalah Uthman bin 'Affan dan Ali bin Abi Talib serta Abdullah bin Umar sebagai pemerhati. Akhirnya dengan persetujuan orang ramai Khalifah Uthman telah dilantik menggantikan khalifah Umar dan sekaligus menjadi khalifah yang ketiga.

Khalifah Uthman dibai'ahkan pada Zulhijjah tahun 23 Hijrah dan dilantik secara rasmi sebagai khalifah pada Muharram tahun 24 Hijrah. Orang yang pertama memberi bai'ah atau sumpah setia kepada perlantikan Khalifah Uthman ialah Abdul Rahman bin 'Auf diikuti oleh Ali bin Abi Talib dan ada pula riwayat yang menyatakan sebaliknya. Walaupun para penyokong Ali bin Abi Talib melahirkan sikap tidak puas hati dengan perlantikan ini namun buat sementara waktu Abdul Rahman bin 'Auf berjaya menenangkan suasana.

Semasa pemerintahan Khalifah Uthman, berlakunya perluasan dakwah Islamiyah. Sepanjang pemerintahan Khalifah Uthman bin affan selama 12 tahun, banyak sumbangan dan jasa di dalam perkembangan dan kesejahteraan islam yang telah dapat dilihat di antaranya:

- i) Perluasan Dakwah Islamiyah dan Perluasan Wilayah Islam. Pada enam tahun pertama penuh dengan keamanan dan kegemilangan manakala pada enam tahun seterusnya berlaku masalah dan penentangan yang telah dilakukan oleh pemberontak pada ketika itu.
- ii) Melakukan perluasan Masjidil Haram pada tahun 26H dengan membeli sebuah tanah daripada pemiliknya lalu disatukan dengan masjid. Manakala pada tahun 29 H, beliau telah memperluaskan Masjid Madinah al-Munawwarah dan membinanya dengan batu batu berukir. Tiang masjid diperbuat daripada batu dan atapnya daripada kayu.
- iii) Banyak menghabiskan waktu menyampaikan dakwah kepada tawanan perang. Ramai di kalangan mereka memeluk Islam setelah menerima dakwah yang disampaikan oleh Khalifah Uthman. Di samping itu, beliau turut mengajar fiqh kepada umat Islam yang mana beliau sendiri pernah membuat tutorial untuk mengambil wudhu dengan sempurna.
- iv) Berjaya memperluaskan wilayah Islam dengan menawan negara-negara yang besar. Kegemilangan pemerintahan Khalifah Uthman bermula dengan pembukaan wilayah-wilayah baru yang terletak di Antalia dan Asia kecil sebelah barat. Wilayah-wilayah lain yang berjaya ditawan ialah Cyprus, Afghanistan, Khurasan, dan Tabrstan di sebelah Timur dan Timur Laut. Wilayah Libya, Algeria, Tunisia dan Maghribi yang terletak di sebelah bahagian Utara Afrika turut ditawan oleh kaum muslimin. Kawasan dan wilayah Islam yang luas ini telah mengangkat empayar Islam sebagai sebuah empayar dan kuasa baru yang lebih besar dibandingkan dengan empayar Byzantine

dan Parsi. Dalam pentadbiran wilayahnya, beliau mengekalkan bentuk pemerintahan Khalifah Abu Bakar dan Khalifah Umar dengan melantik gabenor dan pegawai untuk menguruskan pentadbiran di wilayah-wilayah Islam.

- v) Menyeleraskan semua mushaf al-Quran menjadi satu mushaf sahaja dan dikenali sebagai mushaf uthmani. Saidina uthman menyeleraskan menjadi satu mushaf kerana berlakunya satu perbalahan yang hebat berlaku di kalangan muslimin mengenai perbezaan kaedah bacaan dan seterusnya berlaku perselisihan dari segi riwayat pembacaan al-Quran. Punca perbalahan mereka ialah perbezaan bacaan dan masing-masing mengatakan bacaan mereka betul dan menyalahkan yang lain. Melihat akan permasalahan itu saidina uthman mengambil keputusan untuk membukukan semula Al-Quran dengan mengambil kira beberapa faktor antaranya mengambil keputusan dalam penulisan Al-Quran berdasarkan bacaan para qura' dan jika terdapat perbezaan dalam bacaan Al-Quran, maka mesti ditulis mengikut dialek suku Quraisy kerana Al-Quran itu diturunkan dalam bahasa Quraisy. Seterusnya, saidina uthman telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menyusun dan menyalin sebanyak enam mushaf Al-Quran dan sebuah mushaf untuk digunakan saidina Uthman bin Affan sendiri yang dinamakan mushaf Al-Imam, dan mushaf yang lain dikirimkan ke Mekah, Syam, Basrah, Kufah dan Madinah. Mushaf tersebut bukan sahaja dijadikan rujukan tunggal bagi penduduk di wilayah-wilayah berkenaan, bahkan dihantar bersama-sama mushaf tersebut seorang imam yang adil dan mutqin di dalam bacaan Al-Quran untuk mengajar kepada penduduk berkenaan. Selepas itu, Uthman bin Affan memerintahkan supaya semua lembaran Al-Quran yang ditulis sebelum ini dikumpulkan untuk dibakar atau dilupuskan. Walau bagaimanapun, perbezaan bacaan yang ada sehingga sekarang ini tidaklah berlawanan dengan apa yang terdapat di dalam mushaf yang ditulis pada zaman Khalifah Uthman kerana bacaan itu telah diterima dari baginda Rasulullah SAW secara mutawatir.

Antara ijtihad-ijtihad Khalifah Uthman dalam menentukan hukum sepanjang pemerintahan beliau adalah:

- i) Khalifah Uthman adalah orang yang pertama memerintahkan azan (pertama) dilakukan sebelum azan (kedua) khutbah. Ianya adalah bertentangan dengan Sunnah Rasulullah SAW.
- ii) Khalifah Uthman adalah orang pertama yang mendahulukan khutbah Hari Raya di dalam solat Hari Raya. Ianya adalah bertentangan dengan Sunnah Rasulullah SAW.
- iii) Khalifah Uthman mengharamkan Haji Tamattu', sedangkan ia adalah halal. Ali a.s menentang ijtihadnya itu kerana ia menyalahi nas.
- iv) Isteri yang diceraikan dalam keadaan suaminya yang sakit sehingga meninggal dunia. Maka isteri berhak mendapat harta perwarisan samada dalam keadaan 'iddah ataupun telah berakhir 'iddah. Sementara, menurut pendapat Umar bin Khattab, isteri hanya mendapat bahagian perwarisan hanya dalam masa 'iddah.

d) Zaman 'Ali bin Abi Thalib

Setelah kewafatan Khalifah Uthman bin Affan berlaku pergolakan dalam kalangan umat Islam untuk menentukan bakal khalifah seterusnya. Madinah pada masa ini dikuasai pemberontak. Penduduk Mesir cadangkan Ali bin Abi Talib tetapi penduduk Basrah cadangkan Talhah bin Ubaidillah dan penduduk Kufah menginginkan Zubair Al Awwam sebagai khalifah. Musyawarah terpaksa diadakan dan keputusannya Ali bin Abi Talib dibai'ah sebagai khalifah pada 25 Zulhijjah. Pada awalnya, beliau menolak pelantikan itu, namun atas desakan para sahabat, akhirnya beliau menerima cadangan itu.

Saidina Ali telah memerintah selama 5 tahun dalam suasana yang penuh dengan konflik politik. Beliau telah memindahkan pusat pentadbiran ke Kufah, Iraq dan memecat beberapa gabenor terdahulu, lalu melantik semula gabenor-gabenor kerajaan baginda di seluruh wilayah taklukan kerajaan Islam.

Setelah memecat kesemua gabenor pada zaman Khalifah Uthman bin Affan, Khalifah Ali perlu menukarkan gabenor-gabenor setiap daerah atau negeri dalam waktu singkat kerana gabenor dahulu kebanyakannya merupakan sanak saudara kepada Khalifah Uthman bin Affan atau orang-orang yang kuat menyokong Khalifah Uthman bin Affan.

Jadi setelah Khalifah Ali bin Abi Talib dilantik sebagai khalifah, baginda perlu melantik orang-orangnya pula menjadi gabenor. Hal ini adalah kerana, Khalifah Ali bin Abu Thalib telah memerhatikan semua gabenor Khalifah Uthman dan mereka perlu dipecat terutama Muawiyah bin Abu Sufyan, gabenor negeri Syam. Ketika Khalifah Ali mula memberi perhatian baginda terhadap persoalan itu, maka para sahabat baginda yang terkemuka mula mendekati baginda untuk menasihati baginda.

Diantara sahabat-sahabat tersebut ialah al-Mughirah bin Abu Syu'bah dan Abdullah bin Abbas. Khalifah Ali bin Abu Talib mengerahkan semua kekuatannya untuk menyatukan semula umat Islam dengan menyusun semula barisan mereka bagi menjamin keamanan sehingga pemerintahan dapat berjalan dengan aman dan tertib. Baginda juga akan menjalankan hukuman ke atas mereka yang membunuh Khalifah Uthman bin Affan. Namun ianya tidak berjalan dengan lancar kerana fitnah dan konflik yang merebak dalam kalangan komuniti umat Islam telah memakan dan menghancurkan sendi-sendi kehidupan mereka.

Fitnah telah menghancurkan kepercayaan dan kejernihan fikiran semua orang. Muncul pelbagai tindakan jahat dan pembantahan terang-terangan di kota Islam yang tidak dapat dipadamkan oleh Khalifah Ali bin Abu Talib. Hakikatnya, sebagaimana yang ditunjukkan oleh kaum Khawarij, banyak pengikut Khalifah Ali yang membangkang dan tidak mentaatinya. Bahkan, banyak diantara mereka ada yang kembali memusuhi dan menyerangnya termasuklah diantaranya kaum Khawarij yang dahulunya merupakan pengikut Ali yang sangat setia kerana tidak bersetuju dengan keputusannya yang mengalah dengan Muawiyah kerana al-Quran telah tercabar kerana diangkat pada waktu itu oleh Muawiyah.

Perbalahan antara Muawiyah akhirnya diakhiri dengan inisiatif Majlis Tahkim selepas beberapa siri perbincangan yang tidak mendatangkan solusi antara dua pihak. Majlis Tahkim ini mewakilkan seorang lelaki daripada kedua-dua belah pihak. Seorang daripada 'Ali dan seorang daripada Mu'awiyah. Kedua-dua wakil ini mencapai kata sepakat demi kepentingan kaum muslimin seluruhnya. Namun, daripada peristiwa Tahkim ini, berlaku kelicikan yang dilakukan oleh Mu'awiyah sehingga umat Islam terpecah kepada tiga golongan, iaitu: Syiah sebagai penyokong kepada Ali, Khawarij yang keluar daripada penyokong Ali dan inginkan peperangan diteruskan, dan satu lagi golongan yang menyokong Muawiyah.

Antara ijthad-ijthad Khalifah Ali bin Abi Talib dalam menentukan hukum sepanjang pemerintahan beliau adalah:

- i) 'Iddah perempuan hamil bagi kematian suami adalah diambil waktu yang paling panjang antara 'iddah 4 bulan 10 atau melahirkan, sedangkan menurut Umar 'iddahnya sampai melahirkan.
- ii) Hukuman ke atas Pemabuk. Di dalam al-Quran dijelaskan bahawa arak itu hukumnya haram, najis dan termasuk perbuatan yang harus dijauhi kerana merupakan perbuatan syaitan (Q.S. Al-Maidah: 90).

Di dalam hadis juga ditegaskan bahawa hukuman bagi peminum arak adalah 40 kali rotan. Namun, Ali tidak melaksanakan hukuman ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW, melainkan menetapkan kepada hukuman dua kali ganda lebih berat, iaitu 80 kali rotan, dengan alasan bahawa Umat Islam sama sekali tidak menghiraukan dengan 40 kali rotan itu. Hukuman itu dikenakan terhadap pemabuk dalam pengadilan yang dipimpin oleh Ali bin Abi Thalib ketika beliau menjawat sebagai qadhi pada pemerintahan Umar bin Khattab, Ali berkata:

"Saya berpendapat bahawa hendaklah engkau memberi hukuman ini 80 kali rotan kerana bila mereka minum arak mereka akan mabuk, bila mereka mabuk maka putus akalanya, dan apabila putus akalanya maka ia akan mengatakan yang tidak-tidak".

Ijthad Sebagai Sumber Hukum Pada Zaman Khulafa' Ar-Rasyidin

Meskipun secara rasminya ijthad diterima sebagai suatu sumber hukum baru sesudah kewafatan Baginda Rasulullah SAW, namun secara amalnya ia telah lahir lama sebelum itu. Pada zaman Rasulullah SAW masih hidup lagi ijthad telah pun diamalkan, bukan sahaja oleh para sahabat tetapi juga oleh Rasulullah sendiri. Banyak riwayat-riwayat mengenai ijthad-ijthad seperti ini sama ada dilakukan oleh Rasulullah sendiri ataupun oleh para sahabat sewaktu mereka berjauhan dari Rasulullah SAW.

Mengenai ijthad para sahabat kita dapati tidak kurang banyaknya. Ijthad-ijthad seperti ini berlaku sewaktu para sahabat berkenaan berada jauh dari Rasulullah dan menghadapi kes-

kes yang belum diketahui hukumnya. Sebagaimana juga Rasulullah, para sahabat ini menganggap keputusan ijtihad mereka itu sebagai keputusan sementara yang nantinya akan ditentukan tepat atau tidaknya oleh Rasulullah SAW sendiri melalui wahyu yang diturunkan.

Sebagai-mana juga ijtihad Rasulullah, malah lebih-lebih lagi, ijtihad para sahabat ini tidak merupakan sumber kepada hukum Islam kerana ketentuan sebenarnya mengenai hukum yang diijtihadkan itu dibuat oleh wahyu. Walau bagaimanapun itihad-ijihad ini ada mempunyai nilai-nilainya yang tersendiri dalam proses pembinaan hukum Islam pada waktu itu. Paling kurang ianya boleh bersifat sebagai latihan-latihan secara praktikal, di bawah pimpinan Rasulullah sendiri, tentang bagaimana seharusnya nanti ijtihad itu dilakukan? Suatu perkara yang jelas mengenai tujuan ini ialah pengakuan yang dibuat oleh Baginda Rasulullah terhadap Muaz bin Jabal apabila kadi daerah Yaman itu menerangkan langkah-langkah yang akan diambil oleh beliau di dalam melaksanakan tugas beliau sebagai qadhi nanti.

Rasulullah SAW bertanya Muaz sewaktu Baginda mentauliahkannya sebagai Qadhi Yaman, "Dengan apa akan kau hukumkan nanti?" Jawab Muaz, "Dengan Kitabullah," kata Rasul, "Kalau kamu tidak mendapati hukum darinya?" Jawab Muaz, "Dengan Sunnah Rasul-Nya, "Kalau tidak ada di dalamnya?" "Aku akan berijtihad dengan menggunakan pandanganku sendiri." Maka sabda Rasulullah, "Maha suci Allah yang telah memberikan petunjuk kepada utusan Rasulullah.

Suatu nilai lagi yang ada pada ijtihad Rasulullah dan para sahabat pada waktu hayat Baginda ialah untuk menerangkan bahawa amalan atau kaedah tersebut boleh menjadi suatu kaedah dan sumber hukum kepada Syariat Islam apabila tiba waktunya nanti. Hal ini juga disokong oleh pengertian yang terdapat dalam hadis Muaz di atas.

Baru sesudah Rasulullah wafat, ijtihad muncul sebagai sumber hukum yang tersendiri. Tetapi sifatnya jauh lebih rendah daripada al-Quran dan as-Sunnah. Ianya merupakan sumber sokongan atau sampingan yang diciptakan oleh al-Quran dan as-Sunnah sendiri. Dalam erti kata lain, meskipun ijtihad pada waktu itu telah secara rasminya menjadi sumber hukum Islam namun ianya tidak akan berperanan untuk menaja mana-mana hukum baru yang asing dari kehendak al-Quran dan as-Sunnah. Peranannya yang sebenar ialah memahami isi al-Quran dan as-Sunnah dan pendekatannya sebagai suatu hukum yang boleh dilaksanakan. Pemahaman ini sama ada dibuat berdasarkan mana-mana nas yang secara khusus ataupun secara menjiwai tujuan-tujuan secara keseluruhan yang ada dalam kedua-dua sumber tersebut yang dikenali sebagai prinsip-prinsip Syariat.

Peranan ini adalah sesuai dengan hakikat bahawa agama Islam itu sendiri sudah pun selesai sebelum kewafatan Rasulullah lagi. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah (5), Ayat 3:

اَلْيَوْمَ اَكْمَلْتُ لَكُمْ دِيْنَكُمْ وَاتَّمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيْتُ لَكُمُ الْاِسْلَمَ دِيْنًا

Maksudnya: "Pada hari ini aku sempurnakan bagi kamu semua agama kamu, dan aku sempurnakan untuk kamu semua nikmat aku, dan aku redai bagi kamu semua Islam sebagai agama."

Dalam ayat ini Allah telah menerangkan bahawa segala-galanya sempurna, di mana agama Islam telah terasas dengan sepenuhnya dan sudah ditauliahkan sebagai suatu agama yang lengkap dan diredai. Ianya terkandung sepenuhnya dalam al-Quran dan as-Sunnah. Maka kalau ada apa-apa peranan yang akan dimainkan oleh mana-mana punca sesudah itu ianya tidak lebih dari memahami kehendak al-Quran dan as-Sunnah itu sendiri. Inilah peranan ijtihad.

Di samping itu ijtihad telah disifatkan oleh al-Quran dan as-Sunnah sebagai suatu cara yang boleh diterima di dalam meneruskan tugas pembinaan hukum. Dalam as-Sunnah kita dapati hadis Muaz tadi, sementara dalam al-Quran kita dapati banyak ayat al-Quran yang menggesa umat Islam supaya menggunakan keupayaan mereka sendiri di dalam memahami kehendak Allah. Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr (59) Ayat 2 :

فَاعْتَبِرُوا يَا أُولِيَ الْأَبْصَارِ

Maksudnya: “Hendaklah kamu semua mengambil iktibar wahai mereka yang mempunyai pandangan.”

Maka sejak dari kewafatan Rasulullah SAW itu, para sahabat telah mempergiatkan institusi ijtihad ini sebagai suatu sumber hukum yang tersendiri bagi memenuhi keperluan semasa di dalam memahami dan mencari pendekatan hukum dari al-Quran dan as-Sunnah. Keperluan ini sebenarnya didesak oleh perkembangan politik dan sosial yang berlaku sesudah kewafatan Rasulullah.

Sebagaimana kita tahu, pada waktu Rasulullah SAW wafat, Islam sedang terus mara dengan pesatnya ke negara-negara jiran, termasuk jajahan-jajahan takluk Rome dan Parsi. Kemaraan ini telah mendedahkan pengajaran Islam kepada bentuk-bentuk sosio-budaya dan ekonomi yang berlainan dari apa yang ada di Tanah Arab sebelum itu. Sebagai negara yang telah tinggi tamadunnya, Rome dan Parsi telah sedia memperkenalkan kepada masyarakat di bawah jajahan takluk mereka bentuk-bentuk hidup sosial dan perekonomian yang jauh lebih unik dari apa yang ada di Semenanjung Tanah Arab pada waktu itu. Ini semua perlu dihadapi dan diberi penyelesaian oleh Islam dengan sebaik-baiknya. Oleh kerana pengajaran yang terkandung dalam al-Quran dan as-Sunnah itu telah lengkap dengan segala prinsipnya maka mudalah bagi para petugas yang melaksanakan kehendaknya memperluaskan pengertian-pengertian itu dengan cara menggunakan ijtihad. Di dalam melaksanakan tugas mereka ini, para sahabat tidak merasa susah atau janggal kerana telah mendapat latihan yang secukupnya dari Rasulullah SAW sendiri semasa hayat Baginda.

Metodologi Para Sahabat Dalam Menentukan Hukum

Di dalam melaksanakan tugas ijtihad ini para sahabat mempunyai pandangan dan cara yang teratur. Apabila timbul sesuatu kes yang memerlukan hukum mereka akan merujuk kes itu kepada al-Quran. Di situ, sekiranya terdapat nas yang jelas, mereka terus menentukan hukum berkenaan tanpa merujuk kepada mana-mana sumber lain lagi. Sekiranya nas yang berkenaan agak sukar difahami atau mereka bertelingkah sesama mereka di dalam

memahaminya, mereka akan merujuk kepada nas-nas al-Quran yang lain yang boleh membantu mereka di dalam memahaminya.

Antara contoh peristiwa penentuan hukum yang berlaku dapat dilihat melalui kes tanah-tanah pertanian yang ditawan di Iraq dan Parsi semasa zaman pemerintahan Umar bin Khattab, para sahabat telah bertelingkah mengenai cara pembahagiannya. Sebagai seorang Khalifah, Umar tidak berpendapat yang tanah-tanah itu termasuk dalam kehendak "Khumus" yang kaedah pembahagiannya dijelaskan oleh Firman Allah, dalam Surah al-Anfal (8): Ayat 41:

وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا غَنِمْتُمْ مِّن شَيْءٍ فَإِنَّ لِلَّهِ خُمُسَهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ
وَأَبْنِ السَّبِيلِ

Maksudnya: “Hendaklah kamu semua mengetahui bahawa segala apa sahaja yang kamu perolehi sebagai ghanimah (harta rampasan perang) maka khu-musnya (satu per lima darinya) adalah untuk Allah, Rasul, keluarga terdekat (zil-Qurba), anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang musafir.”

Bagi Umar istilah harta ghanimah tidak termasuk harta-harta tetap seperti tanah-tanah itu. Ianya khusus bagi harta-harta boleh pindah sahaja. Lagi pun, pada Umar kalau tanah-tanah itu dibahagikan mengikut kaedah ghanimah negara akan kehilangan banyak sumber hasil yang sepatutnya didapati dari tanah-tanah tersebut dalam bentuk cukai yang akan dibayar oleh tuan-tuan tanah berkenaan. Selebih dari itu, Umar merasa perlu tanah-tanah itu dibekukan untuk faedah generasi yang akan datang dan berfaedah untuk tujuan pertahanan.

Para pejuang dan tentera-tentera Islam tidak menyetujui langkah Umar ini dan menganggap sebagai bercanggah dengan ketetapan ayat berkenaan. Mereka berbincang mengenai perkara itu selama tiga malam. Pada hari yang ketiga Umar memberitahu mereka bahawa sebenarnya ada ayat al-Quran yang menepati pendapat beliau yang tidak memasukkan harta rampasan seperti itu dalam kaedah Ghanimah sebagaimana yang terdapat dalam ayat di atas tetapi sebaliknya dalam kaedah Fai’, iaitu suatu bentuk lain dari harta rampasan perang. Firman Allah SWT, dalam Surah al-Hasyr (59): Ayat 6-7:

وَمَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْهُمْ فَمَا أَوْجَفْتُمْ عَلَيْهِ مِنْ خَيْلٍ وَلَا رِكَابٍ وَلَكِنَّ اللَّهَ يُسَلِّطُ رَسُولَهُ
عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ ۚ وَاللَّهُ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ٦ مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَىٰ فَلِلَّهِ
وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ
مِنْكُمْ ۚ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٧

Maksudnya: “Apa sahaja harta rampasan (Fai’) yang diberikan Allah kepada Rasul-Nya yang berasal dari penduduk kota-kota maka adalah untuk Allah, untuk Rasul, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin dan orang-orang yang dalam perjalanan, supaya harta itu jangan hanya beredar di antara orang-orang kaya sahaja di antara kamu. Apa yang diberikan Rasul kepada kamu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka

tinggalkanlah; dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat keras hukumannya.”

Mendengar ayat ini para pejuang Islam itu terus sahaja menyetujui pandangan Umar. Kalau mereka tidak mendapati hukum yang dicari itu dari al-Quran, mereka akan menyelidikinya dari as-Sunnah. Dalam melakukan hal ini, biasanya khalifah akan bertanya kepada semua sahabat samada mereka pernah mengetahui hukum berkenaan dari hadis Rasulullah SAW. Kalau ada dikalangan mereka itu mana-mana sahabat yang meriwayatkan hadis yang berkenaan dan secara tepat semua orang akan mengikutinya.

Dalam suatu kes, seorang nenek sebelah ibu datang kepada Abu Bakar menuntut bahagiannya dari pusaka cucu lelakinya yang meninggal dunia sesudah ibu lelaki itu meninggal. Abu Bakar berkata kepada perempuan itu, “...aku tidak menemui apa-apa panduan mengenai tuntutan itu dari al-Quran..” Beliau lalu bertanya para sahabat kalau-kalau mereka pernah mendengar hukum yang diperlukan itu daripada Rasulullah SAW. Al-Mughirah ibn Syu’bah terus menyebut bahawa Rasulullah pernah memutuskan peruntukan sebanyak 1/6. Abu Bakar lalu meminta saksi yang membenarkan dakwaan Syu’bah itu. Seseorang yang lain bangun dan menyatakan yang beliau juga pernah mendengar begitu dari Rasulullah. Dengan itu Abu Bakar memutuskan bahawa perempuan itu berhak mendapat bahagiannya sebanyak 1/6 dari harta pusaka cucunya itu.

Apabila Umar menjadi khalifah, nenek sebelah bapa si mati pula datang meminta bahagiannya dari peninggalan si mati. Umar berkata, “...aku tidak menemui hukum bagi tuntutan kamu itu dalam al-Quran” dan lalu menyambung “1/6 itu perlu dibahagi-bahagikan antara kamu berdua.”

Apabila para sahabat berpuas hati bahawa hukum yang diperlukan itu tidak ada dalam al-Quran dan as-Sunnah barulah mereka berijtihad. Langkah-langkah seperti ini bukan dibuat secara tidak terancang, tetapi sebaliknya telah ditentukan oleh Nabi SAW sebagaimana dijelaskan dalam hadis Mu’az.

Dari keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan bahawa penggunaan ijtihad sebagai sumber hukum Islam pada zaman sahabat berlaku sebagai langkah terakhir. Begitu pun kalau sekiranya, sesudah ijtihad itu dilakukan, ternyata ada nas-nas dari al-Quran atau as-Sunnah yang bercanggah dengannya ijtihad itu akan terus dibatalkan.

Apabila Umar merasai bahawa kalangan kaum wanita pada zamannya telah bersikap keterlaluan menaikkan harga emas kahwin beliau, dengan ijtihadnya, cuba menentukan had maksima emas kahwin yang boleh diberi atau diminta. Ini berdasarkan kepada masalah atau kepentingan umum masyarakat Islam pada masa itu. Bagi tujuan tersebut, beliau telah membuat suatu ucapan di masjid dimana tidak bersetuju dengan cadangan ini dan seorang perempuan tua bangun menghujah Umar dan berkata: “Kenapa kau boleh berbuat begitu hai Umar sedangkan Allah berfirman dalam Surah al-Nisa’ (2), Ayat 20 - 21...”:

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَءَاتَيْتُمْ إِحْدَهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا ۚ أَتَأْخُذُونَهُ
بُهْتَانًا وَإِنْمَا مُبِينًا ۚ ۲۰ وَكَيْفَ تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَىٰ بَعْضُكُمْ إِلَىٰ بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا
غَلِيظًا ۚ ۲۱

Maksudnya: “Dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telahpun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikitpun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata? Dan bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu?”

Mendengar hujah ini, Umar terus mengalah dan mengatakan kata-katanya yang mashyur itu, “Tepat sekali seorang tua dan silap sekali Umar.”

Apabila Abu Musa al-Asy’ari ditanya mengenai bahagian-bahagian yang perlu diperolehi oleh anak perempuan, saudara perempuan dan cucu perempuan dari anak lelaki dari harta peninggalan si mati, beliau memberi fatwa bahawa anak perempuan dapat 1/2 dan saudara perempuan dapat 1/2 juga, sementara cucu perempuan tidak mendapat apa-apa. Walau bagaimanapun beliau kemudiannya meminta orang yang bertanya itu pergi bertanyakan pula Abdullah ibn Mas’ud dan mengagak bahawa ibn Mas’ud juga akan memberi fatwa yang sama. Apabila ibn Mas’ud diberitahu tentang fatwa Abu Musa itu beliau terus berkata: “.. kalau begitu aku telah sesat selama ini. Aku akan memberi fatwa sebagaimana yang ditentukan oleh Rasulullah: Anak perempuan akan mendapat 1/2, cucu perempuan akan mendapat 1/6, untuk menjadikan kedua-duanya berjumlah 2/3 dari keseluruhan harta. Apa yang terbaki akan diperolehi oleh saudara perempuan...”

Apabila Abu Musa mendengar cerita itu beliau terus menarik balik fatwanya itu dan terus berkata: “... jangan bertanya aku lagi selagi Abdullah masih ada bersama kamu semua ...”

Sebagaimana yang kita sebutkan di awal fasal ini bahawa yang dimaksudkan dengan ijtihad dalam konteks kita ini ialah segala bentuk kegiatan ke arah memahami hukum dari al-Quran dan as-Sunnah. Ianya tidak sebagaimana yang diuraikan oleh setengah ahli usul, bukan hanya dalam bentuk Qiyas tetapi juga meliputi ijtihad yang berdasarkan Maslahah. Dalam kata lain, bolehlah kita simpulkan bahawa yang dimaksudkan dengan ijtihad di sini ialah suatu penelitian yang bertujuan untuk mengetahui hukum yang lebih hampir dengan kehendak al-Quran dan as-Sunnah, sama ada secara berdasarkan nas-nas tertentu, yang disebut sebagai Qiyas, ataupun bersandarkan tujuan umum dari Syariat Islam, yang disebut sebagai Maslahah.

Kedua-dua bentuk ijthad ini ada dilakukan pada zaman sahabat, malah mempunyai tokoh-tokohnya sendiri. Dari aliran Qiyas, kita dapati tokoh-tokoh seperti Abdullah ibn Mas’ud dan Ali ibn Abi Talib, yang kemudiannya menjadi ikutan kepada para fuqaha kufah dari generasi tabiin dan seterusnya. Dari aliran Maslahah pula terdapat tokoh-tokoh lain pula termasuk Umar bin Khattab yang masyhur dengan keulungannya di bidang ijtihad. Walau

bagaimanapun, pembahagian ini bukanlah secara ketat dan rasmi. Kedua-dua pihak tidak pernah mendakwa bahawa kaedah yang dipilihnya itu suatu cara yang rasmi baginya. Malah kadangkala mereka juga melakukan ijtihad mengikut kaedah yang satu lagi, mengikut kesesuaian.”

Apabila Umar bin Khattab memberi fatwa mengenai kewajipan memberi ganti rugi oleh pihak tukang yang menerima tempahan membuat sesuatu, kalau sekiranya berlaku apa-apa kecacatan atas barang buatannya, Ali mengulas “.. kepentingan (masalah) masyarakat tidak akan terjamin kecuali dengan cara begitu.” Umar sendiri meskipun dalam melaksanakan pentadbiran negara, sentiasa berijtihad dengan berdasarkan Masalah namun beliau menyuruh para qadhi (hakim) supaya menggunakan Qiyas apabila tidak mendapati nas dari al-Quran atau as-Sunnah.

Dalam surat beliau kepada Abu Musa al-Asy’ari, Umar berkata, “..fahamilah dengan betul segala apa yang berkecamuk di dalam hatimu yang hukumnya tidak tersebut dalam al-Quran atau al-Sunnah. Ketahuilah apa yang sebaya dan apa yang tidak serupa, dan lakukan Qiyas untuk tujuan itu....” Mengulas sikap atau pandangan Umar ini, Muhammad Abu Zahrah menarik pandangan mengenai perbezaan sifat dan keperluan yang ada di antara bidang-bidang politik dan pentadbiran dan bidang pengadilan.

Mengikut beliau, politik dan pentadbiran negara seharusnya berasaskan kepentingan awam, membenters keburlukan dan kepatuhan terhadap syarak. Perbezaan antara pemerintah yang baik dan pemerintah yang jahat dapat diukur melalui sejauh mana kesungguhan dan kejayaan kedua-duanya dalam melaksanakan kebaikan dan membenters kejahatan.

Sedangkan pengadilan lebih mengutamakan keadilan antara kedua pihak yang berkepentingan, mencari keadilan untuk pihak yang dizalimi dan mengembalikan hak kepada yang berhak. Tugas-tugas ini sebenarnya memerlukan suatu kaedah tetap yang banyak terikat dengan nas-nas hukum supaya ianya lebih stabil dan lebih meyakinkan. Kerana itu Umar bin Khattab berkata, “... pengadilan itu suatu jalan yang perlu lurus,” yang bererti ia perlu sentiasa terikat dengan nas. Dalam hal ini, ijtihad yang berasaskan kepada Qiyas sahaja yang sesuai kerana ia sahajalah suatu ijtihad yang terikat dengan nas.

Sikap Para Sahabat Terhadap Ijtihad dalam Menentukan Hukum

Meskipun semua para sahabat menerima ijtihad sebagai sumber hukum, namun mereka tidak sebaya dalam melakukannya. Ada di kalangan mereka yang .tidak ragu-ragu lagi akan melakukannya apabila sahaja tidak mendapati hukum dari al-Quran dan as-Sunnah. Sebagai seorang pemerintah (khalifah) Umar, misalnya, terpaksa mencari jalan penyelesaian terhadap segala masalah yang dihadapinya agar pentadbiran negara tidak tergendala.

Amatlah tidak munasabah bagi seorang khalifah seperti beliau untuk tidak berbuat apa-apa kerana ketiadaan hukum dalam al-Quran dan al-Sunnah sedangkan negara dan masyarakat memerlukan penyelesaian segera. Ada di antara para sahabat mereka yang sangat berhati-hati untuk meriwayatkan hadis dari Rasulullah SAW, tetapi sebaliknya tidak segan-segan memberikan pendapatnya sendiri secara ijtihad. Mereka ini merasa sensitif dan takut kalau-

kalau apa yang mereka riwayatkan itu tidak tepat lalu mereka tergolong di dalam kumpulan orang-orang yang disifatkan sebagai berdusta terhadap Nabi dan yang dijanjikan oleh Rasulullah SAW dengan api neraka di akhirat nanti.

Lain sekali dengan mengemukakan pandangan yang berasaskan kepada ijtihad sendiri, kerana mereka yakin kalau mereka sebenarnya memberikan pandangan yang tepat, mereka ertinya telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada Islam. Tetapi kalau sebaliknya, tidak ada pihak lain yang terheret sama dalam kesilapan atau kekeliruan itu.

Abu Umar as-Syaibani meriwayatkan: "...aku tinggal bersama ibn Mas'ud selama setahun. Dalam jangka itu, tidak pernah aku dengar beliau menyebut 'telah bersabda Rasulullah.' Apabila beliau menyebut bahawa Rasulullah telah bersabda dia jadi gementar dan seterusnya berkata, "...beginilah Rasul bersabda atau seakan-akan begitu..."

Terdapat juga dari kalangan para sahabat, mereka yang bersikap berhati-hati dalam melakukan ijtihad. Mereka tidak akan melakukan amalan itu kecuali dalam ruang lingkup yang sempit dan dalam keadaan-keadaan yang terpaksa. Antara mereka ini ialah Abdullah ibn Umar dan Abdullah ibn Abbas.

Sebenarnya para sahabat terhimpit antara dua sensitif yang dihasikan oleh sikap hati-hati mereka supaya jangan mencabuli agama Islam. Di satu pihak mereka seharusnya banyak meriwayatkan hadis-hadis dari Rasulullah sa.w. kerana masyarakat memerlukan bagi faedah pembinaan hukum. Tetapi untuk memenuhi keperluan ini mereka bimbang kalau-kalau mereka tersalah riwayat lalu menjadi orang yang berdusta terhadap Rasul SAW. Di satu pihak yang lain pula, mereka diperlukan memberi fatwa mengenai apa-apa yang tidak terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Tetapi untuk melakukan ini mereka takut kalau-kalau bersikap menentukan sesuatu dalam agama berdasarkan kepada fikiran atau pendapat sendiri.

Terdapat dari kalangan para sahabat, bukan sedikit mereka yang memilih untuk mengatakan sesuatu fatwa yang diberikan olehnya sebagai pendapatnya sendiri selagi ianya bukan suatu hadis yang sahih dan yang diketahui oleh lebih dari satu orang. Abu Bakar sendiri tidak menerima hadis kecuali ianya diriwayatkan oleh dua orang. Ali pula tidak menerima mana-mana hadis kecuali terlebih dahulu meminta perawinya bersumpah.

Sikap-sikap begini telah menjadikan para sahabat lebih suka menganggap bahawa apa yang mereka perkatakan itu ialah pendapat mereka sendiri dan bukannya hadis Rasulullah. Apabila selesai menerangkan salah satu fatwa tentang hukum, Abdullah Ibn Mas'ud berkata: "...Aku katakan ini berdasarkan fikiran aku sendiri. Kalau ianya betul maka ianya (taufik) dari Allah. Kalau ianya salah maka ianya kesilapan aku sendiri dan (dorongan) daripada syaitan, sedangkan Allah dan RasulNya tidak kena mengena dengannya..."

Dalam suatu kes, apabila Khalifah Umar memberikan satu fatwa jurutulisnya menulis di hujung fatwa itu begini: "...inilah apa yang dipandang oleh Allah dan apa yang dipandang oleh Umar..." Kata Umar: "...celaka apa yang kau katakan itu. Ini adalah pendapat Umar. Kalau ianya betul maka ia adalah (petunjuk) dari Allah, tetapi kalau ia salah maka ianya (hasutan) Syaitan..."

Hasil daripada ini, semua kita merasa yakin bahawa pendapat-pendapat yang dilahirkan oleh para sahabat sebagai hasil ijtihad mereka itu tidak boleh dianggap sebagai pendapat peribadi mereka semata-mata. Kita harus sedar bahawa pandangan dan fatwa mereka itu adalah divedok daripada pengajaran Rasulullah SAW. Kerana itulah kita dapati barisan para sahabat yang banyak berjihad adalah mereka yang lama bergaul dengan Rasulullah SAW seperti Abu Bakar, Umar, Othman, Ali, Abdullah ibn Mas'ud, Zaid bin Thabit dan banyak lagi dari kalangan generasi sahabat.

Patut juga dicatatkan di sini bahawa para sahabat, dalam melakukan ijtihad dan memberi fatwa tentang hukum, tidak berniat untuk menjadikan fatwa-fatwa mereka itu sebagai suatu ketetapan yang perlu dipatuhi tanpa dirujuk kepada sumbernya. Mereka tidak mahu fatwa-fatwa mereka itu menjadi ketetapan-ketetapan agama yang dianuti. Dalam hal ini khalifah Umar menjelaskan, "...wahai manusia, segala pemikiran yang lahir daripada Rasulullah dahulu semuanya betul. Ini kerana Allah taala yang memberikan pandangan itu kepada Baginda. Apa yang lahir dari kita tidak lebih dari agakan dan mengada-adakan..." Kata beliau lagi, "...sunnah itu ialah apa yang ditaja oleh Allah dan RasulNya. Jangan kamu jadikan kesilapan pendapat sebagai ikutan kepada umat..."

Para sahabat ini, apabila melakukan ijtihad, menganggap hasil ijtihad mereka itu sebagai anggapan mereka semata-mata, yang boleh menjadi salah atau betul. Oleh kerana itu mereka menganggap pandangan-pandangan mereka itu tidak harus diikuti begitu sahaja tanpa usul periksa. Walau bagaimanapun kita dapati dalam sejarah bahawa pendapat-pendapat ini kemudiannya telah diterima baik oleh generasi Tabiin yang datang sesudah mereka dan menjadikannya sebagai sandaran hukum yang berwibawa.

Mengenai cara melakukan ijtihad dan memberikan fatwa, kita dapati ianya terhenti atas keperluan itu sendiri. Sekiranya hukum yang diperlukan itu merupakan hukum-hukum cabang atau hanya menyentuh orang perseorangan, mujtahid berkenaan akan menerangkannya kepada pihak yang bertanya tanpa melibatkan tenaga ijtihad yang lain. Tetapi kalaulah pertanyaan itu mengenai orang ramai atau untuk menentukan suatu kaedah umum ianya akan diselidik dalam suatu perjumpaan terbuka atau perjumpaan tertutup para fuqaha sahaja.

Cara yang kedua ini biasa benar dilakukan oleh para khalifah. Sekiranya mereka berhadapan dengan masalah negara yang boleh memberi kesan kepada pentadbiran masyarakat, mereka akan mengumpulkan para sahabat dan meminta pandangan dari mereka. Setelah berbincang, perjumpaan ini akan membuat keputusan tertentu mengikut pandangan-pandangan yang ada.

Khalifah Umar sendiri ada dua dewan Syura seperti ini. Pertamanya Majlis Syura Khas yang dianggotai oleh tokoh-tokoh sahaja, sama ada dari golongan Muhajirin atau Ansar. Khalifah Umar akan meminta nasihat dan pandangan dari Majlis Syura ini apabila negara menghadapi sesuatu persoalan yang memerlukan banyak pendapat dalam memikirkan penyelesaiannya, sama ada ianya merupakan perkara kecil ataupun perkara besar.

Badan Syura yang kedua disebut sebagai Syura Terbuka yang boleh dihadiri oleh siapa sahaja dari penduduk Madinah. Syura seperti ini akan dilakukan apabila negara menghadapi perkara yang serius atau untuk menggariskan kaedah umum yang akan menjadi landasan kepada masa hadapan masyarakat dan negara.

Apabila berlaku hal-hal besar dan penting seperti itu, penduduk-penduduk Madinah akan dipanggil berhimpun di masjid. Kalau dikira masjid tidak mampu untuk menampung jumlah yang dianggarkan untuk menghadiri perjumpaan itu, maka akan dibuat di luar kota. Di situlah mereka akan diminta pendapat dan diberi peluang berbincang mengenai perkara yang berkenaan. Segala keputusan sebulat suara yang dihasilkan dalam perjumpaan awam begini dianggap sebagai pendapat bersama dan dikira jauh lebih kuat dari pandangan peribadi, kerana ianya hasil dari perbincangan yang menyentuh berbagai-bagai aspek. Pendapat bersama ini kemudiannya dianggap oleh generasi yang datang sesudah itu sebagai Ijmak, yang diiktiraf sebagai sumber hukum yang ketiga sesudah al-Quran dan al-Sunnah.

Kalau tidak berlaku persepakatan dalam menentukan hukum, sama ada oleh adanya ketidaksefahaman di dalam menilainya, atau oleh kerana ianya ditentukan oleh ijthad secara individu, maka pandangan-pandangan ini diterima setakat sebagai hasil ijthad yang boleh diterima dan ditolak.

Contoh-contoh hasil ijthad seperti ini banyak. Walau bagaimanapun ijthad-ijthad seperti ini tidak dipersia-siakan oleh masyarakat semasa dan malah juga oleh generasi-generasi yang datang sesudah para sahabat, yang menganggap fatwa dan hasil ijthad para sahabat ini sebagai sumber hukum Islam yang cukup berwibawa.

Dengan ijthad-ijthad ini, para sahabat telah berjaya mewariskan generasi-generasi yang datang sesudahnya sekurang-kurangnya dua aspek penting mengenai hukum. Kedua-duanya ialah:

- a) Mereka telah mengasaskan suatu metodologi yang jelas dalam ijthad dan menjelaskan bahawa perbezaan pendapat dalam mencari kebenaran tidak akan merosakkan perpaduan umat selagi ianya berasaskan kepada keikhlasan. Malah perpecahan seperti itu boleh menajamkan lagi pemahaman dan nilai intelektual masyarakat dan menolong semua pihak yang terlibat untuk lebih memahami persoalan dari segenap sudutnya.
- b) Mereka telah mewariskan suatu perbendaharaan ilmu fiqh yang kaya kepada generasi yang terkemudian. Perbendaharaan ini dengan sendirinya mendorong umat Islam supaya terus mengkaji dan menyelidik tentang hukum dan tidak bersikap jumud. Sama ada dalam hal-hal yang mereka bersependapat tentang hukum mengenainya atau sebaliknya. Mereka telah memberikan kesan yang besar kepada kegiatan ijthad pada zaman sesudah mereka.

Perselisihan Pendapat dan Kesannya Terhadap Perkembangan Hukum

Sebagaimana telah kita jelaskan dalam sesi sebelum ini, perselisihan pendapat tentang hukum tidak berlaku di zaman Rasulullah SAW. Ini kerana Baginda seorang sahaja yang bertanggungjawab menentukan hukum berdasarkan wahyu yang diturunkan oleh Allah.

Memang terjadi beberapa peristiwa yang para sahabat, dan malah kadangkalanya melibatkan juga Rasulullah sendiri, bertelingkah sama sendiri dalam perkara-perkara yang belum menerima ketentuan hukum dari wahyu. Walau bagaimanapun perselisihan seperti ini tidak sampai ke mana-mana, kerana akhirnya akan diselesaikan oleh ketentuan wahyu yang turun sesudahnya.

Pada zaman sahabat, perselisihan-perselisihan seperti yang kita maksudkan di sini mula berlaku. Antara kes-kes yang paling awal mengenai perselisihan pendapat ini ialah perselisihan pendapat mereka, terutama antara golongan Muhajirin dan Ansar, mengenai jawatan khalifah sesudah sahaja wafatnya Baginda Rasulullah SAW.

Apa yang menarik mengenai perbezaan pendapat di peringkat awal ini ialah ianya berlaku dengan secara terbuka dan membawa kepada persetujuan bersama. Dalam kes mengenai perantikan khalifah, dialog telah berlaku di antara Abu Bakar as-Siddiq bagi pihak golongan Muhajirin dan kalangan dari Ansar, termasuk Ubbadah ibn as-Samit, di Saqifah atau perkampungan Bani Sa'd di mana suatu tempat politik orang-orang Ansar sedang berlaku. Dialog ini berkesudahan dengan persetujuan ramai melantik Abu Bakar sendiri sebagai khalifah.

Sebab-Sebab Berlakunya Perbezaan Pendapat di Kalangan Para Sahabat

Secara kasarnya, perselisihan pendapat di kalangan para sahabat ini berlaku oleh beberapa sebab; sebab peribadi dan metodologi, sebab pemahaman, dan sebab keadaan sekeliling. Sebab-sebab ini dijelaskan seperti berikut:

a) Sebab Peribadi dan Metodologi

Yang dimaksudkan dengan sebab peribadi di sini ialah sebab yang berhubung secara langsung dengan diri seseorang mujtahid sahabat itu sendiri. Ianya dapat dijelaskan seperti berikut:

- i) **Perbezaan mentaliti dan kecerdasan.** Adalah diakui bahawa perbezaan mentaliti dan kecerdasan otak serta ketangkasan akal fikiran bolen membezakan fahaman seseorang itu tentang persoalan-persoalan yang dihadapi. Dalam usaha memahami Syariat juga, hal seperti ini tidak terkecuali. Orang-orang yang mempunyai kecerdasan yang lebih tinggi, seperti Umar bin Khattab, dalam banyak hal mempunyai pandangan yang berbeza dalam menanggapi kehendak nas-nas Syarak, terutama dalam hal-hal yang agak rumit. Banyak rekod yang menunjukkan bahawa Umar mempunyai pentafsiran yang berbeza dalam banyak hal sehingga kadangkala meletakkan beliau, pada mulanya, pada kedudukan yang tersisih. Walau bagaimanapun sejurus sesudah itu atau sesudah beberapa waktu ternyata beliau telah membuat kesimpulan yang tepat.

Sejak zaman Rasulullah lagi Umar kerap tidak sependapat dengan orang lain dalam banyak hal, kemudian turun wahyu yang menepati pendapat beliau. Antara kes-kes begini ialah yang mengenai kewajipan berhijab, mengenai tindakan yang perlu dibuat terhadap tawanan perang Badar, mengenai solat jenazah atas mayat Abdullah Ibn Ubai, seorang munafik dan lain-lain lagi.

Apabila turun ayat di dalam Surah al-Maidah (5), Ayat 3:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتِمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

Maksudnya: “Pada hari ini kami telah sempurnakan bagi kamu semua agama kamu dan telah kami sempurnakan nikmat kami kepada kamu dan meredai untuk kamu semua Islam sebagai agama.”

Semua para sahabat bergembira kerana merasa bangga dengan kesempurnaan yang telah diberikan oleh Allah itu. Hanya Umar yang terus menutup mukanya dengan dua tangan dan terus menangis bersungguh-sungguh seraya berkata, “...tidak ada sesuatu lagi sesudah kesempurnaan kecuali kekurangan..” Bagi beliau ayat tersebut menandakan dekatnya ajal Rasulullah SAW. Apa yang berlaku sesudah itu membenarkan tanggapan beliau ini. Rasulullah SAW telah meninggal dunia tidak lama sesudah itu.

Contoh-contoh yang disebutkan di atas jelas menunjukkan bahawa pengaruh nilai kecerdasan dan ketangkasan dalam berfikir dan memahami masalah itu telah memberi kesan yang jelas terhadap cara berfikir seseorang itu dan cara bagaimana dia memahami masalah. Dalam bidang fatwa dan memahami hukum Islam dari sumbernya kita boleh berkata bahawa meskipun al-Quran itu satu dan Nabi Muhammad itu seorang sahaja tetapi untuk memahaminya orang tidak mempunyai daya tanggapan dan pemahaman yang sama. Dari sini tercetusnya satu dari sebab perselisihan pendapat tentang hukum.

- ii) **Perbezaan dalam Berdampingan dengan Rasulullah SAW.** Keadaan masing-masing telah menyebabkan semua para sahabat tidak sama dari segi perdampingan dengan Rasulullah. Ada di kalangan para sahabat, orang-orang yang boleh dikatakan sebagai tidak pernah berenggang dengan Rasulullah dan ada pula yang tidak begitu berdamping dengan Baginda. Mereka yang banyak berdamping mempunyai banyak kesempatan belajar secara terus dan memahami kehendak-kehendak hukum dari Rasulullah sendiri sedangkan mereka yang jarang-jarang dapat bergaul dengan Rasulullah SAW adalah sebaliknya. Hasilnya apabila mereka telah ditugaskan oleh masyarakat untuk berijtihad dan memberi fatwa serta pandangan terhadap isu-isu semasa, kedua-dua golongan ini akan berbeza pendapat. Mungkin golongan yang banyak bergaul dengan Rasulullah lebih banyak mempunyai hadis-hadis dan teladan Rasulullah. Sedangkan golongan yang tidak banyak bergaul dengan Baginda mengalami kekurangan sumber-sumber pengambilan hukum ini lalu berhujah dengan fahaman sendiri sama ada secara berdasarkan ayat-ayat al-Quran ataupun hadis-hadis. Hasilnya perbezaan pendapat pun berlaku.

- iii) **Perbezaan syarat penerimaan hadis di kalangan para sahabat.** Adalah jelas, meskipun terdapat dari kalangan para sahabat mereka yang berdamping sangat rapat dengan Rasulullah, namun tidak siapa dari kalangan mereka yang mengetahui semua hadis-hadis Rasulullah SAW. Oleh kerana itu, para fuqaha zaman sahabat ini terus bergantung kepada cara penyelidikan yang tertentu mengenai hadis-hadis ini. Sebelum membuat sebarang fatwa, mereka akan bertanya orang ramai kalau-kalau ada hadis mengenai permasalahan yang dihadapi itu. Dalam pada itu, mereka tidak sependapat dalam meletakkan syarat-syarat penerimaan hadis-hadis yang mungkin diriwayatkan itu. Ada di antara mereka yang bersikap sangat ketat lalu menolak banyak hadis-hadis yang diriwayatkan kerana tidak memenuhi syarat periwayatan yang dikehendaknya, sedangkan hadis-hadis yang diterima oleh fuqaha lain yang bersikap lebih sederhana dalam meletakkan syarat-syarat tadi. Di sini berlakulah dua fatwa atau pendapat yang berpunca dari sumber-sumber yang berbeza; yang satu berasaskan hadis dan yang satu lagi berasaskan sumber lain darinya. Maka berlaku perbezaan pendapat.
- iv) **Perbezaan tentang skop penggunaan nas-nas Syarak.** Sesetengah para sahabat lebih suka berpegang kepada nas-nas Syarak secara lebih ketat, dan tidak menggunakannya dalam pengertian yang lebih luas dan meliputi. Bagi mereka ini, nas-nas Syarak itu sudah cukup untuk memenuhi keperluan-keperluan hukum dan ketentuannya dan tidak memerlukan apa-apa bentuk pemanjangan dalam memahami hukum darinya sama ada dalam bentuk mempergunakan 'Ilal bagi nas-nas berkenaan mahupun secara berpandukan tujuan asas dan semangat perundangan Islam secara keseluruhannya. Berdasarkan kepada konsep ini, mereka sangat jarang sekali melangkah lebih jauh dari pengertian-pengertian nas-nas Syarak. Di samping mereka ini ada golongan lain yang beranggapan bahawa setiap hukum Islam itu boleh difahami secara logik akal. Ianya mempunyai alasan-alasan yang tersendiri ('Ilal) dan tujuan-tujuan yang boleh difahami. Bagi mereka ini, alasan-alasan serta tujuan-tujuan hukum inilah yang akan dipergunakan bagi mencari ketentuan atau kesimpulan hukum.

b) **Sebab Pemahaman**

Yang dimaksudkan dengan sebab pemahaman di sini ialah perbezaan para fuqaha dalam memahami nas-nas Syarak itu sendiri, sama ada al-Quran ataupun al-Sunnah. Sebab-sebab ini dijelaskan secara lebih terperinci seperti berikut:

- i) **Sebab pengertian bahasa.** Sebagaimana juga bahasa-bahasa lain, bahasa Arab mengandungi banyak perkataan yang membawa pelbagai pengertian. Dalam istilah ilmu bahasa tersebut, hal seperti ini disebut sebagai "Musytarak". Di dalam memahami kehendak sebenar perkataan-perkataan seperti ini biasanya orang boleh bertelingkah dan tidak sependapat. Terserahlah kepada tanggapan sendiri untuk memahami pengertian-pengertian berkenaan dan tiada siapa boleh mempersalahkan dari segi kaedah bahasa. Walau bagaimanapun, situasi perkataan-perkataan itu digunakan biasanya dapat membantu di dalam mencari kehendak sebenar perkataan berkenaan.

Dalam al-Quran dan al-Sunnah banyak terdapat perkataan-perkataan seperti ini. Antara contohnya ialah perkataan "Quru" (قروء). Dalam bahasa Arab, perkataan ini

mempunyai dua pengertian yang sama kuat dan digunakan dalam situasi yang hampir-hampir sama. Kedua-dua pengertian tersebut ialah “haid” dan “suci dari haid”. Dalam menerangkan tempoh ‘idah perempuan yang bercerai, al-Quran telah menggunakan perkataan Quru’ ini dalam Surah al-Baqarah (2): Ayat 228:

وَالْمُطَلَّاتُ يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ ثَلَاثَةَ قُرُوءٍ

Maksudnya: “Perempuan-perempuan yang diceraikan mestilah ber’iddah selama tiga kali quru’.”

Dalam menentukan maksud sebenar perkataan “quru’” ini, para sahabat bertelingkah. Setengah daripada mereka mengertikannya sebagai “haid”, lalu memutuskan bahawa tempoh ‘iddah sebenarnya ialah selama tiga kali haid, sedangkan setengah yang lain pula, lebih cenderung kepada pengertian “suci daripada haid” lalu memutuskan bahawa tempoh sebenarnya bagi ‘iddah ialah selama tiga kali suci dari haid.

- ii) **Sebab penggunaan bahasa.** Sepertimana juga dalam bahasa-bahasa lain, bahasa Arab mempunyai pelbagai cara penggunaan bahasa dan perkataan. Banyak perkataan-perkataan yang dalam penggunaan biasanya melambangkan pengertian tertentu tetapi sebaliknya melambangkan suatu pengertian yang lain apabila digunakan dalam bentuk yang kurang biasa. Dalam kaedah bahasa Arab, penggunaan biasa disebut sebagai “Hakiki” sementara penggunaan kurang biasa disebut sebagai “Majazi” atau boleh kita sebutkan sebagai bahasa kiasan.

Dalam al-Quran, kedua-dua penggunaan ini dibuat. Kadang-kadang fuqaha tidak sependapat sama ada sesuatu perkataan tertentu dalam ayat-ayat tertentu itu digunakan oleh al-Quran secara “Hakiki” atau “Majazi”. Hasilnya mereka telah membuat kesimpulan hukum yang tidak sama. Masing-masing berdasarkan tafsiran sendiri.

Satu daripada contoh ayat-ayat yang menimbulkan pertikaian seperti ini ialah ayat mengenai kedudukan adik-beradik sebagai penerima pusaka sewaktu bersama datuk kepada si mati. Semua fuqaha bersetuju bahawa adik beradik terhalang dari mendapat bahagian dari harta peninggalan si mati sekiranya bapa mereka masih hidup. Walau bagaimanapun mereka bertelingkah, jika sekiranya bukan bapa si mati yang masih hidup di samping adik-beradik tadi tetapi sebaliknya datuk si mati. Setengah fuqaha berpendapat datuk sama seperti bapa kerana al-Quran pernah menggunakan perkataan “Bapa” (أَب) untuk mengertikan datuk (جَدّ)

Firman Allah SWT menyebut kata-kata Nabi Yusuf a.s. dalam Surah Yusuf (12): Ayat 38:

وَاتَّبَعْتُ مِلَّةَ آبَائِي إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ

Maksudnya: “... dan saya mengikut agama datuk nenekku (آبَائِي) Ibrahim, Ismail, Ishak, Yakob...”

Dalam ayat ini, Allah menggunakan perkataan (ءَابَاءِى) untuk mengertikan datuk, kerana ternyata Nabi Ibrahim bukannya bapa kepada Nabi Yusuf tetapi datuknya.

Bagaimanapun, fuqaha lain berpendapat sebaliknya. Bagi mereka, datuk tidak boleh menghalang adik beradik dari mendapat bahagian dari harta pusaka, tidak seperti bapa. Ini kerana yang tersebut dalam ayat pusaka hanyalah perkataan bapa (أَب). Adapun perkataan (أَب) telah digunakan juga untuk mengertikan datuk dalam satu ayat lain, maka itu tidak boleh mempengaruhi kesimpulan hukum dalam masalah ini, kerana penggunaan dalam ayat lain itu dibuat dengan secara majazi.

Begitulah para fuqaha terpaksa bertelingkah dalam menentukan pengertian sesuatu perkataan itu sama ada ianya dimaksudkan dengan pengertian hakiki atau majazi.

- iii) **Sebab gaya bahasa.** Dalam bahasa Arab, kata hubung boleh berubah makna dengan perubahan atau berlainan gaya bahasa. Sebagai contohnya ialah perkataan “Fa” yang digunakan dalam bahasa sebagai kata hubung. Perkataan ini sebenarnya mempunyai dua pengertian, iaitu:

- ✓ Bagi menunjukkan perbezaan waktu berlaku.
- ✓ Semata-mata untuk perincian perkara-perkara yang berlaku pada waktu yang sama.

Di dalam ayat al-Quran mengenai ‘ila’, Allah menggunakan kata hubung ini. Firman Allah SWT di dalam Surah al-Baqarah (2): Ayat 226 - 227:

لِّلَّذِينَ يُؤْلُونَ مِن نِّسَائِهِمْ تَرَبُّصُ أَرْبَعَةِ أَشْهُرٍ ۖ فَإِنْ فَاءُوا فَإِنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ۚ ۲۲۶
وَإِنْ عَزَمُوا الطَّلَاقَ فَإِنَّ اللَّهَ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ۚ ۲۲۷

Maksudnya: “(Bagi) mereka yang melakukan ‘ila’ (sumpah) tidak akan mencampuri isteri-isteri mereka (ada peluang untuk) menunggu selama empat bulan. Kalau mereka kembali (kepada isteri mereka) maka Allah maha pengampun lagi penyayang. Dan jika mereka berazam untuk bercerai, maka sesungguhnya Allah sangat maha mendengar dan mengetahui.”

Dalam menentukan kehendak ayat ini para fuqaha berselisih pendapat. Segolongan berpendapat bahawa “Fa” bermaksud perbezaan waktu berlaku. Ini mengertikan bahawa suami yang melakukan ‘ila’ itu terpaksa menangguh selama empat bulan baru boleh kembali kepada isterinya. Pendapat kedua mengatakan sebaliknya. Mengikut pendapat ini “Fa” tidak bererti apa-apa selain untuk menyebut secara lebih terperinci. Ini mengertikan bahawa tempoh kembali semula kepada isteri itu bukannya sesudah berlalu empat bulan berkenaan, tetapi sebaliknya dalam tempoh empat bulan berkenaan.

- iv) **Sebab pertentangan yang lahir antara nas-nas.** Kadangkala perselisihan pendapat di antara para fuqaha boleh berlaku kerana dipengaruhi oleh pengertian yang lahir nas-nas tertentu yang dilihat sebagai bercanggah dengan pengertian nas yang lain. Ada berlaku di mana al-Quran menerangkan dua hukum yang berbeza, yang secara umumnya sama-sama mencakupi suatu kes yang tertentu.

Dalam soal 'iddah perempuan mengandung yang kematian suami ada dua ayat yang masing-masing mencakup secara umumnya kes ini dalam dua bentuk hukum yang berbeza. Ayat pertama berbunyi melalui Surah al-Baqarah (2): Ayat 234:

وَالَّذِينَ يَتَوَفَّوْنَ مِنْكُمْ وَيَذَرُونَ أَزْوَاجًا يَتَرَبَّصْنَ بِأَنْفُسِهِنَّ أَرْبَعَةَ أَشْهُرٍ وَعَشْرًا

Maksudnya: “Dan orang-orang yang meninggal dunia di antara kamu, sedang mereka meninggalkan isteri-isteri hendaklah isteri-isteri itu menahan diri mereka (ber'iddah) selama empat bulan sepuluh hari.

Mengikut ayat ini, seseorang yang kematian suami itu akan ber'iddah selama empat bulan sepuluh hari, tidak kira ianya mengandung atau tidak. Dalam pada itu ada ayat lain yang menerangkan hukum yang berbeza. Firman Allah SWT dalam Surah al-Talaq (65): Ayat 4:

وَأُولَاتُ الْأَحْمَالِ أَجَلُهُنَّ أَنْ يَضَعْنَ حَمْلَهُنَّ

Maksudnya: “Dan perempuan-perempuan mengandung, tempoh 'iddahnya ialah hingga mereka melahirkan anak yang dikandungnya.”

Mengikut ayat ini, secara umumnya, perempuan mengandung itu, apabila ber'iddah maka 'iddahnya selama dia mengandung.

Persoalannya: Berapa lamakah 'iddah perempuan mengandung yang kematian suami? Apakah selama empat bulan sepuluh hari? Mengikut kehendak ayat pertama, akan habis dengan berakhirnya tempoh tersebut meskipun dia belum melahirkan kandungannya? Atau dia akan terus habis 'iddah dengan melahirkan kandungannya meskipun beberapa saat sesudah kematian suaminya? Berdasarkan kepada pengertian ayat kedua, ulama' tidak sependapat dalam memberikan jawapannya, kerana setiap kedua-dua kemungkinan itu disokong oleh pengertian-pengertian ayat yang sama kuat.

Ibn Mas'ud lebih cenderung kepada had melahirkan kandungan. Bagi beliau, kerana ayat yang menentukan 'iddah dengan cara beranak ini datangnya terkemudian dari ayat yang menentukan 'iddah perempuan kematian suami dengan cara bulan itu, maka ayat yang datangnya terkemudian itu menjadi pembatal (Nasikh) kepada hukum yang terkandung dalam ayat terdahulu. Ringkasnya, cara ber'iddah dengan bulan, iaitu selama empat bulan sepuluh hari itu telah dibatalkan oleh satu cara baru, iaitu dengan cara melahirkan kandungan. Berasaskan ini, perempuan berkenaan akan

habis 'iddahnya sebaik sahaja beliau melahirkan kandungannya, tidak kira sama ada sepuluh bulan sesudah kematian suaminya atau seminit sesudah kematian itu.

Berlainan sekali pendapat Ali bin Abu Talib r.a., beliau tidak berpendapat bahawa ayat yang datangnya terkemudian akan terus menasakhkan ayat yang terdahulu, kalau bertentangan, selagi ada jalan penyelesaian antara keduanya. Dalam masalah ini, kata beliau, jalan penyelesaian masih terbuka luas. Caranya ialah dengan mengasingkan dua kes yang berbeza, dan menentukan bahawa tempoh yang paling panjang antara keduanya ialah tempoh sebenar habis 'iddah.

Sekiranya perempuan mengandung yang kematian suaminya itu melahirkan kandungannya sebelum tempoh empat bulan sepuluh hari dari tarikh kematian suaminya, maka 'iddahnya akan terus berlaku sehingga empat bulan sepuluh hari. Tetapi jika sekiranya tempoh empat bulan sepuluh hari itu berakhir dan perempuan berkenaan belum melahirkan kandungannya lagi, maka dia akan terus ber'iddah sehingga dia melahirkan kandungannya itu. Dengan ini, mengikut pandangan Ali r.a., kita telah meraikan kehendak kedua-dua ayat yang berkenaan.

c) **Sebab Keadaan Sekeliling**

Selain dari sebab peribadi dan metodologi, pemahaman dan sebagainya, keadaan sekeliling dan keadaan hidup masyarakat juga telah menjadi sebab kepada perbezaan pendapat dari semasa ke semasa di zaman sahabat ini.

Antara contoh hukum yang berubah kerana perubahan sekeliling dan keadaan masyarakat ini ialah yang mengenai binatang yang terlepas lari dari tuannya. Adalah amalan biasa di Zaman Abu Bakar, Umar dan Ali bahawa binatang seperti ini dibiarkan begitu sahaja sampai dijumpai oleh tuannya. Ini sesuai dengan sabda Rasulullah SAW apabila Baginda menjawab soalan mengenai kes seperti itu. Sabda Baginda; "Jangan pedulikan ia. Ia boleh meragut rumput sendiri dan meminum air sendiri." — (hadis riwayat Ahmad).

Tetapi apabila keadaan masyarakat telah berubah pada zaman Uthman, apabila orang ramai kurang beramanah lagi, dan ada kemungkinan siapa sahaja akan mendakwa bahawa binatang yang hilang itu kepunyaannya, hukum telah mengalami perubahan. Para fuqaha berpendapat sebaliknya binatang seperti itu perlu diambil, bila dijumpai untuk diiklankan supaya mudah diketahui tuannya.

SESI KETIGA: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN TABI'IN

Pendahuluan: Perselisihan Pendapat pada Zaman Peralihan Sahabat - Tabi'in

Sebagaimana yang diterangkan pada sebelum ini, perselisihan pendapat di kalangan para sahabat ini bukan bergerak ke arah yang menirus, tetapi sebaliknya ke arah yang meluas. Pada mulanya perselisihan ini berlaku dalam beberapa cabang hukum sahaja dan dalam bentuk yang tidak meluas. Tetapi dengan perkembangan masyarakat dan zaman, cabang-

cabang hukum dan persoalan yang menjadi punca perselisihan ini kian bertambah dan ruang perbezaan pendapat dalam menghuraikannya menjadi lebih meluas.

Apabila perkembangan hukum Islam sampai ke zaman peralihan antara sahabat dan Tabiin, perselisihan pendapat ini telah menjadi begitu ketara sekali. Sehingga gejala ini disebut sebagai salah satu ciri perkembangan hukum Islam pada zaman itu. Pada waktu tersebut, perselisihan pendapat tidak lagi hanya berlaku sejauh mengenai persoalan-persoalan atau hukum-hukum cabang (فرع) sahaja tetapi juga telah melibatkan persoalan-persoalan mengenai sumber-sumber hukum itu sendiri, di mana telah lahir golongan yang menolak penggunaan ijtihad dalam pengertiannya yang luas; iaitu suatu sumber yang sebelumnya diterima oleh umum sejak dari zaman Sahabat lagi.

Bahkan perselisihan pendapat ini telah merebak sampai kepada persoalan-persoalan mengenai akidah, dan telah berlaku tuduh menuduh yang berat-berat sehingga melibatkan soal kafir-mengkafir.

Sebab-Sebab Perselisihan Pendapat Pada Zaman Peralihan Sahabat - Tabiin

Penulis-penulis sejarah hukum Islam mencadangkan beberapa sebab kepada berlakunya perselisihan pendapat ini. Sebab-sebab ini merangkumi beberapa aspek, termasuk politik, akademik, dan sosial. Ianya dijelaskan seperti berikut:

a) Perpindahan Para Fuqaha' dari Madinah ke Daerah Lain

Sepanjang zaman Khulafa al-Rasyidin, kepakaran tentang hukum Islam boleh dikatakan menjadi monopoli para fuqaha generasi Sahabat. Mereka ini telah diletakkan di bawah kawalan imigrasi oleh para khalifah, terutama Abu Bakar dan Umar r.a., supaya tetap berada di Madinah, dan tidak keluar untuk menetap di mana-mana daerah lain. Mereka hanya dibolehkan untuk keluar dari Madinah sekadar beberapa ketika yang terhad atas sebab-sebab yang perlu. Tujuan utama kepada sekatan ini ialah untuk mendapat kerjasama mereka dalam membina hukum Islam dan menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dalam masyarakat Islam di Madinah. Dengan kata lain, mereka dihalang dari keluar menetap di daerah-daerah yang berjauhan dari Madinah kerana diperlukan untuk menjadi penasihat-penasihat khalifah dalam masalah-masalah hukum, politik dan pemerintahan.

Walau bagaimanapun, keadaan seperti ini tidak dapat kekal lebih lama. Dalam bidang politik dan pemerintahan, negara Islam telah berkembang dengan amat pesat sekali, sehingga melibatkan berbagai-bagai negeri di timur, barat, selatan dan utara. Di samping itu, orang-orang yang baharu menerima dan memeluk agama Islam di daerah-daerah baharu tersebut kian bertambah dengan pesatnya. Semuanya ini memerlukan sumbangan dan khidmat dari para fuqaha, bukan sahaja untuk mengajar mereka mengenali segala hal yang berkenaan dengan Islam, tetapi juga untuk menjadi pegawai-pegawai pemerintahan dan pentadbiran, serta juga pengadilan dan malah ketenteran di negeri-negeri tersebut.

Begitulah, akhirnya para Sahabat terpaksa juga berpindah dari Madinah ke bandar-bandar Islam yang lain, yang berselerak di segenap pelusuk dunia Islam yang luas itu. Perpindahan ini berlaku dek kerana tekanan, terutama di zaman pemerintahan Uthman bin Affan r.a. Antara destinasi yang mereka pergi ialah Syam, Iraq, Mesir dan Yaman. Walau bagaimanapun, ini bukanlah bererti bahawa Madinah dan Mekah telah menjadi kosong daripada ulama'. Sebenarnya masih ramai lagi para ulama' yang terus menetap di sana dan kerana itulah Madinah dan Mekah terus merupakan pusat perkembangan hukum Islam yang ulung.

Di daerah-daerah tersebut, para fuqaha ini sentiasa dikerumuni oleh penduduk-penduduk tempatan, terutama untuk meminta fatwa dan mempelajari ilmu hukum dari mereka. Dari para fuqaha inilah para penduduk tempatan mendapat didikan tentang hukum Islam dan mewarisi hadis-hadis Rasulullah SAW. Kebanyakan dari pelajaran dan fatwa serta juga hadis dan keputusan-keputusan pengadilan yang dibuat dan disampaikan oleh para fuqaha ini kemudiannya dikumpulkan bagi tujuan kegunaan selanjutnya.

Adalah menjadi perkara biasa bahawa masyarakat setiap negeri akan lebih mengutamakan dan berbangga dengan ajaran-ajaran yang mereka perolehi dari para fuqaha mereka sendiri. Mereka selalunya berpegang teguh dengan ajaran-ajaran ini dan tidak akan menerima sebarang pandangan lain yang tidak serupa dengannya. Maka di sinilah terletak satu daripada punca-punca perselisihan masyarakat mengenai hukum.

b) Keterlaluan dalam Meriwayatkan Hadis

Antara sebab lain yang mendorong ke arah berlakunya perselisihan yang meluas tentang hukum di zaman peralihan ini ialah kegiatan yang keterlaluan di dalam meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah SAW. Pada zaman Sahabat, terdapat kecenderungan umum untuk tidak meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah SAW secara meluas kerana bimbang kalau-kalau ianya boleh membuka peluang kepada orang-orang yang tidak jujur untuk melakukan riwayat secara dusta daripada Rasulullah SAW.

Berlainan sekali dengan zaman ini iaitu zaman yang pelbagai tekanan-tekanan keperluan kepada fatwa di dalam menyelesaikan persoalan-persoalan yang baharu muncul di daerah-daerah negara Islam yang sudah menjadi begitu luas itu, para fuqaha merasa perlu meriwayatkan hadis-hadis secara meluas. Untuk itu setiap fuqaha meriwayatkan segala hadis yang dihafalnya sama ada sebagai asas kepada fatwa-fatwa yang mereka berikan kepada orang ramai ataupun dengan tujuan mengajar orang-orang yang berguru dengannya.

Oleh kerana para Sahabat sendiri tidak sama dalam memiliki pengetahuan tentang hadis-hadis Rasulullah SAW, maka mereka telah melakukan riwayat dalam kadar yang berbeza-beza. Mana-mana Sahabat yang banyak menghafal hadis kerana lebih lama berdampingan dengan Rasulullah, misalnya, telah meriwayatkan kepada para pelajar dan para pengikutnya lebih banyak dari yang diriwayatkan oleh Sahabat lain yang menghafal hadis dalam kadar yang lebih sedikit. Di samping itu, tidak semua riwayat-riwayat itu dalam kes dan persoalan yang sama. Kadang-kadang, dalam sesuatu kes, seorang faqih tertentu meriwayatkan satu hadis yang berkenaan dengannya kerana beliau ada menghafal hadis

seperti itu, sedangkan fuqaha yang lain tidak mempunyai hadis seperti itu, lalu memberi fatwa melalui sumber hukum yang lain, seperti qiyas misalnya. Semuanya ini telah menimbulkan perselisihan pendapat yang ketara, kerana setiap orang kemudiannya memberi fatwa berdasarkan segala apa yang ada padanya.

c) Perpecahan Politik

Pada zaman ini, suatu perpecahan politik yang mendalam di kalangan umat Islam telah berlaku. Bibit-bibit perpecahan ini telah bermula dengan persoalan mengenai jawatan khalifah dan syarat-syarat orang yang boleh menjawat jawatan itu. Perpecahan ini kemudiannya merebak sampai kepada persoalan-persoalan mengenai akidah dan hukum.

Pada dasarnya, perpecahan ini telah menimbulkan tiga kelompok politik yang berbeza. Kelompok-kelompok tersebut ialah Khawarij, Syiah dan Ahlul Sunnah wal Jamaah.

Khawarij adalah suatu golongan politik yang berpecah dari kumpulan penyokong Ali bin Abi Talib r.a. kerana tidak bersetuju dengan sikap menerima tawaran damai yang disifatkan oleh mereka sebagai dibuat secara niat jahat oleh Muawiyah dan tenteranya. Pada pandangan kumpulan ini, khalifah boleh disandang oleh sesiapa pun asalkan sahaja dia diberi kepercayaan dan dipilih oleh rakyat. Bagi mereka ini khalifah tidak seharusnya diperjuangkan untuk orang perseorangan atau berasaskan kepada keturunan atau kumpulan yang tertentu.

Berdasarkan kepada dasar ini, mereka mengakui ketepatan langkah-langkah yang diambil oleh Abu Bakar dan Umar r.a. dalam masalah perlantikan khalifah ini. Di samping itu mereka tidak menyokong pendirian Uthman dan Ali r.a. kerana Uthman melakukan pilih kasih dengan mengutamakan Bani Umayyah dari masyarakat Islam lainnya, sedangkan Ali pula menerima tawaran perdamaian Muawiyah. Mereka juga tidak mendokong Muawiyah kerana mereka sifatkan Muawiyah sebagai perebut kuasa dengan kekerasan.

Golongan yang kedua dikenali sebagai golongan Syiah. Golongan ini telah lahir sebaik sahaja Rasulullah meninggal dunia dan berpendapat bahawa Ali sahajalah yang paling layak untuk menjadi khalifah. Walau bagaimanapun, atas dasar syura, mereka menerima Abu Bakar dan Umar dan Uthman sebagai khalifah-khalifah. Tetapi perjuangan untuk meletakkan Ali sebagai khalifah ini telah dihidupkan semula, sesudah kematian Uthman, dengan semangat yang amat tinggi dan emosi yang melonjak-lonjak sehingga setengah dari mereka yang terlibat dengan perjuangan ini mempunyai pelbagai anggapan terhadap Ali sebagai hasil daripada fanatik mereka yang keterlaluan terhadap beliau.

Bagi mereka juga, taat setia mestilah diberikan kepada mana-mana khalifah yang dipilih, selagi dia berjalan atas luns-luns al-Quran dan al-Sunnah. Apabila khalifah ini menyeleweng dari kehendak al-Quran dan al-Sunnah, dia mesti dimusuhi. Berasaskan kepada ini mereka menganggap para pengikut Muawiyah sebagai kafir dan wajib diperangi selagi mereka tidak mengisytiharkan penarikan sokongan mereka terhadap Muawiyah. Meskipun golongan Syiah ini mempunyai pelbagai pendapat tentang orang

yang seharusnya menjadi khalifah, tetapi pendapat-pendapat ini sama dalam masalah utama, iaitu para khalifah mestilah terdiri daripada Ali r.a. dan keturunannya, dan bukan terbuka untuk sesiapa sahaja dari kalangan umat Islam.

Golongan ketiga ialah Jumhur; iaitu majoriti umat Islam yang bersikap sederhana. Golongan ini tidak bersetuju dengan golongan Syiah yang memperjuangkan kedudukan keluarga Ali r.a. semata-mata sebagai khalifah, juga tidak dengan golongan Khawarij yang terlalu liberal dengan pendapatnya bahawa siapa sahaja layak menjadi khalifah, tidak kira siapa dan dari keturunan apa pun. Bagi mereka, khalifah semestinya terdiri dari orang keturunan Quraisy, kerana mereka lebih lama memeluk Islam.

Bagaimanapun, mereka ini hendaklah dilantik dengan secara “bai’ah”, atau boleh disebut sekarang ini sebagai pemilihan bebas yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin kaum, para fuqaha, pemerintah-pemerintah tentera dan tokoh-tokoh pemikiran, yang merupakan sebagai anggota permesyuaratan.

Perpecahan politik ini telah menimbulkan implikasi yang besar terhadap perkembangan hukum Islam. Setiap kumpulan mempunyai pandangan yang tersendiri di dalam cara mentafsir dan memahami setengah-setengah ayat al-Quran. Begitu juga setiap kumpulan ini mempunyai syarat-syarat yang tersendiri dalam beramal dengan Sunnah. Ahlul Sunnah wal Jamaah, yang merupakan majoriti umat Islam ketika itu, mensyaratkan sifat adil pada perawinya, dan menganggap bahawa befahaman Syiah dan Khawarij sebagai suatu hal yang bertentangan dengan syarat keadilan ini.

Syiah pula tidak menerima mana-mana hadis kecuali yang diriwayatkan melalui pemimpin-pemimpin mereka sahaja. Mereka menolak segala hadis yang diriwayatkan oleh perawi-perawi dari kalangan Jumhur (Ahlul Sunnah wal Jamaah) dan Khawarij. Begitulah juga golongan Khawarij, mereka menolak hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Jumhur atau golongan Syiah dan berpegang hanya dengan hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para fuqaha mereka sendiri sahaja. Semuanya ini telah menyebabkan perbezaan pendapat dalam membuat kesimpulan hukum dalam bentuk yang lebih prinsipal. Maka dengan itu perbezaan pendapat ini menjadikan hukum menjadi lebih luas.

d) Kemunculan Hadis Mauduk

Hadis adalah sumber kedua hukum Islam. Ianya secara umum, tidak pernah ditulis dan dibukukan sehingga suatu ketika yang lama sesudah kewafatan Rasulullah SAW. Pada zaman khalifah-khalifah al-Rasyidin, ada percubaan untuk mengumpulkan hadis-hadis ini, tetapi usaha-usaha baik itu terbengkalai oleh beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan.

Apabila berlaku perpecahan di kalangan umat Islam pada zaman peralihan Sahabat – Tabiin, lahir beberapa kalangan yang telah menggunakan hadis sebagai senjata untuk menyerang pendirian lawan atau mempertahankan diri dari serangan mereka. Kadangkala, penggunaan ini dilakukan dengan secara tidak jujur, sehingga sampai kepada peringkat mereka-rekakan hadis bagi tujuan memenuhi kepentingan pihak sendiri. Akibatnya banyak hadis-hadis palsu diriwayatkan dengan secara tidak jujur oleh pelbagai

pihak, dan dengan itu telah berlakunya keadaan yang bercampur-baur antara hadis-hadis yang sebenar dan hadis-hadis yang palsu.

Walau bagaimanapun, sebab yang disebutkan tadi bukanlah merupakan sebab yang tunggal kepada berlakunya perbuatan mereka-rekakan hadis ini. Sebenarnya ada sebab-sebab lain lagi yang menjadi asbab kepada gejala yang malang ini. Antara sebab-sebab itu ialah:

- i) **Rasa permusuhan terhadap Islam.** Meskipun Islam telah dapat mengalahkan semua bangsa yang berada di sekeliling Semenanjung Tanah Arab pada waktu itu, namun semangat permusuhan dan dendam kesumat bangsa-bangsa tersebut terhadap Islam dan penganutnya tetap membara. Pada pandangan mereka ini, kemaraan Islam telah menghapuskan kedudukan istimewa mereka di rantau berkenaan.

Untuk merebut kembali kedudukan yang diratapi itu, mereka berpendapat bahawa umat Islam perlu dilumpuhkan. Cara yang paling sesuai dan berkesan dalam usaha melumpuhkan umat Islam ini ialah dengan melemahkan agama mereka, Islam. Dalam melaksanakan usaha melemahkan kedudukan agama ini mereka dapati hadis sangat sesuai untuk dijadikan alat.

Mereka sedar, umat Islam berpegang teguh dengan hadis. Kerana itu hadis-hadis ini perlu dirosakkan dengan memasukkan ke dalamnya hadis-hadis palsu. Untuk itu mereka telah membentuk kumpulan-kumpulan sulit yang dibekalkan dengan kelengkapan yang cukup bagi tujuan mencipta hadis-hadis palsu dan menyebarkannya di kalangan orang ramai. Bagi menjayakan usaha ini, ramai dari kalangan mereka ini yang mendakwa secara dusta sebagai memeluk agama Islam. Antara mereka ini ialah Abdullah ibn Saba, Yahudi yang terkenal itu, yang mengisytiharkan dirinya sebagai Islam lalu terus menyokong golongan Syiah dan mereka-rekakan banyak hadis.

- ii) **Mengampu pemerintah dan orang-orang kenamaan.** Kadang-kadang, hadis-hadis rekaan ini dibuat semata-mata untuk tujuan mengampu orang-orang atasan sahaja, demi untuk mendapat ganjaran atau menghindarkan keburukan. Pernah berlaku apabila pemerintah menumpukan perhatiannya kepada sesuatu perkara, akan ada orang yang meriwayatkan hadis-hadis yang menepati kecenderungan pemerintah dalam persoalan berkenaan. Padahal hadis yang didakwakan itu sebenarnya palsu dan direka-rekakan, dan malah orang yang meriwayatkan hadis palsu itu sendiri bukan sebenarnya ahli ilmu.

Biasanya hadis-hadis palsu ini direkakan secara keseluruhannya lalu dikatakan ianya dari Rasulullah SAW, ataupun nilai-nilai rekaan itu diselitkan ke dalam hadis-hadis yang sebenarnya. Kadang-kadangnya, perawi-perawi palsu ini mengatakan perkataan-perkataan ahli-ahli falsafat dan bijak pandai sebagai hadis, ataupun kadangkala mereka menukarkan sanad yang lemah (dhaif) bagi sesuatu hadis itu dengan senarai sanad yang kuat yang diambil dari hadis lain bagi tujuan memperlihatkannya sebagai hadis yang kuat.

Kemerbahayaan gerakan pemalsuan hadis-hadis ini segera dirasakan oleh fuqaha Jumhur (Ahlul Sunnah wal Jamaah). Mereka merasakan ada usaha-usaha jahat yang bertujuan untuk menjatuhkan Islam dan para pemeluknya. Bagi mengelak dari terjerumus ke dalam perangkap yang merbahaya ini, mereka lalu bertindak untuk tidak menerima hadis-hadis kecuali yang diriwayatkan oleh orang-orang yang sangat-sangat boleh dipercayai (Thiqah/Mauthuqun Bih). Seajar dengan itu juga, mereka bangkit memerangi usaha-usaha jahat itu dan menyatakan kepada umum tentang kepalsuan mereka, motivasi mereka dan bagaimana caranya untuk mengenal mereka. Serangan balas para ulama ini telah mendapat kejayaan yang cemerlang kemudiannya. Usaha ini kemudiannya diteruskan sehingga institusi hadis menjadi bersih dari hadis-hadis palsu seperti itu.

Walau bagaimanapun, perkembangan yang dialami oleh institusi hadis ini telah meninggalkan kesan yang jelas terhadap jalan perkembangan hukum Islam. Ianya telah membantu memperluaskan lagi jurang perselishan pendapat tentang hukum. Ini kerana setiap golongan akan mengatakan bahawa hadis-hadis yang mereka pegangi adalah lebih meyakinkan dari hadis-hadis lain yang dipegangi oleh pihak yang lain. Di samping itu, ianya juga telah menimbulkan satu jenis tindak balas dari para fuqaha yang cukup berhati-hati dalam menerima hadis-hadis.

Maka kesannya, ada hadis-hadis yang dirasakan boleh diterima oleh faqih tertentu dan tidak boleh diterima oleh faqih yang lain kerana baginya hadis tidak begitu meyakinkan. Dengan itu, kedua-dua faqih itu akan melakukan ijtihad mengenai hukum dengan menggunakan sumber hukum yang tidak sama. Dari sini berlakulah perselisihan pendapat di kalangan mereka.

e) Meluasnya Perbezaan Pendapat di Antara Dua Aliran Golongan Jumhur; Ray dan Athar

Perbezaan pendapat yang meluas di kalangan para fuqaha di daerah-daerah Islam yang luas itu telah menimbulkan rasa bimbang di kalangan para fuqaha yang berada di Hijaz (Mekah dan Madinah). Mereka rata-rata tidak berpuas hati dengan prestasi yang ditunjukkan oleh para ulama di daerah-daerah berkenaan, terutama sikap mereka yang terlalu berani memberikan fatwa. Mereka juga merasa terkejut dengan perkembangan baru iaitu hadis-hadis Rasulullah SAW telah diriwayatkan dengan secara yang tidak cermat dan malah secara dusta. Semuanya ini telah menjadikan mereka merasa bimbang terhadap masa depan hukum Islam.

Memandangkan hal ini semua, mereka berpendapat bahawa satu cara untuk mengekalkan kesucian hukum Islam ialah dengan berpegang secara meluas dengan nas-nas Syarak dari al-Quran dan al-Sunnah dan seboleh-bolehnya menjauhkan diri dari menggunakan pemikiran (Ra'y) di dalam berijtihad tentang hukum. Ini kerana, pada pandangan mereka, penggunaan pemikiran boleh menjadi jalan ke arah penyelewengan di kalangan mereka yang tidak berpendirian tegas dalam menjaga kesucian hukum. Sikap mereka ini, secara kebetulannya, adalah juga sikap kebanyakan para Sahabat di zaman Khulafa al-Rasyidin, termasuk Zaid bin Thabit, al-'Abas bin Abdul Muttalib, dan Az-Zubair bin al-'Auwam.

Kalau diteliti dengan lebih mendalam, ternyata bahawa keengganan para fuqaha Hijaz untuk menggunakan fikiran (Ra'y) dalam proses perundangan dan hukum Islam pada waktu itu bukan sahaja disebabkan oleh metodologi mereka tentang pembinaan hukum itu sendiri. Malah, yang lebih ketara ialah mereka berada di dalam suasana atau persekitaran yang tertentu, yang menjadikan mereka tidak perlu untuk berbuat demikian.

Hasil daripada corak pembawaan ini, para fuqaha Hijaz kemudiannya dikenali sebagai golongan hadis (Ahlul Hadis) dan aliran mereka dikenali sebagai Aliran Hadis (Madrasatul Hadis). Pusat kegiatan mereka ini ialah di Madinah dan tokoh mereka yang paling terkemuka ialah Said ibn al-Musaiyib.

Sikap yang agak berlainan sedikit terdapat di kalangan para fuqaha Iraq. Sebagai sebuah negeri yang berada jauh dari pusat hadis iaitu Madinah. Iraq tidak begitu kaya dengan riwayat-riwayat hadis Rasulullah SAW. Di samping itu, daerah tersebut juga mempunyai warisan tamadun yang tinggi dan pelbagai cabang ilmu pengetahuan serta corak hidup yang rumit. Para fuqaha merasai tidak boleh berpada dengan hadis-hadis yang sedikit itu tetapi memerlukan penggunaan fikiran (Ra'y). Kecenderungan ini, walau bagaimanapun, bukanlah suatu yang baharu dalam sejarah perkembangan hukum Islam. Ianya sebelum itu telah dikesan pada pembawaan para fuqaha Sahabat yang terkemuka seperti Umar bin Khattab, Ali ibn Abu Talib dan Abdullah Ibn Mas'ud.

Berdasarkan kepada keenderungan ini, para fuqaha Iraq kemudiannya dikenali sebagai golongan fikiran (Ahlur Ra'y), dan aliran mereka dikenal sebagai aliran fikiran (Madrasatur-Ra'y). Pusat kegiatan golongan ini ialah Kufah, di Iraq sementara tokoh mereka yang paling terkemuka ialah Ibrahim an-Nakhai.

Wujudnya dua aliran ini bukanlah suatu perkara ganjil. Apa yang agak ganjil ialah sikap para fuqaha dari kedua-dua aliran itu sendiri. Mereka merupakan orang yang terlalu fanatik kepada pembawaan sendiri dan suka mengkritik dan mempersalahkan orang lain. Fuqaha-fuqaha hadis misalnya, menuduh fuqaha golongan fikiran sebagai bersikap membelakangkan Sunnah, sementara fuqaha aliran fikiran pula, menuduh para fuqaha golongan hadis sebagai jumud dan mempunyai pandangan yang sempit.

Antara kesan yang lahir dari kedudukan ini ialah munculnya kegiatan-kegiatan yang berbentuk polemik dan perdebatan mengenai hukum di antara kedua-dua golongan ini, terutama sekali apabila kekuasaan politik negara Islam terjatuh ke tangan Bani Abbas dan tertubuhnya kerajaan Abbasiyah yang memberikan keutamaan kepada kebebasan berpendapat itu. Polemik-polemik ini kemudiannya mendapat perhatian pemerintah sendiri lalu digalakkan untuk memperkembangkan ilmu pada waktu itu. Hasilnya telah muncul beberapa sifat baru dalam proses pembinaan hukum Islam yang menjadikan ianya lebih cergas dan produktif.

Satu kesan yang lebih mendalam lagi bagi perkembangan ini ialah bahawa hukum Islam itu telah mempunyai dua aliran asas dalam menuju arah perkembangan selanjutnya, di mana dari aliran-aliran inilah nantinya lahir mazhab-mazhab hukum yang berbeza-beza di seluruh pelusuk dunia Islam dengan dipimpin oleh pelbagai golongan fuqaha. Suatu

perkara yang agak jelas boleh diperhatikan dalam perkembangan ini ialah munculnya usaha-usaha dari pelbagai pihak untuk membina dan memupuk teori pembinaan hukum masing-masing dan menjadikannya sebagai suatu kaedah yang tersendiri dan lengkap. Hal ini kemudiannya menjadikan generasi terkemudian terdidik dengan teori-teori yang tertentu tadi dan terus mempertahankannya serta juga memperkembangkannya sampai menjadi suatu mazhab.

Perbezaan Pendapat Pada Zaman Pembinaan Mazhab

Dalam membina dan memupuk teori-teori hukum, masing-masing setiap aliran menemui jalan mereka sendiri dalam banyak perkara. Jalan-jalan ini banyak berdasarkan kaedah-kaedah pembinaan hukum yang mereka warisi dari generasi terdahulu, dan ada juga yang berasaskan penemuan-penemuan baru, terutama dalam hal-hal yang mengenai kaedah-kaedah yang tidak asasi.

Ufuk perselisihan pendapat ini menjadi semakin luas, kerana ianya bukan lagi berupa perbezaan kecenderungan dalam mentafsirkan sumber-sumber hukum tetapi perbezaan pegangan terhadap beberapa sumber hukum itu sendiri. Dalam kata lain, pada peringkat ini perbezaan pendapat tentang hukum tidak lagi berkisar setakat mengutamakan mana-mana sumber di dalam kes-kes tertentu tetapi telah menjadi perbezaan pendapat tentang sumber-sumber itu sendiri, apakah ianya harus diterima atau tidak. Perbezaan-perbezaan ini bolehlah dijelaskan seperti berikut:

a) Perbezaan Pendapat Mengenai Kedudukan Sunnah

Tidak sebagaimana al-Quran yang tidak pernah dipertikaikan pada peringkat mana dan oleh sesiapa pun, tetapi al-Sunnah telah mula dipertikaikan oleh golongan-golongan tertentu mulai daripada zaman ini. Secara kasarnya, pertikaian ini boleh disifatkan sebagai reaksi kepada perkembangan-perkembangan yang ada pada waktu itu, termasuk gejala-gejala keterlaluan dalam meriwayatkan hadis, munculnya hadis-hadis mauduk, serta juga oleh faktor-faktor perkembangan sejarah, di mana zaman tersebut adalah suatu zaman yang agak jauh dari zaman Rasulullah SAW sendiri, di mana hadis-hadis terbina. Pertikaian ini pada dasarnya berpusat kepada dua persoalan berikut:

- i) Adakah al-Sunnah sebenarnya sumber kepada hukum Islam dan merupakan penimbal kepada al-Quran?
- ii) Sekiranya al-Sunnah adalah sebagai sumber hukum, bagaimanakah cara untuk berpegang dengannya?

Pada peringkat permulaannya, muncul golongan yang menolak al-Sunnah secara keseluruhannya. Bagi mereka al-Quran sudah cukup untuk menjadi sumber yang tunggal kerana ianya mengandungi segalanya dan diturunkan dalam bahasa Arab yang boleh difahami sama ada oleh orang-orang Arab ataupun bukan Arab (Mawali). Pendapat ini, walau bagaimanapun, tidak mendapat sambutan baik dari masyarakat umum Islam mahupun dari golongan ulamanya. Ianya mudah sahaja ditumpaskan oleh para ulama pada waktu itu, terutama oleh Imam Syafie. Suatu alasan besar yang boleh menolak pandangan yang keterlaluan ini secara sekaligus ialah fungsi kerasulan Nabi Muhammad

itu sendiri. Mengikut para ulama yang muktabar, apa faedahnya kedatangan rasul dengan hadis-hadisnya kalau tidak untuk menjelaskan segala apa yang kurang dapat difahami dari al-Quran?

Persoalan kedua meninggalkan kesan yang lebih mendalam. Ada golongan yang menolak hadis-hadis Ahad dan hanya menerima hadis-hadis Mutawatir sahaja. Ada golongan lain yang tidak menerima hadis kecuali ianya telah sedia diamalkan oleh semua para fuqaha semasa pada waktu itu. Satu golongan lain lagi berpendapat bahawa hadis yang boleh diterima hanyalah hadis-hadis yang memenuhi dua syarat berikut: Ianya tidak pernah dipertikaikan oleh sesiapa pun, dan mestilah disokong oleh mana-mana amalan penduduk Madinah yang tidak pula dipertikaikan oleh sesiapa pun. Golongan Syiah pula tidak menerima baik kecuali hadis-hadis yang diriwayatkan oleh kalangan imam mereka sendiri, atau sekurang-kurangnya para ulama dari kalangan mereka dan menolak selain darinya atas alasan bahawa siapa sahaja yang menolak kepimpinan Ali, tidak berhak dipercayai. Sementara golongan Khawarij pula hanya menerima hadis-hadis yang diriwayatkan oleh para Sahabat sebelum berlakunya pertentangan antara Ali dan Muawiyah, atas alasan bahawa sesudah berlaku pertentangan itu (al-Fitnah) tiada siapa lagi yang boleh dipercayai.

Golongan terbanyak Ahlul-Hadis berpendirian sama seperti Imam Syafie, iaitu hadis yang boleh dipercayai dan diterima sebagai sumber hukum ialah mana-mana hadis yang diriwayatkan oleh mana-mana perawi yang bersifat adil dan riwayatnya itu bersambungan melalui periwayat-periwayat yang adil juga sehinggalah kepada Rasulullah SAW sendiri. Dalam hal seperti ini tidak kira sama ada hadis itu hadis Mutawatir atau Ahad.

Perbezaan-perbezaan pendapat ini telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap penilaian hadis yang diriwayatkan. Ada kemungkinan hadis-hadis tertentu dipegangi oleh Mazhab Hanafi kerana ianya Hadis Mashur tetapi ditolak oleh Mazhab Syafii kerana sanadnya daif. Mungkin ada hadis yang ditolak oleh Mazhab Maliki kerana bertentangan dengan amalan penduduk Madinah, tetapi diterima oleh Mazhab Syafie kerana sanadnya kuat.

b) Perbezaan Pendapat Mengenai Penggunaan Fikiran (Ra'y)

Perselisihan pendapat mengenai penggunaan fikiran (ra'y) berlaku dari segi prinsip dan caranya sekali. Ada setengah fuqaha yang berpendapat bahawa fikiran tidak langsung boleh dipergunakan dalam proses menentukan hukum. Bagi mereka ini, setiap hukum berdasarkan sepenuhnya kepada nas-nas Syarak. Antara yang paling terkemuka dari kalangan ini ialah Daud az-Zahiri dan muridnya Ibnu Hazm al-Andalusi.

Pandangan mereka ini bertentangan dengan pendapat golongan terbanyak (jumhur) para ulama. Bahkan ada ulama yang berpendapat bahawa penggunaan fikiran ini seolah-olah telah diterima oleh para ulama secara Ijmak. Bagi menjadikan dakwaan mereka ini suatu yang dilihat sebagai benar, mereka menafikan golongan Daud Zahiri dan para pengikutnya sebagai para fuqaha yang boleh diambil kira.

Sementara itu, para fuqaha yang menerima fikiran sebagai sumber hukum tidak sependapat sesama mereka mengenai kaedah penggunaan fikiran itu sendiri. Ada di antara mereka fuqaha yang tidak menerima Qiyas sebagai suatu kaedah yang betul dalam menggunakan fikiran dalam berijtihad. Qiyas ertinya menentukan hukum bagi kes yang hukumnya tidak dinaskan berdasarkan hukum bagi kes lain yang hukumnya dinaskan, atas dasar persamaan 'llat antara kedua-duanya. Mereka yang menolak Qiyas ini alah golongan Syiah Imamiyah. Bagi mereka, fikiran atau ra'y harus berupa akal biasa, yang harus dipergunakan sewaktu ketiadaan nas. Apa yang dicapai oleh akal ini disebut sebagai Maslahah. Ini mengertikan bahawa maksud penggunaan fikiran di kalangan mazhab atau golongan Syiah ialah secara berdasarkan Maslahah dan bukannya Qiyas.

Mazhab Syafie bertentangan dengan fahaman mereka ini. Bagi mereka, tidak ada kaedah lain dalam menggunakan fikiran dalam menentukan hukum kecuali Qiyas. Ini kerana, mengikut pendapat mereka, hukum Syarak itu sama ada dinaskan atau disandarkan kepada mana-mana nas. Bagi Imam Syafie, setiap hukum itu perlu ada pertalian dengan nas Syarak. Kalau seseorang mujtahid tidak mendapati sesuatu hukum yang dimaksudkan dari mana-mana nas, dia perlu menyandarkan hukum itu kepada mana-mana nas yang menentukan hukum bagi persoalan yang sama dengan persoalan yang ada di hadapannya itu.

Fuqaha Mazhab Hanafi menyokong dengan fuqaha Syafie. Tetapi pintu mereka lebih terbuka luas. Bagi mereka, selain dari Qiyas ada satu kaedah lain dalam penggunaan fikiran, iaitu Istihsan. Ianya mengertikan langkah membelakangi Qiyas oleh sebab kesimpulan hukum yang lahir darinya bertentangan dengan adat resam, atau wujudnya keadaan yang memaksa atau kepentingan yang ada hubungannya dengan nas yang jelas.

Para fuqaha Maliki, Zaidi dan setengah-setengah dari kalangan fuqaha mazhab Ahmad ibn Hanbal menerima konsep fikiran ini dalam kaedah yang lebih luas lagi. Mereka menerima kaedah-kaedah Qiyas, Istihsan dan juga Masaleh Mursalah. Masaleh Mursalah ertinya sesuatu kepentingan yang tidak dinaskan hukumnya oleh Syarak secara khusus tetapi bersesuaian dengan kehendak Syarak secara umum.

Semua pendapat-pendapat ini adalah mengenai penggunaan fikiran dalam hal-hal yang tidak ada nas mengenainya. Adapun dalam hal-hal yang ada nas mengenainya maka fuqaha semuanya berpendapat bahawa fikiran tidak boleh digunakan kalau sekiranya nas berkenaan sabit secara mutawatir dan pengertiannya amat jelas. Tetapi sekiranya nas berkenaan sabit secara Zanni (tidak betul-betul pasti), seperti hadis-hadis Ahad, para ulama' tidak sependapat apakah ianya menghalang penggunaan fikiran atau sebaliknya.

Menghuraikan perbezaan pendapat ini, para ulama nampaknya bersetuju bahawa sekiranya fikiran yang digunakan itu dalam bentuk Qiyas yang 'llatnya (alasan hukum) dinaskan maka keutamaan akan diberikan kepada yang mana satu antara keduanya yang lebih jelas. Tetapi kalau sekiranya 'llat hukum Qiyas itu bukan dinaskan, ulama tidak bersependapat mengenainya. Setengah ulama' berpendapat, nas semestinya perlu didahulukan, kerana demikian itu sesuai dengan dasar tidak menerima ijtihad dalam hal-hal yang ada nas.

Tambahan pula, fikiran hanya diperuntukkan bagi tujuan untuk memenuhi kekosongan di mana tidak ada nas. Pendapat ini disuarakan oleh Imam Abu Hanifah, Syafii dan Ahmad Ibn Hanbal. Berbeza sekali dengan pendapat setengah fuqaha mazhab Hanafi dimana bagi mereka, sekiranya perawi hadis (nas) itu seorang Sahabat yang faqih, seperti Abdullah ibn Mas'ud dan Zaid ibn Thabit, hadis itu perlu diutamakan. Tetapi kalau sekiranya perawi hadis (nas) berkenaan terdiri daripada Sahabat yang tidak faqih, seperti Abu Hurairah, maka Qiyas yang perlu diutamakan sekiranya terdapat pertentangan penuh antara keduanya. Berlainan pula kalau pertentangan antara nas dan Qiyas itu tidak sepenuhnya. Dalam keadaan kedua ini, mengikut pendapat mereka, hadislah yang perlu diutamakan kerana ianya tidak bertentangan dengan Qiyas.

Mengikut pendapat Imam Malik, sekiranya fikiran itu bersesuaian dengan amalan penduduk Madinah, maka ianya perlu diutamakan dari nas (hadis) yang tidak mutawatir. Bahkan hadis itu sendiri tidak boleh diiktiraf sebagai hadis Rasulullah SAW kerana bertentangan dengan amalan penduduk Madinah. Tetapi sekiranya nas (hadis) itu tidak bercanggah dengan amalan penduduk Madinah, ianya akan diutamakan, kalau sekiranya fikiran yang bercanggah dengannya itu tidak sesuai dengan mana-mana kaedah atau fiqh yang disimpulkan daripada al-Quran dan al-Sunnah. Jika sebaliknya, fikirlah yang akan diutamakan.

Perlu juga disebutkan di sini, bahawa dalam hal mengutamakan fikiran dari hadis, perhitungannya ialah bahawa hadis berkenaan sukar dipercayai bahawa ianya dari Rasulullah SAW. Ini kerana memandangkan ianya tidak selaras dengan tujuan umum Syarak.

c) Perbezaan Pendapat Mengenai Ijmak

Ada satu bentuk Ijmak yang tidak boleh dinafikan kedudukannya oleh sesiapa pun. Ianya berlaku mengenai hal-hal dasar dalam Islam dan disokong oleh nas-nas yang banyak dan kuat. Ijmak seperti ini sebenarnya berasaskan nas-nas yang kuat sama ada dari segi sandarannya mahupun pengertiannya, di mana nas-nas ini secara sekaligus merupakan suatu keseluruhan bagi kehendak Syariat dalam hal yang berkenaan. Ijmak seperti ini sentiasa diutamakan dari nas-nas yang bersifat serpihan yang memberikan ketentuan hukum yang berlainan.

Kata para ulama', ketetapan-ketetapan yang diterima secara Ijmak ini tidak sekali-kali boleh dijadikan sebagai bahan ijtihad. Ini kerana ianya tidak lagi memerlukan penelitian ataupun penganalisaan. Setengah orang, secara silap faham, menganggap bahawa ini merupakan keutamaan Ijmak dari nas-nas dalam segala bentuknya. Apa yang sebenarnya ialah pengutamaan Ijmak seperti ini merupakan pengutamaan nas-nas yang diterima secara Ijmak terhadap nas-nas yang penerimaannya secara tidak Ijmak.

Adapun Ijmak yang selain dari bentuk ini, maka ianya boleh dipertikaikan dengan beberapa cara dan bentuk. Majoriti fuqaha berpendapat, Ijmak para Sahabat adalah sumber kepada hukum (Hujjah). Pendapat ini ditentang oleh golongan Khawarij dan Syiah serta juga setengah-setengah fuqaha golongan Muktazilah.

Malah mengikut an-Nazzam, seorang ulama Muktazilah, Ijmak yang selain dari dalam bentuk yang pertama tadi tidak mungkin berlaku. Ini kerana ianya hasil ijthad, yang tentunya tidak munasabah boleh melahirkan pendapat yang sama, terutama apabila mengingatkan bahawa para ulama Islam sentiasa berada di mana-mana dan berijtihad di mana-mana. Walau bagaimanapun alasan mereka ini tertolak dengan kenyataan bahawa Ijmak seperti itu sebenarnya pernah berlaku di zaman Sahabat.

Selain dari Ijmak para Sahabat, majoriti fuqaha (jumhur) tidak sependapat mengenai kemungkinan berlakunya Ijmak seperti yang dimaksudkan. Ada riwayat yang mengatakan bahawa Imam Ahmad ibn Hanbal menolak kemungkinan itu. Sekurang-kurangnya riwayat ini boleh difahami bahawa Imam tersebut tidak merasa yakin Ijmak seperti itu boleh berlaku.

Berasaskan kepada ini, beliau mengajar para muridnya supaya jangan berkata, “.. para ulama telah berijmak...”, tetapi sebaliknya berkata, “ ...saya tidak mendapati adanya apa-apa pertikaian dari mana-mana ulama. ...” Ini merupakan suatu langkah cermat dari beliau sendiri.

Imam Syafie tidak menolak kemungkinan berlakunya Ijmak meskipun di zaman selepas Sahabat. Walau bagaimanapun, adalah biasa bagi beliau untuk menolak mana-mana dakwaan berlakunya Ijmak secara kes kepada kes. Ini bererti beliau tidak menolak berlakunya Ijmak pada segi teorinya tetapi kurang yakin ianya boleh benar-benar berlaku pada zamannya.

Ulama-ulama selain daripada Imam Syafie dan Imam Ahmad ibn Hanbal nampaknya lebih yakin kepada kemungkinan berlakunya Ijmak ini pada zaman apa pun juga. Malah mereka selalu sahaja mendakwa berlakunya Ijmak dalam kes-kes tertentu, meskipun kadangkalanya bila diselidiki betul-betul Ijmak seperti itu sebenarnya tidak berlaku.

Di samping itu terdapat beberapa bentuk persetujuan antara fuqaha yang dipertikaikan sama ada ianya boleh disebut sebagai Ijmak seperti mana yang dimaksudkan atau sebaliknya. Bentuk-bentuk yang dipertikaikan ini ialah:

- i) Ijmak Sukuti, yang bererti Ijmak secara diam. Apabila seorang mujtahid menjelaskan pendapatnya mengenai suatu kes dan tidak ada mana-mana mujtahid lain yang tampil mengemukakan pandangannya terhadap pendapat itu, sama ada bersetuju atau tidak bersetuju, dalam kadar yang munasabah untuk tujuan penelitian dan perbincangan, apakah ianya bererti bahawa suatu bentuk Ijmak telah berlaku? Para ulama' tidak sependapat mengenainya. Ada setengah fuqaha yang mengatakan ya, ianya suatu Ijmak yang boleh menentukan hukum secara tidak ragu-ragu lagi.

Setengah fuqaha lain mengatakan ya, tetapi hanya menentukan hukum secara sangkaan (zanni). Setengah fuqaha pula berpendapat ianya satu sandaran hukum yang boleh diterima tetapi tidak bertaraf Ijmak, sedangkan suatu golongan lain pula berpendapat bahawa ianya bukan Ijmak tetapi boleh dipegangi berdasarkan kepada dalil yang dipegangi oleh mujtahid itu sendiri, sebagaimana dalam kes-kes biasa.

- ii) Apabila para ulama pada sesuatu zaman itu berpecah dua atau tiga atau seterusnya, apakah dua atau tiga pendapat atau seterusnya ini secara bersama dikira sebagai Ijmak, dalam erti lain tidak siapa yang berhak kemudiannya untuk mewujudkan pendapat ketiga, keempat atau seterusnya?

Para ulama tidak sependapat dalam memberikan jawapan mereka. Setengah dari mereka menganggapnya bukan Ijmak, kerana tidak ada satu pendapat yang disokong. Apa yang ada hanyalah beberapa pendapat yang berbeza-beza. Ada suatu golongan mengatakan ia sebenarnya satu Ijmak. Ini kerana mana-mana pendapat yang di luar dari pendapat-pendapat itu bertentangan dengannya. Pendapat lain pula mengatakan, sekiranya ada ciri-ciri persamaan dari pendapat-pendapat semasa yang bertelingkah itu, maka ciri berkenaan dianggap sebagai Ijmak yang tidak boleh dicanggang lagi.

- iii) Jika sesuatu pendapat itu mendapat sokongan majoriti besar, dan tidak dipersetujui oleh minoriti yang sangat kecil, apakah pendapat itu boleh dianggap sebagai Ijmak? Fuqaha tidak sependapat dalam memberikan jawapan mengenainya. Setengah fuqaha menganggapnya bukan Ijmak, kerana Ijmak mengertikan persepakatan pendapat antara para mujtahid mengenai sesuatu hukum tertentu. Maka selagi ada perbezaan pendapat selama itu tidak ada Ijmak.

Segolongan ulama lain sebaliknya berpendapat bahawa adanya pendapat yang berbeza dari hanya satu dua orang fuqaha tidak bersepakat pendapat terbanyak untuk dianggap sebagai Ijmak. Mereka ini adalah setengah fuqaha mazhab Zaidiyah. Bagi mereka, adalah mustahil untuk mewujudkan persetujuan sebulat suara. Kerana itu tidak adanya persetujuan dari satu dua orang tidak boleh mengurangi nilai persetujuan berkenaan.

Setengah ulama lain berpendapat, sekiranya pendapat minoriti yang kecil itu kelihatan agak ganjil dan jelas bertentangan dengan kehendak mana-mana hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW, maka ianya tidak boleh mengurangkan kualiti pendapat majoriti tadi sebagai suatu Ijmak. Antara contoh dalam kes ini ialah masalah nikah muta'ah. Majoriti fuqaha berpendapat ianya telah dimansuhkan, tetapi Ibn Abbas mempunyai pandangan yang berlainan, yang bercanggah dengan hadis yang jelas pada pandangan jumhur. Sebaliknya kalau pendapat minoriti kecil itu tidak kelihatan ganjil dan tidak pula bertentangan dengan jelas dengan mana-mana nas maka ianya akan menghalang pendapat majoriti besar itu dari bersifat Ijmak.

Para ulama juga berselish pendapat mengenai kalangan siapakah sebenarnya yang boleh membentuk Ijmak. Golongan jumhur berpendapat, mereka tidak termasuk orang-orang yang tidak menerima konsep fikiran (ra'y) dan Qiyas. Ini bermaksud bahawa apa-apa pandangan yang tidak sama dari mereka ini tidak boleh mengurangi kedudukan sesuatu kata sepakat antara ulama lain itu sebagai Ijmak.

Tergolong dalam kelas ini juga, mengikut Jumhur, ialah ulama-ulama Syiah, kerana mereka dianggap, oleh Jumhur, sebagai golongan yang tidak berasaskan kepada

Syarak (Ahlul-Ibtida'). Sedangkan golongan Syiah Imamiyah tidak menganggap sesuatu kata sepakat itu sebagai Ijmak kecuali ianya kata sepakat antara para mujtahid mereka sendiri. Bagi mereka, Ijmak adalah sumber hukum yang mengikat (hujjah).

Begitulah kedudukan Ijmak. Ianya merupakan medan pertentangan pendapat yang luas di kalangan para fuqaha. Walau bagaimanapun pertentangan-pertentangan itu terhad setakat hal-hal yang tidak melibatkan asas-asas utama Syariat.

d) Perbezaan Pendapat Mengenai Ijmak Penduduk Madinah

Imam Malik mempunyai pandangan yang berbeza dari para fuqaha lain di zamannya mengenai kata sepakat penduduk Madinah. Bagi beliau, kata sepakat seperti itu merupakan Ijmak yang mengikat semua ketentuan hukum di mana-mana pun juga. Pendiriannya ini amat jelas dalam suratnya kepada Allaith Ibn Sa'd. Pada mulanya Imam Syafie sependapat dengan beliau dalam masalah ini, tetapi kemudian-nya menarik balik pendapatnya itu dan berpendirian sama dengan Jumhur yang mengatakan bahawa kata sepakat seperti itu bukannya satu Ijmak dalam erti kata yang sebenarnya.

Walaupun bagaimanapun ada setengah para ulama Islam berpendapat bahawa Imam Malik tidak menganggap Ijmak penduduk Madinah itu sebagai mengikat semua orang, baik di mana pun dia berada. Kata Ibn al-Qaiyim:

"Imam Malik sendiri melarang khalifah ar-Rasyid dari menguatkuasakan mazhabnya yang berasaskan amalan penduduk Madinah itu, dan berkata: "Para sahabat Rasul SAW telah pergi dan berada di mana-mana di seluruh negara Islam. Tentu sekali setiap kumpulan dari mereka mengetahui apa yang tidak diketahui oleh kumpulan yang lain". Ini mengertikan bahawa amalan penduduk Madinah tidak dianggap oleh Imam Malik sebagai mengikat atas semua umat Islam. Bagi beliau itu adalah pilihan beliau sendiri dan tidak pernah mengatakan di dalam buku Muatta'nya, ataupun dalam bukunya yang lain, bahawa beramal dengan yang selain dari amalan penduduk Madinah itu sebagai tidak boleh."

Tetapi ternyata pendapat ini tidak begitu tepat. Sebenarnya memang pendapat Imam Malik bahawa persepakatan pendapat atau amalan penduduk Madinah itu sebagai Ijmak. Imam Syafie telah mengulas pendirian Imam Malik ini dalam bukunya "Ikhtilaf Malik" dimana mengikut pendapat Syafie, penyelidikan menunjukkan bahawa apa yang diijmakkan oleh penduduk Madinah sebenarnya juga diijmakkan oleh para fuqaha daerah-daerah lain.

e) Perbezaan Pendapat Mengenai Fatwa Sahabat dan Tabiin

Para fuqaha mazhab empat bersetuju mengambil kira fatwa dan pendapat Sahabat. Ini adalah suatu pendirian yang mereka warisi daripada para guru mereka dari generasi Tabiin. Memang ada dari kalangan Tabiin yang mengharuskan fuqaha mengeluarkan fatwa atau pendapat mana-mana Sahabat untuk mengambil pendapat atau fatwa Sahabat yang lain, tetapi kelonggaran ini tidak sampai kepada had pengeluaran pendapat atau fatwa semua para sahabat secara sekaligus.

Pengakuan yang dibuat oleh Abu Hanifah sangat jelas dalam masalah ini. Kata beliau, kalau hanya terdapat satu pendapat dalam kalangan Sahabat saya akan menerima pendapat itu. Kalau para Sahabat tidak sependapat, saya akan pilih satu dari pendapat-pendapat mereka, dan tidak akan meninggalkan secara kesemuanya.

Imam Malik menganggap pendapat Sahabat sebagai Sunnah yang perlu diikuti. Ini kerana para Sahabat adalah generasi yang menghayati sendiri detik-detik pembinaan hukum Islam zaman Rasulullah dan menerima pengajaran dari Baginda dengan secara langsung. Pendapat Ahmad ibn Hanbal pun juga begitu, beliau bahkan menerima pendapat Tabiin dalam masalah-masalah yang ketiadaan pendapat Sahabat. Dalam hal di mana para Sahabat tidak sependapat, Imam Ahmad tidak campur tangan. Beliau tidak akan memilih mana-mana satu dari pendapat-pendapat tadi tetapi sebaliknya menjadikan pendapat-pendapat yang berbeza itu sebagai pendapat-pendapat dalam mazhabnya sendiri. Dalam hal seperti ini, beliau tidak menganggap dirinya sebagai seorang yang mampu membuat pertimbangan untuk memilih mana satu yang benar.

Penulisan-penulisan mengenai usul fiqh dalam mazhab Syafie pada umumnya menyatakan bahawa dalam mazhab Qadim (lama), Imam Syafie menerima fatwa atau pandangan Sahabat sebagai sumber hukum, tetapi tidak menganggap begitu dalam mazhab Jadid (baru) nya. Tetapi kalau kita rujuk kepada bukunya sendiri "Ar-Risalah", riwayat ar-Rabii bin Sulaiman al-Muradi, kita akan dapati bahawa kenyataan ini meleset sekali.

Apa yang terdapat dalam buku tersebut, yang merupakan hasil penulisan Imam Syafie dalam mazhabnya yang baru, ialah bahawa Imam tersebut menerima pendapat atau fatwa Sahabat sebagai sumber hukum (Hujjah). Sekiranya pendapat itu hanya satu maka pendapat yang satu itulah menjadi sumber hukum, dan sekiranya terdapat lebih daripada satu pendapat di kalangan Sahabat maka salah satu daripadanya mesti diterima sebagai sumber hukum. Kata beliau:

"Ada orang berkata kepadaku, '...Saya memahami pendirian tuan mengenai Kitabullah dan ketentuan-ketentuan RasulNya. Apa pula alasan tuan tentang mengikut Ijmak dalam hal-hal yang tidak ada nas hukum Allah ataupun riwayat daripada Nabi...?' Saya lalu berkata, kalau mereka Ijmak dan menyatakan bahawa ianya merupakan hukum yang diterangkan oleh Rasulullah, maka (ianya akan diterima) dalam bentuk itu InsyaAllah. Kalau mereka tidak menyatakan begitu, kemungkinan ianya dari Rasulullah (memang ada), kerana tidak mungkin mereka menyebut tentang kecuali yang didengar (dari Rasulullah)."

Dalam bukunya al-Umm, Imam Syafie juga berkata:

"...Selagi ada terdapat dalam al-Quran atau al-Sunnah tidak ada siapa yang mengetahui tentangnya boleh tidak mengikutnya. Kalau tidak (ada dalam kedua-duanya) kita kenalah melihat pendapat para sahabat atau salah satu dari mereka..."

Pendapat-pendapat yang menerima pendapat atau fatwa para Sahabat ini sebagai sumber hukum telah ditentang oleh fuqaha golongan Syiah dan Khawarij. Bagi mereka ini, pendapat atau fatwa para Sahabat bukan boleh diterima sebagai sumber hukum.

Pendapat mereka ini kemudiannya disokong oleh fuqaha mazhab Zahiri, kecuali dalam hal-hal apabila berlaku Ijmak di kalangan para Sahabat itu. Pengecualian ini berdasarkan kepada kedudukan Ijmak itu sendiri sebagai sumber hukum dan bukannya pendapat atau fatwa Sahabat secara sendiri.

Apa yang berlaku terhadap pendapat atau fatwa para Sahabat, lebih-lebih lagi berlaku terhadap pendapat Tabiin. Golongan yang tidak menerima fatwa Sahabat sebagai sumber hukum lebih-lebih lagi tidak menerima pendapat para Tabiin. Sedangkan Abu Hanifah dan Imam Syafie yang menerima fatwa Sahabat sebagai sumber hukum itu pun tidak menerima pendapat Tabiin bagi tujuan tersebut.

Dalam hal ini Abu Hanifah menjelaskan, "...Kalau sudah sampai ke peringkat (generasi) Ibrahim (an-Nakha'i) dan al-Hasan maka (tidak ada perbezaan). Mereka pun orang-orang (biasa) dan kita pun orang-orang (biasa). ..."

Berlainan sedikit dengan pendirian Imam Malik. Meskipun Imam Malik tidak menerangkan dengan jelas pendiriannya tentang pendapat Tabiin namun dalam kitabnya 'al-Muwatta', beliau banyak meriwayatkan pendapat-pendapat Tabiin dan berpegang dengannya, terutama sekali apa yang difatwakan oleh tokoh-tokoh besar mereka seperti Sa'id ibn al-Musaiyib, Salim ibn Abdullah ibn Umar dan Nafi', maula kepada Abdullah.

Imam yang jelas menerima pendapat Tabiin sebagai sumber hukum ialah Imam Ahmad Ibn Hanbal. Bagi beliau, dalam kes-kes yang tidak ada fatwa dari kalangan Sahabat, pendapat fuqaha Tabiin boleh diterima. Sekiranya para Tabiin tidak sependapat Imam Ahmad, sebagaimana dilakukannya dalam menilai fatwa Sahabat yang bertelingkah, tidak akan ada campur tangan. Dalam hal seperti itu, beliau akan menjadikan setiap pendapat para Tabiin itu sebagai satu pandangan dalam mazhabnya.

SESI KEEMPAT: PERKEMBANGAN PERUNDANGAN SYARIAH PADA ZAMAN KEEMASAN

Pendahuluan

Sejak kedatangan Islam pada abad ke-7 masihi, perundangan Syariah terus mengalami perkembangan yang memberangsangkan pada zaman-zaman kegemilangan tamadun Islam.

Zaman kegemilangan tamadun Islam bermula selepas era Khulafa' ar-Rasyidin dan mencapai kemuncaknya pada zaman kerajaan Bani Umayyah, Abbasiyah, Andalusia, dan Uthmaniyyah. Pada zaman-zaman ini, selain penyebaran Islam ke seluruh penjuru dunia, berlaku juga perkembangan pesat dalam bidang ilmu pengetahuan termasuk pengkajian, penulisan, dan pentafsiran perundangan Islam itu sendiri.

Perkembangan perundangan Syariah pada zaman-zaman kegemilangan ini didorong oleh faktor-faktor seperti kekuatan dan sokongan para pemerintah, semangat pengkajian dalam kalangan ulama dan fuqaha', serta usaha untuk mengintegrasikan perundangan Islam dengan undang-undang tempatan di wilayah-wilayah baru yang ditakluki oleh kerajaan Islam.

Antara pencapaian utama dalam perkembangan perundangan Syariah pada zaman ini termasuklah penubuhan mazhab-mazhab fiqh utama, pengumpulan dan penulisan hadis secara sistematik, penggubalan kitab-kitab fiqh dan usul fiqh, serta penerapan perundangan Islam dalam bidang kehakiman, jenayah, muamalat dan kehidupan bernegara.

Namun begitu, selepas zaman kegemilangan itu, perkembangan perundangan Syariah mengalami pasang surut disebabkan oleh faktor-faktor seperti serangan kuasa luar, perpecahan dalaman, dan kemunduran ilmu pengetahuan. Walau bagaimanapun, warisan ilmiah yang dihasilkan pada zaman kegemilangan terus dipelihara dan menjadi asas penting dalam usaha menghidupkan semula perundangan Islam pada zaman moden.

Zaman Bani Umayyah (661M - 750M)

Setelah kewafatan Rasulullah SAW, Islam terus berkembang di bawah pemerintahan Khulafa' ar-Rasyidin. Namun, selepas itu, berlaku perpecahan dalam masyarakat Islam yang membawa kepada pertempuran saudara. Akhirnya, Muawiyah bin Abi Sufyan berjaya mengukuhkan kekuasaannya dan mengasaskan Dinasti Umayyah di Damsyik pada tahun 661M.

Kerajaan Bani Umayyah telah melaksanakan banyak perubahan serta perkembangan baru dalam Tamadun Islam. Antara perkembangan yang berlaku adalah dari segi kesenian, kesusasteraan, bahasa Arab, pentadbiran dan sosial, serta kemunculan mazhab-mazhab fiqh yang muktabar dan berpengaruh.

Perkembangan Perundangan Syariah:

- a) Pemerintahan Umayyah memberi tumpuan kepada pentadbiran dan penyebaran Islam ke wilayah-wilayah baru.
- b) Mereka memulakan proses pengumpulan dan penulisan hadis secara besar-besaran serta penulisan tafsir al-Quran.
- c) Pendekatan fiqh (perundangan Islam) mula berkembang dengan terbentuknya aliran-aliran fiqh seperti Mazhab Hanafi, Maliki, Syafie, dan Hanbali.

- d) Usaha mengintegrasikan undang-undang Islam dengan undang-undang tempatan di wilayah-wilayah baru yang ditakluki.
- e) Penekanan diberikan kepada pentafsiran dan penghuraian sumber perundangan Islam (al-Quran dan Sunnah).

Punca Kejatuhan Pemerintahan Bani Umayyah

- a) Perpecahan dalaman dan konflik politik antara golongan Bani Umayyah dengan pembangkang.
- b) Pertempuran saudara yang berpanjangan antara Bani Umayyah dengan keturunan Ali bin Abi Talib.
- c) Kezaliman dan penindasan oleh sesetengah pemerintah Bani Umayyah terhadap rakyat.
- d) Campur tangan unsur-unsur asing dalam urusan pentadbiran kerajaan.
- e) Kelemahan kepimpinan dan kemerosotan moral dalam kalangan pemerintah akhir Bani Umayyah.

Zaman Bani Abbasiyah (750M - 1258M)

Dinasti Abbasiyah mengambil alih tampuk pemerintahan daripada Bani Umayyah setelah berlakunya pemberontakan yang berpunca daripada ketidakpuasan rakyat terhadap pemerintahan Bani Umayyah.

Kerajaan Bani Abbasiyyah berpusat di Baghdad dan berdiri teguh selama satu abad. Pada masa pemerintahan Bani Abbasiyyah, perkembangan yang pesat berlaku dalam aspek pendidikan serta keilmuan, pembuatan dan perniagaan. Sebagai implikasi kepada pertembungan antara Greek dan Parsi, pengaruh asing mula meresap masuk dalam masyarakat Islam khususnya dari aspek kesenian dan pemikiran. Ini menjadikan bidang-bidang tersebut berkembang dengan pesat, terutamanya dari sudut pemikiran falsafah dan sains.

Perkembangan Perundangan Syariah

- a) Zaman keemasan ilmu pengetahuan dan perkembangan perundangan Islam.
- b) Terdapat banyak ulama dan fuqaha' (pakar perundangan Islam) yang prolific dalam menghasilkan karya-karya fiqh.
- c) Perkembangan mazhab-mazhab fiqh seperti Hanafi, Maliki, Syafii, dan Hanbali mencapai kemuncaknya.
- d) Penulisan dan pengumpulan hadis secara sistematik dan kritikal oleh ulama-ulama tersohor seperti Imam al-Bukhari dan Imam Muslim.
- e) Perkembangan ilmu usul al-fiqh (prinsip-prinsip perundangan Islam) dan kaedah-kaedah istinbat (penggalian) hukum.
- f) Integrasi antara perundangan Islam dengan undang-undang sivil di wilayah-wilayah taklukan.

Punca Kejatuhan Pemerintahan Bani Abbasiyah

- a) Perpecahan dalaman dan pertelingkahan antara khalifah dengan pegawai-pegawai kerajaan.
- b) Serangan tentera Mongol di bawah pimpinan Hulagu Khan yang menghancurkan Baghdad pada tahun 1258M.
- c) Kemerosotan dalam bidang ketenteraan dan kelemahan sistem pertahanan kerajaan.
- d) Kemunduran ilmu pengetahuan dan keruntuhan institusi pendidikan pada zaman akhir kerajaan.
- e) Kelemahan kepimpinan dan kemewahan hidup para khalifah Abbasiyah akhir.

Zaman Muslim Andalus (756M - 1492M)

Kerajaan Muslim Andalus muncul pada tahun 756M dengan Cordova sebagai pusat pemerintahannya. Cordova menjadi bandar metropolitan dengan kilang-kilang dan bengkel-bengkel. Kerajaan Muslim Andalus mula terancam apabila golongan Kristian melancarkan misi Penaklukan Semula (Reconquest) pada abad ke 11M.

Dua kota utama iaitu Cordova dan Seville jatuh pada tahun 1238 dan 1248. Lebih daripada dua setengah abad, kerajaan Islam bertahan dan makmur di Sepanyol. Kerajaan Muslim Sepanyol ini pupus pada tahun 1492M apabila akhirnya pada 3 Januari 1492, Ferdinand III atau Aragon dan Isabella dari Castile telah menakluk kerajaan Islam terakhir di Sepanyol iaitu di Granada.

Perkembangan Perundangan Syariah

- a) Perundangan Islam menjadi undang-undang rasmi di Kerajaan Muslim Andalus.
- b) Mazhab Maliki menjadi mazhab dominan dan menyebar dengan pesat di wilayah ini.
- c) Terdapat banyak ulama dan fuqaha' terkenal seperti Ibnu Rusyd (Averroes) yang menghasilkan karya-karya fiqh dan falsafah.
- d) Perkembangan ilmu-ilmu lain seperti sains, matematik, dan perubatan turut mempengaruhi perkembangan perundangan Islam.
- e) Pengaruh perundangan Islam di Andalus turut meresap ke wilayah-wilayah Eropah lain.

Punca Kejatuhan Pemerintahan Muslim Andalus

- a) Perpecahan dalaman dan pertelingkahan antara pemerintah Muslim Andalus.
- b) Serangan tentera Kristian dari utara Sepanyol yang berusaha mengambil semula Andalusia.
- c) Kelemahan sistem pertahanan dan ketenteraan Muslim Andalus pada kurun ke-15 Masihi.
- d) Kehilangan sokongan rakyat yang menyebabkan kerajaan Muslim Andalus menjadi lemah.
- e) Kemunduran dalam bidang ilmu pengetahuan dan pembangunan pada zaman akhir kerajaan.

Zaman Kerajaan Uthmaniyyah (1299M - 1923M)

Kerajaan Uthmaniyyah (Empayar Uthmaniyyah) merupakan kerajaan Islam terakhir yang berpusat di Istanbul, Turki yang mana kerajaan ini telah bertahan selama enam abad sehingga peperangan dunia yang pertama. Dalam tempoh tersebut, kerajaan Uthmaniyyah telah berkembang pesat dan berjaya menguasai sebahagian besar wilayah Asia Barat, Eropah Timur, dan Utara Afrika. Namun kejatuhannya pada tahun 1918M bererti kejatuhan sistem khilafah Islamiyyah yang terakhir dan bermulanya penguasaan Barat secara menyeluruh ke atas dunia Islam.

Perkembangan Perundangan Syariah

- a) Kerajaan Uthmaniyyah menjadikan perundangan Islam sebagai asas undang-undang kerajaan.
- b) Penubuhan jawatan Sheikh al-Islam sebagai ketua agama dan kehakiman Syariah.
- c) Pembentukan undang-undang Qanun yang mengintegrasikan perundangan Islam dengan undang-undang tempatan dan adat istiadat setempat.
- d) Penggubalan Majallat al-Ahkam al-Adliyyah, sebuah pengumpulan undang-undang sivil berdasarkan mazhab Hanafi.
- e) Penekanan kepada pelaksanaan perundangan Islam dalam bidang jenayah, perdagangan, dan kehakiman.

Punca Kejatuhan Pemerintahan Uthmaniyyah

- a) Campur tangan kuasa asing terutama kuasa Barat dalam urusan dalaman kerajaan.
- b) Kerosotan dari segi ketenteraan dan kelemahan sistem pertahanan kerajaan.
- c) Masalah pergolakan dan pemberontakan dalam kalangan rakyat di wilayah taklukan.
- d) Kepincangan dalam sistem pentadbiran dan politik dalaman kerajaan.
- e) Kemunduran ilmu pengetahuan dan inovasi pada peringkat akhir kerajaan.

Selepas zaman kegemilangan kerajaan-kerajaan Islam di atas, kebanyakan negara Islam jatuh di bawah penjajahan kuasa-kuasa Barat seperti British dan Perancis ada abad ke-19 dan 20. Pada zaman ini, pelaksanaan perundangan Islam semakin terhad kepada undang-undang keluarga dan peribadi sahaja, manakala undang-undang sivil dan jenayah berdasarkan undang-undang Barat diperkenalkan.

Selepas Kemerdekaan

Selepas mencapai kemerdekaan, sebahagian besar negara Islam berusaha untuk mengembalikan perundangan Islam dalam pelbagai bidang seperti undang-undang keluarga, muamalat, dan jenayah. Terdapat usaha pengumpulan dan pembaharuan perundangan Islam agar sesuai dengan kehendak semasa. Namun, perdebatan mengenai skop dan had pelaksanaan perundangan Islam dalam masyarakat moden masih berterusan.

Secara keseluruhannya, perkembangan perundangan Syariah pada zaman kebangkitan Islam mencapai kemuncaknya pada zaman kegemilangan Abbasiyyah. Warisan ilmu fiqh dan perundangan Islam yang dihasilkan pada zaman itu terus dipelihara dan diusahakan penyesuaiannya dengan kehendak semasa selepas mengalami pasang surut disebabkan oleh faktor-faktor tertentu.

SESI KELIMA: KEMUNCULAN MAZHAB DAN KESAN TERHADAP PERKEMBANGAN HUKUM ISLAM

Pendahuluan

Definisi Mazhab

Perkataan mazhab berasal dari kalimah bahasa arab iaitu ذَهَبَ - يَذْهَبُ - ذَهَابًا

Bahasa: Suatu pegangan yang diikuti.

Istilah: Pandangan yang dikemukakan oleh seseorang mujtahid dalam perkara furu' serta masalah yang bersifat ijtihadi.

Dalam erti kata yang lain, mazhab merupakan himpunan pandangan serta teori yang menghasilkan hukum yang selaras dan bersepadu

Di samping itu, para fuqaha dari setiap mazhab ini tidak pernah mendakwa bahawa pandangan merekalah yang betul dan mesti diikuti. Malah mereka tidak pernah meminta orang lain menerima pandangan-pandangan mereka. Tetapi sebaliknya menganjurkan kepada mereka supaya mengikut apa sahaja dalil yang boleh membawa mereka kepada kebenaran, meskipun pendapat mereka sendiri perlu dibelakangi.

Dalam hal ini, Imam Abu Hanifah pernah berkata: "...inilah sebaik-baik yang dapat kita fahami. Siapa yang merasainya betul dia boleh menerimanya..." Apabila ditanya oleh setengah-setengah fuqaha apakah kesimpulan yang dibuat oleh beliau itu tidak ragu-ragu lagi suatu kebenaran, Abu Hanifah menjawab: "...Saya tidak tahu. Mungkin ianya tidak ragu-ragu lagi suatu kebatilan..."

Imam Syafie pernah menggesa para pengikutnya supaya membelakangi kesimpulan-kesimpulan hukum yang beliau buat dengan berasaskan Qiyas kalau sekiranya mereka mendapati mana-mana hadis yang menyalahinya. Untuk itu beliau berkata "... Kalau sah hadis berkenaan maka itulah mazhab saya..." Kata beliau lagi, "...Tidak ada bumi yang sanggup menanggungku dan tiada langit yang sanggup meneduhi aku kalau sekiranya aku membelakangi mana-mana hadis Rasulullah SAW..."

Imam Malik juga diriwayatkan sebagai berkata begitu. Beliau melarang para pelajarinya dari menulis fatwa-fatwa yang dihuraikan oleh beliau. Ini kerana, kata beliau, mungkin fatwa-fatwa itu akan mengalami perubahan dari masa ke semasa. Begitu juga Ahmad Ibn Hanbal, beliau pernah menjelaskan bahawa siapa sahaja boleh berijtihad kerana pintu ijtihad itu tidak akan ditutup selama-lamanya.

Sebab-Sebab Kemunculan Mazhab

a) Perbezaan antara Para Fuqaha dalam Teori Hukum

Perbezaan ini ialah merupakan asas pertama kepada wujudnya mazhab-mazhab hukum. Jika ditakdirkan bahawa perbezaan seperti ini tidak pernah muncul di kalangan para fuqaha, maka pertumbuhan mazhab seperti yang diperkatakan ini tidak berlaku.

b) Wujudnya Pengaruh yang Kuat

Pengaruh yang kuat ini telah lahir di kalangan para fuqaha yang ternama pada waktu itu sehingga menjadikan orang ramai cukup terpengaruh dengan mereka dan merasakan bahawa pada merekalah tempat menumpang ilmu.

c) Lahirnya Kelas-Kelas Pengajian Secara Teratur

Dalam perkembangan ini, kebanyakan para fuqaha mengadakan kelas-kelas pengajaran mereka sendiri dengan cara yang lebih teratur. Wujudnya kelas-kelas pengajaran yang teratur ini juga menjadikan fuqaha berkenaan lebih terkenal di seluruh pelusuk negeri.

d) Kesetian Para Murid Terhadap Para Guru Mereka

Sesudah kematian para guru mereka, para murid sentiasa menyebut ajaran para guru mereka dan mengajak orang ramai supaya menghayati pengajarannya.

Mazhab Sunni Yang Masih di Amalkan

a) Mazhab Hanafi

- Mazhab terawal yang lahir dan di asaskan oleh Imam Abu Hanifah atau nama sebenarnya Nu'man bin Tsabit bin Zhuthi' lahir padatahun 80H/699M di Kufah, Iraq. Ayah beliau seorang pedagang besar, sempat hidup bersama 'Ali bin Abi Thalib r.a. Abu Hanifah sekali-sekala ikut serta dalam urusaniaga ayahnya akan tetapi minatnya yang lebih besar ialah ke arah membaca dan menghafal Al-Quran.
- Imam Abu Hanifah pada satu hari telah berjumpa dengan seorang tokoh agama yang masyhur pada ketika itu bernama as-Sya'bi. Melihatkan kepintaran dan kecerdasan luar biasa yang terpendam dalam Imam Abu Hanifah, as-Sya'bi menasihatkan beliau agar lebih banyak mencurahkan usaha ke dalam bidang ilmu-ilmu Islam.
- Dengan nasihat dan dorongan as-Sya'bi, Abu Hanifah mula menceburkan diri secara khusus mempelajari ilmu-ilmu Islam. Abu Hanifah mula belajar dengan mendalami ilmu-ilmu qiraat, ilmu bahasa Arab, ilmu kalam dan lain-lain. Akan tetapi bidang ilmu yang paling diminatinya ialah ilmu hadith dan fiqh.
- Imam Abu Hanifah meneruskan pembelajarannya dengan bergurukan kepada as-Sya'bi dan beberapa tokoh ilmunan lain di Kufah. Menurut riwayat, jumlah gurunya di Kufah sahaja berjumlah 93 orang. Beliau kemudiannya berhijrah ke bandar Basrah di Iraq, untuk berguru bersama Hammad bin Abi Sulaiman, Qatadah dan Shu'bah.
- Setelah sekian lama berguru dengan Shu'bah yang pada ketika itu terkenal sebagai Amir al-Mu'minin fi Hadith (pemimpin umat dalam bidang hadith), beliau diizinkan gurunya untuk mula mengajar hadith kepada orang ramai. Berkata Shu'bah: "Sebagaimana aku ketahui dengan pasti akan kesinaran cahaya matahari, aku juga ketahui dengan pasti bahawa ilmu dan Abu Hanifah adalah sepasangan bersama."

- Abu Hanifah tidak hanya berpuas hati dengan pembelajarannya di Kufah dan Basrah di Iraq. Beliau kemudiannya turun ke Makkah dan Madinah untuk menuntut ilmu lagi. Di sana beliau duduk berguru kepada 'Atha' bin Abi Rabah.
- Kemudiannya, Abu Hanifah duduk pula bersama Ikrimah, seorang tokoh besar agama di Makkah yang juga merupakan anak murid kepada 'Abdullah ibn 'Abbas, 'Ali bin AbiThalib r.a, Abu Hurairah r.a dan 'Abdullah ibn 'Umar r.a. Kehandalan Abu Hanifah dalam ilmu-ilmu hadith dan fiqh diiktiraf oleh Ikrimah sehingga beliau kemudiannya membenarkan Imam Abu Hanifah menjadi guru kepada penduduk Makkah.
- Imam Abu Hanifah kemudiannya meneruskan pengajiannya di Madinah bersama Baqir dan Ja'afar as-Shadiq. Kemudiannya beliau duduk bersebelahan dengan Imam Malik bin Anas, tokoh besar kota Madinah ketika itu. Walaupun Imam Abu Hanifah 13 tahun lebih tua daripada Imam Malik, ini tidak menghalangnya untuk turut serta belajar.
- Apabila guru kesayangan beliau Hammad, meninggal dunia di Basrah pada tahun 120H/738M, Imam Abu Hanifah telah diminta untuk mengganti kedudukan Hammad sebagai guru dan sekaligus tokoh agama di Basrah. Melihatkan tiada siapa lain yang akan meneruskan perjuangan Hammad, Imam Abu Hanifah bersetuju kepada jawatan tersebut.
- Mulai di sinilah Imam Abu Hanifah mengajar dan menjadi tokoh besar terbaru dunia Islam. Orang ramai dari serata pelusuk dunia Islam datang untuk belajar bersamanya. Di samping mengajar, Abu Hanifah adalah juga seorang pedagang dan beliau amat bijak dalam mengadili antara dua tanggungjawabnya ini sebagaimana diterangkan anak muridnya al-Fudail ibn 'Iyyadh: "Adalah Imam Abu Hanifah seorang ahli hukum, terkenal dalam bidang fiqh, banyak kekayaan, suka mengeluarkan harta untuk sesiapa yang memerlukan, seorang yang sangat sabar dalam pembelajaran baik malam atau siang hari, banyak beribadat pada malam hari, banyak berdiam diri, sedikit berbicara terkecuali apabila datang kepadanya sesuatu masalah agama, amat pandai menunjuki manusia kepada kebenaran dan tidak mahu menerima pemberian penguasa."
- Pengalaman-pengalaman beliau ini telah menambahkan mutu pemahaman beliau terhadap kehendak syarak dan ketokohan beliau inilah yang menjadikan beliau bukan sahaja dihormati oleh orang-orang yang sealiran dengannya tetapi juga mereka yang beraliran lain.

Metodologi Ijtihad Abu Hanifah

Abu Hanifah mengariskan kaedah ijtihadnya dalam kata-katanya yang berikut:

"Aku berpegang dengan Kitabullah. Kalau tidak terdapat (hukum) di dalamnya maka (aku akan berpegang) dengan Sunnah Rasulullah SAW. Kalau aku tidak dapati dalam Kitabullah dan tidak juga dalam Sunnah Rasulullah SAW, aku akan berpegang dengan pendapat para sahabat Baginda. Aku akan mengambil mana-mana sahaja pendapat

mereka ini yang aku suka tetapi tidak akan membelakangkan kesemuanya sekali untuk memilih pendapat yang selain dari mereka. Tetapi kalau sudah sampai ke peringkat Ibrahim (maksudnya Ibrahim an-Nakha'i) as-Syu'abi, Ibnu Sirin, al-Hasan, 'Atta' dan Sa'id in al-Musaiyib maka mereka itu adalah orang-orang yang telah berijtihad. Aku akan berijtihad (juga) sebagaimana mereka berijtihad" (al-Baghdadi, Tarikh Baghdad, Kahirah (1931), Jld. 12, m.s 333)

Antara sumber asas kepada ijtihad Abu Hanifah ialah:

- i) Al-Kitab
- ii) Al-Sunnah
 - Abu Hanifah amat terkenal dengan sikapnya yang berhati-hati dan beliau tidak menerima hadis sebagai sumber hukum kecuali ianya Mutawatir atau Masyhur. Dengan itu, beliau tidak menerima hadis Ahad kecuali daripada perawi yang thiqah.
- iii) Ijmak
- iv) Pendapat Sahabat
 - Abu Hanifah menganggap Sahabat yang sempat bertemu dan mempelajari ilmu secara langsung bersama Rasulullah SAW dan tidak menerima pendapat Tabi'in sebagai sumber hukum kerana mereka hanya berpendapat mengikut ijtihad mereka sendiri dan tidak berkesempatan mempelajari secara langsung bersama Rasulullah SAW.
- v) Qiyas
 - Abu Hanifah adalah seorang tokoh Fiqh yang berwibawa berijtihad bersandarkan Qiyas sebagai sumber hukum Islam.
- vi) Istihsan
- vii) 'Urf

Pembinaan Mazhab Hanafi dan Tokoh Pelajarnya

Abu Hanifah tidak pernah menulis apa-apa buku fiqh. Namun, para pelajar beliaulah yang menulis segala pandangan dan riwayat yang beliau buat. Antara muid yang paling terkemuka dalam usaha ini ialah Abu Yusuf dan Muhammad ibn al-Hasan. Antara buku-buku yang ditulis oleh kedua pelajar tersebut ialah:

Abu Yusuf

- i) Kitab al-Athar
- ii) Ikhtilaf Baina Abi Hanifah Wabni Abi Laila
- iii) Ar-Raddu 'Ala Siyar al-Auza'i
- iv) Al-Kharaj

Muhammad ibn al-Hasan

- i) Kitab al-Asl atau juga dikenali dengan al-Mabsut
- ii) Kitab az-Ziyadat
- iii) Kitab al-Jami' al-Saghir
- iv) Kitab al-Jami' al-Kabir
- v) Kitab as-Siyar as-Saghir
- vi) Kitab as-Siyar al-Kabir

Di antara pelajar beliau yang lain yang telah memberikan saham yang banyak dalam mengembangkan Mazhab Hanafi adalah:

- i) Zufar ibn al-Huzail ibn Qais al-Kufi
- ii) Hasan ibn Ziyad al-Lu'lu'i al-Kufi

b) Mazhab Maliki

- Sementara Abu Hanifah menjadikan Masjid Kufah di Iraq sebagai pusat kegiatan ilmu Fiqh ahlul Ra'y yang kemudiannya diwarisi sebagai satu mazhab yang pertama dalam sejarah perundangan Islam, tetapi di Madinah pula terdapat satu kumpulan lain yang mengadakan sidang-sidang ilmu (halaqat) di bawah pimpinan imam Malik.
- Ianya diadakan di Masjid Rasulullah SAW dan dipenuhi dengan ilm-ilmu hadis dan fiqh. Sambutan besar dan perkembangan pesat yang dialami oleh halaqat ini kemudiannya membentuk suatu mazhab Ahlul Hadis yang dikenal sebagai mazhab Maliki.
- Nama sebenar Imam Malik ialah Malik bin Anas bin Malik bin 'Amir, dari kabilah Zu Usbuh yang lahir pada tahun 93H/711M. Beliau dilahirkan di dalam sebuah kota yang merupakan tempat tumbuhnya Islam dan berkumpulnya generasi yang telah dididik oleh para sahabat Rasulullah SAW.
- Sejarah keluarganya juga ada hubung kait dengan ilmu Islam, dengan datuknya sendiri adalah seorang perawi dan penghafal hadith yang terkemuka. Pakciknyanya juga, Abu Suhail Nafi' adalah seorang tokoh hadith kota Madinah pada ketika itu dan dengan beliaulah Malik bin Anas mula mendalami ilmu-ilmu agama, khususnya hadith.
- Abu Suhail Nafi' ialah seorang tabi'in yang sempat menghafal hadith daripada 'Abdullah ibn 'Umar, 'Aisyah binti Abu Bakar, Ummu Salamah, Abu Hurairah dan Abu Sa'id al-Khudri radhiallahu 'anhum.
- Selain Nafi', Imam Malik bin Anas juga duduk berguru dengan Jaafar as-Shadiq, cucu kepada al-Hassan, cucu kepada Rasulullah SAW. Imam Malik juga duduk belajar di Masjid Nabawi, Madinah dan berguru dengan Muhammad Yahya al-Ansari, Abu Hazim Salmah ad-Dinar, Yahya bin Saad dan Hisham bin 'Urwah.
- Merekaini semua ialah anak murid kepada para sahabat Rasulullah SAW. Suasana kehidupan Imam Malik bin Anas di Madinah yang ketika itu dipenuhi dengan para tabi'in amatlah menguntungkannya.
- Inilah antara sebab kenapa Imam Malik bin Anas tidak pernah meninggalkan Madinah kecuali apabila pergi menunaikan ibadat hajinya. Imam Malik bin Anas kemudiannya mengambil alih peranan sebagai tokoh agama di Masjid Nabawi, Madinah. Ajarannya menarik sejumlah orang ramai daripada pelbagai daerah dunia Islam.

- Beliau juga bertindak sebagai Mufti Kota Madinah pada ketika itu. Imam Malik juga ialah antara tokoh yang terawal dalam mengumpul dan membukukan hadith-hadith Rasulullah SAW di dalam kitabnya al-Muwatta'. Kitabnya ini menjadi hafalan dan rujukan orang ramai.
- Beliau juga sangat berhati-hati dalam memberikan fatwa dan beliau tidak akan menjawab persoalan kecuali apa yang jelas baginya.

Metodologi Ijtihad Imam Malik

Imam Malik adalah seorang ahli hadis (Muhaddith) dan seorang ahli hukum (Faqih) secara sekaligus.

Berikut adalah asas sumber-sumber ijtihad Imam Malik:

- i) Al-Kitab
- ii) Al-Sunnah
- iii) Amalan Penduduk Madinah (*'Amal ahlil Madinah*)
- iv) Fatwa Sahabah
- v) Qiyas. Masoleh Mursalah dan Istihsan
- vi) Az-Zara'i

Penulisan Imam Malik

Imam Malik disebut sebagai mewariskan banyak penulisan dalam pelbagai tajuk. Salah satu buku yang masyhur yang ditulis oleh Imam Malik adalah:

- Al-Muwatta' – Buku yang pertama pernah ditulis dalam sejarah perundangan Islam. Sebelum penulisan ini, para ilmuan hanya bergantung sepenuhnya kepada ingatan mereka sendiri.
- Muwatta' adalah merupakan sebuah buku hadis dan fiqh. Ianya menandungi kumpulan hadis yang disusun mengikut bab-bab fiqh dalam pandangan Imam Malik. Ianya juga mengandungi amalan-amalan penduduk Madinah yang diterima secara ijmak, pandangan para Sahabat, pandangan para Tabi, dan malah pandangan-pandangan beliau sendiri, yang beliau sifatkan bukan sebagai pandangan yang ditaja oleh beliau tetapi kesimpulan-kesimpulan yang lahir dari penilaian terhadap sumber-sumber yang ada.

Pembinaan Mazhab Maliki dan Tokoh Pelajarnya

Meskipun Imam Malik tidak pernah keluar daripada Madinah kecuali sekali untuk menunaikan Haji, namun beliau memperolehi banyak para pelajar. Adalah ketara sekali jumlah pelajar yang datang belajar dengan beliau lebih banyak berbanding dengan mereka yang datang belajar kepada imam-imam mazhab yang lain.

Sebab utama kepada terjadinya hal ini ialah daya tarikan Madinah itu sendiri sebagai tempat terdapatnya hadis-hadis dan Athar dengan banyaknya, dan yang mencerminkan nilai Islam sebenarnya dalam segala urusan hidup. Di samping itu tidak dinafikan juga bahawa populariti mazhab Maliki dan pembawaan Imam Malik sendiri boleh menjadi faktor yang tidak kurang pentingnya dalam menarik ramai para pelajar dari seluruh pelusuk dunia Islam. Tidak kurang juga pentingnya kerana Madinah ada masjid Nabi yang sentiasa menarik minat umat Islam untuk mengunjunginya.

Antara pelajar Imam Malik yang ternama bank banyak memberi sumbangan dalam proses menegakkan Mazhab Maliki ialah:

- i) Abdur-Rahman ibn al-Qasim
- ii) Asad ibn al-Furat
- iii) Yahya bin Yahya al-Masmudi

c) Mazhab Syafie

- Pengasas kepada mazhab ini ialah Muhammad ibn Idris as-Syafie. Beliau dilahirkan pada tahun 150 Hijrah di Ghazzah, Palestin. Bapa beliau adalah seorang daripada keturunan Quraisy, seperti Rasulullah SAW juga, sedangkan ibu beliau seorang Yaman keturunan Uzd dan bapa beliau meninggal dunia sejak masih kecil lagi.
- Pada umur 10 tahun ibunya membawanya ke Makkah untuk menunaikan ibadah Haji dan selepas itu beliau tetap berada di sana untuk menuntut ilmu. Di Makkah, Imam as-Syafi'e memulakan perguruannya dengan Muslim bin Khalid al-Zanji, iaitu mufti Kota Makkah ketika itu. Kitab ilmu yang paling terkemuka pada ketika itu ialah al-Muwatta' karangan Imam Malik bin Anas, dan Imam as-Syafi'e dalam usia 15 tahun telah pun menghafal keseluruhan kitab tersebut.
- Imam as-Syafi'e kemudiannya berhijrah ke Madinah untuk berguru pula dengan penulis kitab itu sendiri, iaitu Imam Malik bin Anas. Ketika itu, Imam as-Syafi'e baru berumur 20 tahun dan beliau terus duduk bersama Imam Malik sehinggalah kewafatannya pada tahun 179H/796M. Ketokohan Imam as-Syafi'e sebagai murid terpintar Imam Malik bin Anas mulai diiktiraf ramai.
- Imam as-Syafi'e mengambil alih sebentar kedudukan Imam Malik bin Anas sebagai guru di Masjid Nabawi di Madinah sehinggalah beliau ditawarkan satu kedudukan jawatan oleh Gabenor Yaman. Jawatan Imam as-Syafi'e di Negeri Yaman tidak lama kerana beliau telah difitnah sebagai pengikut mazhab Syi'ah.
- Selain itu pelbagai konspirasi lain dijatuhkan ke atasnya sehinggalah beliau dirantai dan dihantar ke penjara di Baghdad, iaitu pusat pemerintahan Dinasti Abbasid ketika itu. Imam as-Syafi'e dibawa menghadap kepada Khalifah Harun ar-Rashid dan beliau berjaya membuktikan kebenaran dirinya.

- Kehandalan serta kecekapan Imam as-Syafi'e membela dirinya dengan pelbagai hujah agama menyebabkan Harun ar-Rashid tertarik kepadanya. Imam as-Syafi'e dibebaskan dan dibiarkan bermastautin di Baghdad. Di sini Imam as-Syafi'e telah berkenalan dengan anak murid Imam Abu Hanifah dan duduk berguru bersama mereka, terutamanya Muhammad bin al-Hasanas-Syaibani.
- Suasana ini memberikan kelebihan yang penting bagi Imam as-Syafi'e, iaitu beliau berkesempatan untuk belajar dan membanding antara dua ajaran Islam, iaitu ajaran Imam Malik bin Anas dan ajaran Imam Abu Hanifah. Pada tahun 188 Hijrah, Imam as-Syafi'e berhijrah pula ke Mesir. Sebelum itu beliau singgah sebentar di Makkah dan di sana beliau diberi penghormatan dan dipelawa memberi kelas pengajian agama.
- Imam as-Syafi'e kini mula diiktiraf sebagai seorang imam dan beliau banyak meluahkan usaha untuk cuba menutup jurang perbezaan diantara ajaran Imam Malik bin Anas dan Imam Abu Hanifah. Usahanya ini tidak disambut baik oleh para penduduk Makkah kerana kebiasaan mereka adalah kepada ajaran Imam Malik bin Anas.
- Pada tahun 194 Hijrah, Imam as-Syafi'e kembali semula ke Baghdad dan beliau dipelawa untuk memegang jawatan Qadhi bagi Dinasti Abbasid. Beliau menolak dan hanya singgah selama 4 tahun di Baghdad. Imam as-Syafi'e kemudian kembali ke Mesir dan memusatkan ajarannya di sana pula.
- Daud bin 'Ali pernah ditanya akan kelebihan Imam as-Syafi'e berbanding tokoh-tokoh lain pada ketika itu, maka beliau menjawab: "As-Syafi'e mempunyai beberapa keutamaan, berkumpul padanya apa yang tidak terkumpul pada orang lain. Beliau seorang bangsawan, beliau mempunyai agama dan l'tiqad yang sebenar, seorang yang sangat murah hati, mengetahui hadith sahih dan hadith dhaif, nasikh, mansukh, menghafal al-Quran dan hadith, perjalanan hidup para Khulafa' ar-Rashidin dan amat pandai pula mengarang."
- Dalam usahanya untuk cuba menutup jurang perbezaan antara ajaran Imam Malik bin Anas dan Imam Abu Hanifah, Imam as-Syafi'e menghadapi banyak tentangan daripada para pengikut Mazhab Maliki yang amat taksub kepada guru mereka. Pada satu malam, dalam perjalanan balik ke rumah dari kuliah Maghribnya di Mesir, Imam as-Syafi'e telah diserang dan dipukul orang sehingga menyebabkan kematiannya.
- Pada ketika itu, Imam as-Syafi'e juga sedang menghadapi penyakit buasir yang agak serius. Imam as-Syafi'e meninggal dunia pada 29 Rejab tahun 204 Hijrah di Mesir ketika berumur 54 tahun (Hijrah).

Metodologi Ijtihad Imam Syafie

Imam Syafie merupakan orang yang pertama menulis Usul Fiqh dalam kitab al-Risalah. Selain itu, beliau juga telah merencanakan kitab al-Umm yang memperkenalkan dasar-dasar dan prinsip-prinsip beliau dalam mengistinbatkan hukum dan metodologi beliau

dalam berijtihad. Oleh itu, berdasarkan kedua-dua kitab tersebut, dapat di simpulkan metodologi beliau dalam mengistinbathkan hukum syara' antaranya:

- i) Al-Quran dan al-Sunnah
- ii) Ijmak
- iii) Pendapat Para Sahabat
- iv) Qiyas

Penulisan Imam Syafie

Tidak seperti Abu Hanifah, Imam Syafie menulis sendiri buku-buku yang menjadi asas kepada mazhabnya. Beliau melakukan ini dengan cara merencanakannya kepada para muridnya sama ada sewaktu berada di Baghdad mahupun di Mesir. Penulisan-penulisan tersebut adalah seperti berikut:

- i) Al-Risalah
- ii) Al-'Umm
- iii) Ikhtilaful Hadis
- iv) Musnad as-Syafie

Pembinaan Mazhab Syafie dan Tokoh Pelajarnya

Tidak seperti Imam Abu Hanifah dan Imam Malik, Imam Syafie merancang sendiri penubuhan mazhabnya. Dalam menjalani proses pembinaan mazhab ini, mazhab Syafie telah mengalami dua peringkat iaitu:

Pertama: Peringkat Imam Syafie merencanakan kitab-kitab beliau di Iraq, termasuk kitab al-'Umm, al-Risalah dan al-Mabsut yang semuanya dicatat oleh az-Za'farani.

Kedua: Bermula pada tahun 199H dengan kedatangan Imam Syafie ke Mesir. Dalam peringkat ini, Imam Syafie melakukan murajaah atau penyemakan kembali segala buku-buku yang direncanakan oleh beliau di Iraq dan membaiki atau mengubah beberapa pendirian asalnya dalam buku-buku tersebut.

Para pelajar Imam Syafie datangnya dari seluruh ceruk rantau negara Islam ketika itu, terutama sekali dari Hijaz, Iraq dan Mesir. Antara pelajar Imam Syafie yang mengembangkan mazhab beliau dan menjadi jurucakap utamanya adalah:

- i) Abu Ya'kub Yusup ibn Yahya al-Buaiti
- ii) Abu Ibrahim Ismail Ibn Yahya al-Mazani
- iii) Ar-Rabi' bin Sulaiman bin Abdul Jabbar al-Muradi
- iv) Al-Hasan ibn Muhammad ibn as-Sabah az-Za'farani

d) Mazhab Hanbali

- Imam Abu ‘Abdullah Ahmad bin Muhammad bin Hanbal dilahirkan di Baghdad, Iraq pada tahun 164H/781M. Ayah beliau seorang mujahid Islam dan meninggal dunia pada umur muda, iaitu 30 tahun.
- Ahmad kemudiannya dibesarkan oleh ibunya Saifiyah binti Maimunah. Imam Ahmad bin Hanbal menghafal al-Qur’an sejak kecil dan pada umurnya 16 tahun beliau sudah menjadi penghafal hadith yang terkenal. Imam Ahmad bin Hanbal meneruskan pengajian hadithnya dengan sekian ramai guru dan beliau pada akhir hayatnya dijangkakan telah menghafal lebih daripada sejuta hadith termasuk barisan perawinya.
- Pada tahun 189H/805M Imam Ahmad bin Hanbal berhijrah ke Basrah dan tidak lama kemudian ke Makkah dan Madinah untuk menuntut ilmu. Di sana beliau sempat duduk berguru dengan Imam as-Syafi’e. Sebelum itu guru-gurunya yang masyhur ialah Abu Yusuf, Husain ibn Abi Hazim al-Washithi, ‘Umar ibn ‘Abdullah ibn Khalid, ‘Abdurrahman ibn Mahdi dan Abu Bakar ibn ‘Iyasy.
- Pada tahun 198H Imam Ahmad bin Hanbal kenegeri Yaman pula untuk berguru dengan ‘Abdurrazzaq ibn Humam, seorang ahli hadith yang besar ketika itu, terkenal dengan kitabnya yang berjudul al-Musannaf. Dalam perjalanannya ini Imam Ahmad mula menulis hadith-hadith yang dihafalnya setelah sekian lama.
- Imam Ahmad bin Hanbal kembali semula ke Baghdad dan mula mengajar. Kehebatannya sebagai seorang ahli hadith dan pakar fiqh menarik perhatian orang ramai dan mereka mula mengerumuninya untuk belajar bersama.
- Antara anak muridnya yang kemudian berjaya menjadi tokoh hadith terkenal ialah al-Bukhari, Muslim dan Abu Daud. al-Qasim ibn Salam pernah berkata: “Ahmad bin Hanbal adalah orang yang paling ahli dalam bidang hukum dan aku tidak melihat ada orang yang lebih mengetahui tentang as-Sunnah selain beliau. Beliau tidak pernah bersenda gurau, selalu berdiam diri, tidak memperkatakan apa-apa selain ilmu.”
- Imam Ahmad meninggal pada tahun 241H/856M, ketika berusia 77 tahun. Dua orang anaknya yang utama meneruskan perjuangan ayah mereka, iaitu ‘Abdullah bin Ahmad dan Shaleh bin Ahmad.

Metodologi Ijtihad Imam Ahmad ibn Hanbal

Para ulama bensependapat bahawa Imam Ahmad ibn Hanbal merupakan seorang Muhaddith. Walau bagaimanapun, terdapat sesetengah ulama seperti Ibn Jarir at-Tabari dan Ibn Qutaibah yang tidak melihat Imam Ahmad sebagai seorang faqih. Bagi mereka, Imam tersebut hanya seorang Muhadith dan tidak lebih daripada itu.

Namun, metodologi ijtihad bagi Imam Ahmad ibn Hanbal dapat kita bahagikan kepada dua aspek iaitu aspek periwayatan hadis dan aspek fiqh seperti berikut:

Pertama: Periwiyatan Hadis. Usaha penyelidikan Imam Ahmad ibn Hanbal mengenai hadis telah dikumpulkan dalam satu antologi yang dinamakan al-Musnad. Pengumpulan yang beliau buat berdasarkan riwayat yang thiqah ini telah dimulakan sejak mula beliau meriwayatkan hadis lagi dan berterusan di sepanjang hayatnya. Dalam mengumpulkan hadis-hadis ini beliau tidak mementingkan penyusun-an mengikut tertib, tetapi sebaliknya pengumpulan itu sendiri.

Kedua: Fiqh. Imam Ahmad ibn Hanbal mengasaskan ijtihadnya tentang hukum, mengikut yang dijelaskan oleh Ibn al-Qaiyim, atas sumber-sumber berikut:

- i) Al-Quran dan al-Sunnah.
- ii) Fatwa Para Sahabat yang tidak diketahui ada apa-apa bantahan atau pendapat lain yang bertentangan dengannya. Secara jelas beliau tidak menganggap pendapat seperti ini sebagai ljmak, tetapi sekadar berkata, tidak ada apa-apa yang bertentangan dengannya.
- iii) Pendapat para sahabat yang tidak sekata. Dalam hal ini beliau akan memilih mana-mana pendapat yang kelihatan lebih dekat dengan al-Quran atau al-Sunnah secara jelas. Kalau tidak ada atau tidak ternampak secara jelas mana satu dari pendapat-pendapat tadi yang lebih dekat dengan al-Quran atau al-Sunnah beliau akan menyebutkan kesemuanya sekali tanpa membuat apa-apa keputusan mengenainya.
- iv) Beliau menerima hadis-hadis Mursal dan hadis-hadis Daif dan mengutamakan dari Qiyas.
- v) Qiyas. Ianya diterima oleh Imam Ahmad apabila tidak ada nas al-Quran atau al-Sunnah, pendapat Sahabat dan Tabiin, mahupun Hadis Mursal atau Daif.

Pembinaan Mazhab Imam Ahmad ibn Hanbal dan Tokoh Pelajarnya

- Tidak seperti Imam Syafie, Imam Ahmad ibn Hanbal tidak menulis sendiri pendapat dan pandangannya di bidang Fiqh. Beliau malah melarang para pelajarnya daripada berbuat begitu. Apa yang beliau tulis hanyalah beberapa catatan yang dibuat untuk kegunaan beliau sendiri dan tidak untuk disebarikan ataupun disalin oleh sesiapa.
- Yang mewariskan fiqh Imam Ahmad kepada generasi terkemudian secara bertulis ialah para pelajarnya, terutama anak beliau sendiri, Soleh. Beliau mempelajari fiqh daripada bapanya dan terus menyebarkan pandangan hukum melalui surat-surat pertanyaan dan jawapan yang sampai kepadanya.
- Antara pelajar Imam Ahmad yang mengembangkan Mazhab Hanbali adalah:
 - i) Abu Bakar al-Athram
 - ii) Abdul Malik al-Maimuni
 - iii) Ibrahim ibn Ishak al-Hirbi

Contoh Permasalahan Yang Berbeza Mengikut Pandangan Mazhab

Contoh 1: Masalah Suara Wanita dalam Solat

- **Mazhab Hanafi:** Wanita dibenarkan untuk meninggikan suara dalam kadar yang didengarinya hanya satu atau dua orang sahaja. Menurut pendapat yang muktamar daripada mazhab ini, suara perempuan adalah bukan aurat, maka boleh ditinggikan dalam solat ataupun diluar solat
- **Mazhab Malik:** Suara Jahar (suara kuat) bagi wanita hanya dalam satu keadaan. Iaitu hanya dirinya sahaja yang dengar. Sedangkan ikhfa'nya (suara rendah) hanya dengan menggerakkan lidah.
- **Mazhab Syafie:** Wanita tidak boleh meninggikan suaranya jika ada lelaki yang bukan muhrim. Sedangkan suara rendah sahaja hanya dalam keadaan didengari oleh dirinya sendiri sahaja.
- **Mazhab Hanbali:** Tidaklah disunatkan wanita itu untuk meninggikan suaranya, tetapi tidaklah berdosa jika didengari oleh lelaki bukan muhrim. Dan jika ada lelaki bukan muhrim yang mendengar, maka ketika itu dilarang meninggikan suara bagi wanita.

Contoh 2: Wanita Keluar Rumah Bagi Yang Baru Menerima Talak Raj'i

- **Mazhab Hanafi:** Tidak boleh keluar dan wajib tinggal di rumah suaminya.
- **Mazhab Malik:** Berpandangan jika malam wanita tidak boleh keluar daripada rumah, tetapi pada waktu siang dibolehkan keluar rumah jika ada keperluan yang harus dipenuhi.
- **Mazhab Syafie:** Berpandangan tidak boleh keluar, samada siang atau malam dan pandangan ini juga dipegang oleh Imam Ahmad.

Mazhab Syiah

Syiah adalah satu mazhab yang mempunyai pelbagai golongan yang amat berbeza antara satu sama lain. Perbezaan ini kadangkala sampai kepada peringkat mengkafirkan antara satu sama lain. Sebenarnya dalam mazhab Syiah ini terdapat golongan-golongan pelampau yang terkeluar dari garis-garis Islam, termasuk golongan-golongan yang menganggap Ali r.a. sebagai tuhan. Walau bagaimanapun kebanyakan golongan yang sesat ini sudah pupus dan terhapus. Kecuali beberapa golongan yang sangat kecil, mereka ini sudah boleh dikatakan tiada lagi pada hari ini.

a) Mazhab Zaidi

- Mazhab ini dikaitkan dengan Zaid bin Ali Zainal Abidin bin al-Husain bin Ali bin Abu Talib yang lahir pada tahun 80 Hijrah. Beliau adalah seorang mufassir, muhaddis, dan faqih di zamannya. Beliau juga tokoh gerakan islah yang menyeru masyarakat Islam seluruhnya ke arah kembali kepada al-Quran dan al-Sunnah, juga menentang kezaliman.
- Di bidang ilmu, beliau terkenal sebagai seorang yang cukup alim mengenai al-Quran, ilmu Qiraat, Fiqh dan Sastra. Ketokohan beliau ini sangat sesuai sekali dengan kedudukan beliau sebagai cucunda kepada al-Husain yang merupakan cucu kesayangan Rasulullah SAW.

- Beliau terkesan dengan pemikiran Wasil Bin Ata' (pengasas fahaman Muktazilah). Para ulama mengklasifikasikan mazhab Zaidiyah termasuk dalam golongan yang mu'tadil kerana yang paling hampir kepada Ahlus Sunnah wal Jamaah, lebih-lebih lagi dalam persoalan ibadat.
- Pendapat-pendapat mazhab ini tidaklah mengagungkan Ali r.a dan tidak mencerca Sahabat-sahabat Nabi SAW yang lain melainkan hanya mengatakan bahawa Ali r.a lebih layak memegang tampuk khalifah selepas kewafatan Baginda Rasulullah SAW daripada Sayidina Abu Bakar r.a dan Sayidina Umar r.a.

b) Mazhab Ja'fari

- Mazhab ini adalah mazhab Syiah yang paling besar sekali. Kadang-kadang mazhab ini disebut sahaja sebagai mazhab Syiah, ataupun juga sebagai Syiah Imamiyah. Tidak sebagaimana kumpulan-kumpulan Syiah yang melampau, mazhab Ja'fari ini cukup bersikap toleransi terhadap mazhab-mazhab Sunni. Malah ada kecenderungan di kalangan para pendokong mazhab ini untuk mencari titik pertemuan dengan mazhab-mazhab Sunni atas alasan bahawa intipati agama Islam hanya satu dan tidak membenarkan pertentangan dan bersikap liar antara satu sama lain.
- Mazhab ini dinamakan mazhab Ja'fari sebagai mengambil sempena pengasasnya Ja'fari bin Muhammad bin Ali bin al-Husain, yang terkenal dengan panggilan al-Imam Ja'far as-Sadiq. Ayah Ja'far, Muhammad, adalah seorang pemimpin Syiah yang terkemuka baik dari segi kepimpinan biasa mahupun kepimpinan ilmu. Beliau dikenal sebagai al-Imam Muhammad al-Baqir. Ibu beliau ialah Farwah binti al-Qasim bin Muhammad bin Abu Bakr, iaitu cucu kepada khalifah Abu Bakr as-Siddiq.
- Dari kedua-dua ibu bapa yang mulia ini Ja'far as-Sadiq dilahirkan. Mengikut riwayat yang agak lebih mungkin dipercayai beliau dilahirkan pada tahun 80 H., iaitu semasa dengan kelahiran bapa saudaranya Zaid bin Ali, pengasas mazhab Zaidi dan Abu Hanifah, pengasas mazhab Hanafi.
- Beliau kemudian menjalani alam mudanya di tempat tumpah darahnya, Madinah. Pada waktu itu bandar tersebut merupakan tempat terdapat hadis-hadis Rasulullah SAW yang banyak dan didiami oleh ramai para Sahabat Rasulullah SAW dan para tokoh besar Tabiin. Di bandar Rasulullah inilah Ja'far mula belajar dari para guru yang ada, termasuk datuknya di sebelah ibu, al-Qasim yang masyhur itu. Beliau kemudiannya terus belajar di sini dan juga di Iraq dan beliau berada di sana untuk beberapa ketika. Dengan ini Imam Ja'far telah mempunyai hubungan rapat dengan kebanyakan para ulama di zamannya, dan telah belajar dari generasi Tabiin.
- Ja'far juga telah memimpin golongan Siah selama lebih dari tiga puluh tahun, bermula dari kematian ayahnya al-Imam Muhammad al-Baqir pada tahun 117 H.73

c) Mazhab Ismaili

- Nama mazhab ini mengambil sempena pengasasnya Ismail bin al-Imam Ja'far as Sadiq. Ianya tergolong dalam kumpulan Syiah yang melampau. Perbezaan besar antara mazhab ini dan mazhab Ja'fari (Imamiyah) terletak pada pandangan masing-masing tentang susunan para Imam dalam mazhab Syiah.
- Mazhab Imamiyah Ja'fariah tidak mengiktiraf kepimpinan Ismail. Bagi kumpulan ini, selepas Ja'far as-Sadiq kepimpinan mazhab Syiah (imam) berpindah kepada anaknya Musa al-Kazim. Sedangkan pada pandangan golongan Ismail, kepimpinan sesudah Ja'far as-Sadiq tidak berpindah kepada anaknya, malah kepada abang tua Ja'far sendiri, iaitu Ismail.
- Mazhab ini mula timbul di Mesir dan dianuti oleh para Khalifah Fatimiyah dari tahun 909 Hijrah sehingga 1161 Hijrah. Pokok perbincangan tentang akidah dalam mazhab ini adalah mengenai personaliti Imam, pemujaan (Ta'qdis) terhadap Imam sebelum pemujaan terhadap Allah, dan keperluan adanya Imam yang maksum. Sekalipun mereka ini mengakui konsep tauhid dan mengucap dua kalimah syahadah, namun mereka berpendapat bahawa bagi setiap sesuatu itu ada zahir dan ada batinnya. Ini termasuk isi al-Quran sendiri, ada tafsirnya yang zahir dan ada tafsirannya yang batin.
- Mereka hampir-hampir mengingkari sifat-sifat Allah, kerana bagi mereka Allah itu di luar batasan akal. Pada masa ini Ismailiah dipimpin oleh al-Amir Karim bin Ali, yang dipercayai oleh para pengikutnya sebagai Imam ke-49 sesudah Nabi SAW. Kepada beliau ini para pengikutnya membuat potongan sebanyak sepuluh peratus daripada harta mereka. Beliau sangat ditaati oleh para pengikutnya.

Mazhab Yang Sudah Pupos

Sejarah perundangan Islam mempunyai rekod-rekod yang banyak tentang mazhab-mazhab yang sudah tiada lagi para pengikutnya dan boleh dianggap sebagai telah pupus. Sekiranya mazhab-mazhab ini mempunyai para pengikutnya yang setia, ia juga akan terus hidup dan berkembang, kerana ianya juga mempunyai doktrin-doktrin agak kuat daripada mazhab-mazhab yang lebih bernasib baik yang ada pada hari ini.

Antara mazhab-mazhab yang telah dianggap pupus tetapi boleh dipelajari melalui penulisan-penulisan yang ada pada hari ini ialah:

a) Mazhab al-Auza'i

- Mazhab ini dikenal dengan nama pengasanya, Abu Amru Abdur-Rahman bin al-Auza'i ad-Misyqi. Dilahirkan pada tahun 88 Hijrah di Syam dan meninggal dunia di Beirut pada tahun 157 Hijrah.
- Beliau seorang ulama Fiqh yang terkemuka dan sangat alim dengan hadis. Beliau tidak suka menggunakan qiyas, tetapi sebaliknya meletakkan al-Quran dan hadis

sebagai segala-galanya. Kerana itu beliau dan para pengikutnya dikelaskan dalam golongan ahlul-Hadis.

- Imam al-Auza'i yang menjadi pengasas kepada mazhab ini hidup sezaman dengan Imam Malik. Setiap dari keduanya sama-sama belajar pada antara satu sama lain. Mengikut riwayat sejarah, mazhab ini pernah tersebar di Syam dan Andalus, tetapi perkembangannya tidak lama. Ianya tidak begitu diwarisi dan pupus dengan kematian generasi lamanya. Mengikut riwayat lagi, al-Auza'i juga pernah menulis buku, antaranya ialah Kitabul-Masa'il fil-Fiqh.

b) Mazhab as-Thauri

- Pengasas mazhab ini ialah Abu Abdullah bin Sufian bin Sa'id as-Thauri al-Kufi. Beliau dilahirkan di Kufah pada tahun 97 Hijrah dan meninggal dunia di Basrah pada tahun 161 Hijrah. Beliau adalah dari kalangan mazhab al-Hadis dan telah menulis buku-buku al-Jami' al-Kabir, al-Jami' al-Soghir dan kitab al-Faraidh.
- Walau bagaimanapun mazhab ini tidak direzekikan dengan para pengikut yang banyak. Oleh kerana itu pengembangannya tidak terus menerus, lalu pupus dengan kematian as-Thauri sendiri.

c) Mazhab al-Laith bin Sa'ad

- Pengasas mazhab ini ialah Abul-Harith al-Laith bin Sa'd al-Fahmi. Beliau dilahirkan di Mesir pada tahun 94 Hijrah dan meninggal dunia di negeri itu juga pada tahun 175 Hijrah. Meskipun beliau tidak kurang ketokohnya dari Imam Malik dan Syafie tetapi mazhabnya tidak berpeluang untuk terus berkembang dan kekal diterima oleh generasi yang sesudahnya.
- Sebabnya ialah sama ada tidak ada penulisan yang dibuat ataupun tidak ada para pengikut yang berketokohan dan dedikasi. Yang jelasnya, mazhab ini tidak dapat bertahan di hadapan kemaraan mazhab Imam Malik dan Syafie di Mesir, lalu pupus sebelum betul-betul berkembang.

d) Mazhab Zahiri

- Mazhab ini diasaskan oleh Abu Sulaiman Daud bin Ali al-Asfahani, yang dilahirkan pada tahun 200 Hijrah dan meninggal dunia pada tahun 270 Hijrah. Pada mulanya beliau adalah seorang pengikut mazhab Syafie, tetapi kemudiannya mengambil jalan sendiri dengan menubuhkan suatu mazhab yang kemudiannya dikenal dengan panggilan "Mazhab Zahiri".
- Gelaran atau panggilan "Zahiri" yang diberikan kepada mazhab ini adalah mengambil sempena dasarnya yang berpegang dengan pengertian lahir al-Quran dan al-Sunnah, selagi tidak ada dalil dari al-Quran sendiri atau dari Ijmak bahawa pengertian lahir itu bukan dimaksudkan oleh ayat atau hadis berkenaan. Mazhab ini juga tidak berpegang dengan Qiyas atau apa pun juga bentuk pemikiran.

- Mazhab ini mempunyai banyak pengikut. Yang paling masyhur sekali dari kalangan mereka ini ialah anak Daud sendiri, Muhamumad. Ianya telah berkembang dengan baik di Andalus dan terus kekal berkeadaan begitu sehingga abad kelima Hijrah apabila ia mula menghadapi zaman merosot. Pada abad kelapan Hijrah mazhab ini benar-benar pupus dan tidak boleh diketemui lagi kecuali melalui peninggalan-peninggalan yang berbentuk penulisan sahaja.
- Walau bagaimanapun mazhab ini lebih bernasib baik dari rakan-rakannya yang sebaya kerana memperolehi seorang tokoh ilmu Fiqh yang berkaliber besar di bidang ini dan yang begitu berkemampuan di bidang hadis. Beliau adalah al-Imam Ibn Hazm al-Andalusi, yang meninggal dunia pada tahun 456 Hijrah. Beliau ini telah bersungguh-sungguh mempertahankan mazhab ini dan menjelaskan prinsip-prinsipnya dalam bukunya; al-Muhalla. Beliau juga ada menulis sebuah buku tentang teori perundangan Islam (Usul Fiqh) yang berjudul al-Ihkam Fi Usulil-Ahkam. Dalam buku ini beliau menjelaskan asas-asas teori mazhab Zahiri.

e) Mazhab Tabari

- Pengasas mazhab ini ialah Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir at-Tabari. Beliau dilahirkan pada tahun 224 Hijrah di Tabristan. Meskipun at-Tabari mempelajari Fiqh daripada Imam Syafiie, Imam Malik dan seorang ulama ahl ar-Ra'y, Abu Muqatil, namun beliau mengambil sikap sendiri yang bebas dari mazhab-mazhab yang dipelajarinya itu.
- Beliau telah muncul sebagai seorang mujtahid yang tidak terikat kecuali dengan dalil. Pada mulanya beliau mempunyai murid yang ramai, tetapi mazhab ini tidak dapat bertahan lama dan terus terbengkalai sebaik-baik sahaja at-Tabari meninggal dunia.
- At-Tabari meninggalkan kepada kita banyak hasil penulisan yang agung. Antaranya ialah Tarikh at-Tabari dan Tafsir at-Tabari yang kedua-duanya merupakan ensiklopedia ilmu yang berkedudukan tinggi dan amat berkesan. Antara hasil penulisannya lagi ialah kitab Ikhtilaf al-Fuqaha.

SESI KEENAM: TAQLID DAN PERKEMBANGAN HUKUM ISLAM DI ZAMAN KINI (KONTEMPORARI)

Pendahuluan

Maksud Taqlid: Menerima apa sahaja hukum yang difatwakan oleh para ulama mujahidin tanpa usul periksa atas penilaian ianya suatu hakikat Syarak yang perlu diikuti. Ianya suatu sikap atau amalan yang bertentangan sama sekali dengan konsep ijtihad yang bererti penelitian terhadap maksud al-Quran dan al-Sunnah dan membuat kesimpulan-kesimpulan hukum darinya.

Pada pertengahan abad yang keempat Hijrah, keadaan politik yang tidak stabil pada dasarnya telah menimbulkan kesan buruk terhadap perkembangan hukum Islam dan para fuqaha pada waktu itu. Ini kerana ianya telah melahirkan beberapa fenomena yang negatif di kalangan para fuqaha dan orang awam juga, malah para pemerintah sendiri. Antara faktor-faktor ini ialah:

- a) Wujudnya kegelisahan di kalangan orang ramai hasil dari kedudukan politik yang tidak stabil dan rebutan kuasa politik yang merugikan. Kegelisahan politik ini dipercayai telah menggugat semangat kreatif di kalangan mereka termasuk di bidang ilmu.
- b) Terputusnya hubungan antara para fuqaha di seluruh pelusuk negara hasil dari perpecahan kuasa politik antara satu daerah dengan daerah-daerah yang lain. Percakaran politik rebutan kuasa antara daerah-daerah ini telah menghalang para fuqaha dari berhubung sama sendiri ke luar batas daerah masing-masing. Hasilnya mereka memilih untuk berdiam diri di daerah masing-masing.
- c) Para pemerintah tidak lagi menaruh minat yang tinggi terhadap perkembangan ilmu hukum. Mereka sebaliknya lebih berminat melakukan kerja-kerja pengintipan terhadap musuh-musuh mereka dan menyediakan pasukan tentera dan peralatan perang sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan serangan dari luar atau dalam.
- d) Para fuqaha sendiri telah ditindas oleh para pemerintah terutama pada setiap kali berlakunya perubahan kuasa dalam mana-mana daerah. Adalah menjadi kebiasaan bagi orang-orang politik dan pemerintahan ini untuk memilih para fuqaha sebagai mangsa mereka yang pertama dalam gerakan-gerakan pembersihan sesudah berjaya mengambil alih kuasa dari kerajaan yang sebelumnya.

Perkembangan Taqlid

- Gejala taqlid ini tidak berlaku secara sekaligus, tetapi sebaliknya berlaku sedikit demi sedikit sehingga ianya menjadi suatu bentuk perkembangan tertentu dalam sejarah perkembangan hukum Islam.
- Para penulis sejarah hukum Islam menjadikan kejatuhan kota Baghdad sebagai garis pemisah antara dua peringkat taqlid ini. Peringkat pertamanya ialah sebelum kejatuhan kota Baghdad di mana para fuqaha meskipun bertaqlid tetapi masih lagi mempunyai kemampuan untuk berijtihad. Mereka bertaqlid bukan kerana tidak tahu berijtihad tetapi kerana tidak mahu melakukannya atas keyakinan bahawa fatwa-fatwa yang telah sedia ada sudah mencukupi bagi diamalkan oleh masyarakat pada waktu itu.
- Adapun zaman selepas kejatuhan kota Baghdad, maka disebut sebagai peringkat kedua taqlid, di mana para fuqaha bertaqlid bukan lagi kerana tidak mahu berijtihad semata-mata tetapi tidak tahu bagaimana melakukannya dengan cara yang betul. Dalam kedua-dua peringkat ini sejarah perkembangan hukum Islam berhadapan dengan pengalaman yang agak berbeza.

Buku-Buku Fatwa

Terdapat banyak buku-buku fatwa daripada setiap mazhab yang telah memberi banyak faedah kepada perkembangan hukum Islam. Buku-buku ini juga telah menjadi suatu kemudahan kepada para hakim di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di mahkamah

kerana buku-buku ini merupakan rujukan-rujukan yang teratur dan meliputi bidang-bidang hukum yang mereka perlukan di dalam melaksanakan tugas-tugas mereka di mahkamah.

Antara penulisan-penulisan yang masyhur ialah buku-buku yang ditulis dalam mazhab Abu Hanifah adalah:

- i) Al-Fatawa al-'Itabiyyah – Pengarang 'Itabi (568 Hijrah)
- ii) Al-Fatawa al-Khaniah – Pengarang Qadhi Khan Hasan bin Mansuri (592 Hijrah)
- iii) Al-Fatawa az-Zahiriyah – Pengarang Zahiruddin Abu Bakar (619 Hijrah)
- iv) Al-Fatawa as-Sirajiyah – Pengarang al-'Allamah Sirajud-Din al-Hindi (763 Hijrah)
- v) Jami' al-Fatawa – Pengarang Abul-Qasim al-Hanafi (880 Hijrah)
- vi) Al-Fatawa az-Zainiyah – Pengarang al-'Allamah ibn Nujim al-Misri (970 Hijrah)
- vii) Al-Fatawa al-Khairiah – Pengarang Khairud-Din ar-Ramli (1081 Hijrah)
- viii) Al-Fatawa al-Mahdiah – Pengarang al-Mahdi al-'abasi (1252 Hijrah)

Buku fatwa daripada mazhab Syafie adalah:

- i) Al-fatawa al-Kubra – Pengarang Ibn Hajar as-Syafie (974 Hijrah)
- ii) Fatawa ar-Ramli - Pengarang ar-Ramli (1004 Hijrah)

Buku Fatwa daripada mazhab Maliki adalah:

- i) Fatawa 'Alish – Pengarang as-Shaikh Muhammad bin Ahmad 'Alaish al-Maliki (1299 Hijrah)

Buku Fatwa daripada mazhab Hanbali:

- i) Al-Fatawa – Pengarang Ibnu Taimiyah (728 Hijrah)

Kebangkitan dan Perkembangan Hukum Islam di Zaman Kini

- Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, zaman taqlid tidaklah merupakan penghujung kepada sejarah perkembangan hukum Islam. Ianya telah diikuti oleh perkembangan-perkembangan seterusnya dengan segala pasang surut yang ada, sesuai dengan keadaan semasa yang dialami.
- Apa yang jelasnya ialah meskipun zaman taqlid ini telah memakan masa yang paling lama sekali dalam peringkat-peringkat perkembangan hukum Islam, namun sejarah perkembangan hukum tersebut tidak sunyi dari para fuqaha yang telah memberikan sumbangan yang berharga terhadapnya pada setiap zaman. Sehingga apabila dengan secara rasminya pintu ijtihad disyitiharkan tutup, tetapi masih terdapat ramai para fuqaha yang terus merempuh pintu itu sehingga ia semakin lama semakin terbuka.
- Sejak permulaan abad ini, perhatian secara meluas telah dibuat terhadap sebab sebenar mengapa sejarah perkembangan hukum Islam telah menghadapi zaman malap begitu lama. Berbagai-bagai jawapan telah diberikan sama ada secara perseorangan mahupun secara berkelompok dan baik secara lisan mahupun secara tulisan.

- Wujudnya alat-alat cetak dan komunikasi baharu sekarang ini telah membantu perbincangan dan polemik mengenai kebangkitan semula ini ke arah yang lebih terbuka. Alat-alat moden ini bukan sahaja telah mempercepatkan usaha berkomunikasi dengan lebih berkesan lagi malah telah membantu banyak dalam menyebarkan tulisan-tulisan lama yang selama ini tersimpan dalam perpustakaan khas secara turun-temurun. Banyak penulisan-penulisan zaman ijtihad telah dicetak dan diterbitkan untuk tatapan para penyelidik hukum Islam dan orang ramai juga di seluruh dunia. Hasilnya kesedaran makin meluas dan bahan-bahan untuk digunakan dalam usaha memenuhi cita-cita kesedaran baru ini makin banyak dan senang didapati.

Bentuk-Bentuk Kebangkitan

Secara lebih jelasnya, bentuk-bentuk kebangkitan semula yang ada pada hari ini boleh dilihat pada perkembangan-perkembangan berikut:

a) Terhapusnya semangat fanatik di kalangan pengikut-pengikut mazhab fiqh.

- Berbanding dengan apa yang berlaku di zaman taqlid, pada zaman kesedaran baharu ini, sikap fanatik terhadap mazhab masing-masing telah banyak berkurangan. Adalah menjadi perkara biasa sekarang ini para pengikut setiap mazhab dapat berbincang bersama dengan sikap yang terbuka antara satu sama lain.
- Antara sebab secara langsung kepada perubahan ini ialah berlakunya perubahan cara belajar yang bermula selaras dengan gerakan-gerakan Islah yang dilakukan dari semasa ke semasa. Pengajian hukum Islam secara lebih menyeluruh adalah satu daripada perkara yang diperjuangkan oleh gerakan-gerakan Islah ini, dan ia mungkin merupakan faktor yang utama terhadap perubahan yang ada pada hari ini.

b) Berubahnya cara belajar

- Suatu perubahan yang jelas di bidang kaedah pengajian ini ialah terhapusnya pengajian cara lama yang berasaskan kepada teks-teks tertentu dengan segala kesusahan untuk memahaminya. Pada masa ini pengajian lebih bersifat objektif, yang lebih menekankan pokok-pokok persoalan secara keseluruhannya dan bukan lagi menumpukan hampir keseluruhan perhatian kepada erti setiap patah dan rangkai-kata yang ditulis oleh para pengarang kitab-kitab berkenaan.
- Pengajian cara baharu ini telah berjaya membina sifat peka di kalangan para pelajar terhadap persoalan-persoalan semasa dan menjadikan mereka lebih terbuka dan objektif. Di samping itu ia juga telah menjadikan para pelajar lebih kreatif dan produktif.
- Di samping itu suatu bentuk pengajian perbandingan juga telah diadakan baik antara berbagai-bagai mazhab dalam Islam mahupun antara pandangan Islam secara keseluruhannya dan pandangan-pandangan lain seperti sistem perundangan Barat atau tempatan misalnya. Pengajian bentuk ini telah melahirkan kemampuan yang bertambah di kalangan para pelajar bukan sahaja di dalam memahami selok-belok pembinaan dan pelaksanaan hukum Islam secara umumnya tetapi juga pengalaman-pengalaman sistem perundangan lain yang pernah popular dan diterima oleh

masyarakat dengan jayanya. Dengan ini mereka akan lebih memahami bukan sahaja falsafah hukum Islam itu sendiri tetapi juga bagaimana falsafah itu boleh direalisasikan dalam masyarakat sekarang ini.

c) Lahirnya bentuk-bentuk penulisan yang baru

- Hasil dari perubahan sikap para pendokong dan pengikut mazhab serta juga perubahan cara belajar dan menyelidik suatu bentuk baharu telah muncul dalam penulisan hukum Islam. Ianya lebih menekankan persoalan-persoalan utama dan berasaskan kepada pendekatan-pendekatan semasa. Bentuk isinya lebih menekankan pandangan keseluruhan mazhab-mazhab Islam, dan malah pandangan-pandangan luar juga, baik yang sesuai mahupun yang bercanggah dengan pandangan hukum Islam sendiri.
- Antara bentuk penulisan yang agak popular sekarang ini ialah penulisan yang berasaskan analisis yang membentuk teori-teori perundangan yang mudah untuk dijadikan sebagai kaedah am dalam mengenal kehendak perhukuman Islam. Adalah menjadi antara hasrat penulisan dalam bentuk ini untuk menjadikan pengajian hukum Islam itu suatu yang mudah difahami oleh semua lapisan masyarakat terutama mereka yang berkecimpung dalam pelaksanaan undang-undang barat, atau disebut sebagai pengamal undang-undang itu. Berkat bentuk baharu ini, penulisan hukum Islam tidak lagi terhad pembacaannya di kalangan para ulama yang ikhtisas semata-mata, tetapi telah tersebar luas ke dalam banyak sektor masyarakat.

d) Penulisan undang-undang

- Satu dari ciri hukum Islam ialah ianya mempunyai berbagai-bagai pendapat dalam kebanyakan persoalan yang ada. Pendapat-pendapat yang berbeza ini bukan sahaja berlaku di antara suatu mazhab dengan mazhab yang lain, malah juga dalam mazhab yang sama. Antara lain, perbezaan pendapat ini telah menjadi kenyataan yang jelas betapa hukum Islam itu suatu yang bersifat fleksibel, yang boleh berubah-ubah dalam garis-garis yang tertentu berasaskan kepada perubahan atau perbezaan masa dan tempat, dan malah pentafsiran atau tanggapan.
- Fleksibiliti hukum Islam ini telah menjadikan ianya sesuai bagi setiap zaman dan keadaan dan mampu untuk menjawab semua persoalan semasa dalam bentuk dan kadar yang boleh menjamin kepentingan umat manusia seluruhnya.
- Walau bagaimanapun, dari suatu sudut yang lain pula, perbezaan-perbezaan pendapat ini boleh merumitkan urusan pengadilan kalau ianya tidak diuruskan dengan baik. Para hakim tentunya menghadapi tugas yang sukar di dalam menentukan pendapat yang paling tepat dari pendapat-pendapat yang banyak itu sesuai dengan situasi yang ada. Kadangkala mereka menjadi serba salah di dalam melakukan tugas yang berat ini terutama apabila menghadapi pandangan-pandangan yang popular tetapi bertentangan, pada pendapatnya, dengan kepentingan semasa.
- Di samping itu perbezaan-perbezaan pendapat ini juga telah mendedahkan keputusan-keputusan para hakim kepada keadaan yang tidak selaras antara satu

sama lain dalam kes yang sama. Ketidak-selarasan ini bukan sahaja terjadi di antara suatu daerah dengan daerah atau di antara suatu mahkamah dengan mahkamah yang lain tetapi juga dalam mahkamah dan daerah yang sama.

- Dari segi kestabilan mahkamah, hal seperti ini tidak seharusnya berlaku. Sebagai tempat masyarakat mencari keadilan, mahkamah-mahkamah tidak seharusnya membuat keputusan-keputusan yang berbeza dalam kes-kes yang sama. Hakikat ini sebenarnya memang lama disedari, iaitu di abad-abad permulaan Islam lagi. Tetapi langkah-langkah mengatasinya telah tertangguh dengan begitu lama, oleh sebab-sebab tertentu, dan baru dilaksanakan di zaman-zaman terakhir ini.
- Mengikut catatan yang ada, orang yang pertama sekali mengemukakan hal ini ke tengah ialah seorang ahli fikir Islam yang terkenal itu, Abdullah ibn al-Muqaffa. Mungkin kerana pengalaman masyarakatnya yang luas atau rasanya yang begitu tinggi beliau merasa amat sensitif dengan apa yang sedang berlaku di mahkamah-mahkamah pada waktu itu. Beliau berpendapat, perbezaan hukuman antara satu mahkamah dengan mahkamah yang lain perlu dielakkan dari berterusan.
- Mengingini perubahan ini agar segera berlaku beliau telah menulis sepucuk surat kepada khalifah Abu Ja'far al-Mansur mengenai hal tersebut. Dalam surat yang bersejarah itu, beliau telah menyebut keburukan yang akan menimpa masyarakat dan umat Islam kalau keadaan yang ada pada waktu itu dibiarkan berlanjutan terus. Beliau lalu mencadangkan supaya suatu bentuk undang-undang bertulis dilaksanakan di semua mahkamah sebagai undang-undang yang mengikat. Undang-undang tersebut mestilah berdasarkan kepada al-Quran al-Karim dan Sunnah Rasulullah SAW, juga sumber-sumber lain yang diiktiraf.
- Surat Abdullah Ibn al-Muqaffa' ini telah mendapat tempat di hati khalifah Abbasiah yang kedua itu. Khalifah lalu mengemukakan perkara itu kepada Imam Malik dengan meminta beliau menulis sebuah buku mengenai hukum Syarak yang sederhana, yang tidak terpengaruh dengan sikap terlalu ketat Abdullah ibn Umar atau sikap terlalu longgar Abdullah ibn Abbas atau pandangan-pandangan ganjil (syawaz) Abdullah ibn Mas'ud, tetapi sebaliknya mencari jalan tengah dan apa yang dipersetujui bersama (ijmak) oleh para imam dan sahabat.
- Cadangan supaya dibuat suatu penulisan ini disambut baik oleh Imam Malik. Untuk itu beliau telah menulis bukunya yang masyhur itu, iaitu al-Muwatta'. Begitupun beliau tidak bersetuju buku itu dijadikan sebagai satu kod undang-undang yang tunggal bagi seluruh masyarakat Islam pada waktu itu atas dua alasan.
- Pertamanya kerana dunia Islam penuh dengan ulama-ulama dan ahli-ahli hadis yang mampu. Langkah menentukan hanya pandangan hukum beliau sahaja yang boleh dilaksanakan merupakan suatu keterbatasan terhadap mereka itu. Sedangkan beliau tidak suka hal seperti itu berlaku. Sebab keduanya ialah pelaksanaan kod undang-undang yang sama seperti yang dicadangkan itu boleh menjadi pelanggaran kepada

konsep penilaian semasa dan setempat yang diakui oleh Islam sebagai suatu cara untuk menjamin kepentingan masyarakat seluruhnya.

- Berdasarkan penolakan Imam Malik ini, maka buku tersebut tidak jadi dilaksanakan sebagai kod undang-undang yang tunggal dalam negara Islam pada waktu itu. Dalam erti kata lain, percubaan untuk mengadakan penyelarasan hukuman di mahkamah-mahkamah secara menentukan suatu kod undang-undang yang dipakai bersama pada waktu itu telah menemui kegagalannya.
- Kecenderungan ke arah menyelaraskan hukum yang digunakan untuk tujuan praktikal ini kemudiannya lahir pada zaman taqlid. Ini dapat dilihat pada penulisan para fuqaha pada waktu itu yang di dalam perbincangan mereka terhadap pendapat-pendapat fuqaha yang ada terus mencadangkan suatu kompromi antara pendapat-pendapat tersebut bagi tujuan amalan harian dan fatwa. Walau bagaimanapun persoalan asal masih kekal dan tidak dapat diselesaikan kerana inisiatif yang dibuat oleh para fuqaha itu tidak mengikat para hakim di mahkamah.
- Pada penghujung abad ketiga belas kalangan pemerintah kerajaan Uthmaniah yang berkuasa atas kebanyakan negeri-negeri Islam pada waktu itu merasakan berfaedah untuk merealisasikan cita-cita mewujudkan suatu kod undang-undang yang sama bagi seluruh negara. Untuk itu suatu jawatankuasa yang terdiri dari para ulama besar dalam negara itu kemudiannya ditubuhkan.
- Tugas jawatankuasa tersebut ialah untuk menggubal suatu undang-undang muamalat (sivil) yang terpisah dari unsur-unsur khilafiah dengan berdasarkan mazhab Hanafi. Dalam melaksanakan tugas ini, jawatankuasa berkenaan walau bagaimanapun tidak terikat untuk menerima mana-mana pendapat yang lebih popular (rajih) dalam mazhab tersebut tetapi sebaliknya berhak memilih mana-mana sahaja pendapat dalam mazhab berkenaan yang difikirkan lebih sesuai dengan kepentingan masyarakat semasa.
- Pada tahun 1293 Hijrah, kod undang-undang tersebut diperkenalkan dengan nama *Majalah al-Ahkam al-Adliyah* sebagai undang-undang bertulis yang terpakai di seluruh pelusuk negara Islam Uthmaniah pada waktu itu. Kejayaan undang-undang sivil ini telah mendorong kerajaan Uthmaniah kemudiannya untuk menggubal satu lagi undang-undang dalam bentuk yang sama.
- Pada kali ini satu undang-undang keluarga telah dikuatkuasakan bagi seluruh negara tersebut bermula pada tahun 1326 H. Tidak sebagaimana Majalah, undang-undang keluarga yang dikenal sebagai *Qanun al-a'ilat* ini tidak terikat dengan mazhab Hanafi. Ianya berasaskan kepada berbagai-bagai pendapat dari berbagai mazhab. Dari segi ini ia merupakan suatu peningkatan yang berjaya.
- Langkah seperti ini kemudiannya telah berkembang ke daerah-daerah yang lain bagi negara Islam yang luas pada waktu itu, yang dengan cara itu suatu era baru telah

terbina dan kemudiannya berkembang dengan segala nilai positif dan negatifnya hinggalah ke hari ini.

Transformasi Perkembangan Perundangan Syariah Pada Era Moden

Pada awal abad ke-21, dunia Islam menyaksikan perkembangan baharu dalam perundangan Syariah sejajar dengan cabaran dan keperluan kontemporari. Dalam topik ini akan mengupas usaha dan inisiatif terkini dalam memastikan agar perundangan Islam kekal relevan dan dinamik mengikut tuntutan semasa.

a) Gerakan Pembaharuan Fiqh Semasa

Bermula awal abad ke-20 lagi, gerakan pembaharuan dalam memahami fiqh telahpun disuarakan oleh tokoh seperti Muhammad Abduh dan Rashid Rida. Namun pada era kontemporari ini, usaha tersebut dicergaskan dengan pemikiran baharu dari ulama' dan sarjana kontemporari.

Menurut Yusuf Al-Qaradawi dalam karyanya *Al-Fiqh Al-Islami Bayna Al-Asalah wa Al-Tajdid*, aliran pemikiran fiqh semasa di Timur Tengah dan Asia Tenggara berusaha membangunkan fiqh moden yang berlandaskan sumber asal iaitu al-Quran, al-Sunnah dan prinsip Maqasid Syariah (objektif utama Syariah). Tujuannya adalah untuk menangani cabaran dan isu semasa dengan pendekatan syariat Islam yang dinamik dan relevan pada zaman ini.

b) Penubuhan Badan dan Institusi Perundangan Islam Kontemporari

Dalam usaha memantau dan membangunkan aplikasi hukum fiqh agar selaras dengan keperluan dan realiti semasa, pelbagai institusi dan badan berkaitan perundangan Islam ditubuhkan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan. Antaranya:

- i) Akademi Fiqh Islam di bawah Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).
Badan ini memainkan peranan penting dalam menerbitkan panduan dan resolusi berkaitan isu-isu fiqh semasa serta menyelaraskan fatwa di kalangan negara anggota OIC.
- ii) Badan Fatwa Kebangsaan/Mufti Negeri
Berlaku perkembangan pesat penubuhan institusi fatwa di peringkat kebangsaan dan wilayah. Negara-negara majoriti Muslim seperti Malaysia, Indonesia, Mesir dan lain-lain telah menubuhkan jawatankuasa fatwa yang diketuai oleh mufti-mufti setempat yang berperanan mengeluarkan fatwa dan menyelesaikan permasalahan syariah di peringkat kebangsaan atau negeri masing-masing.

Sebagaimana dinyatakan oleh Sheikh Abdul Karim Zaidan dalam Fiqh Al-Darurah, ia bertujuan untuk mengeluarkan fatwa dan panduan hukum Syariah berdasarkan kajian terperinci terhadap isu-isu kontemporari.

iii) Jawatankuasa Fatwa di Institusi Kewangan Islam

Dalam sektor kewangan Islam, wujud Jawatankuasa Penasihat Syariah yang bertanggungjawab memastikan produk dan operasi institusi patuh Syariah. Badan ini berperanan penting untuk memastikan kepatuhan syariah dalam urus niaga kewangan dan perbankan Islam semasa.

c) **Perkembangan Fatwa dan Kajian Fiqh Kontemporari**

Disebabkan keperluan untuk menangani isu semasa yang tidak pernah berbangkit sebelum ini, para ulama dan sarjana fiqh kontemporari terpaksa mengembleng usaha melalui kajian dan penyelidikan mendalam. Antara bidang fatwa dan kajian kontemporari yang giat dijalankan:

- i) Fiqh Kewangan dan Muamalat Semasa
- ii) Fiqh Perubatan dan Bioteknologi
- iii) Fiqh Alam Sekitar dan Ekologi
- iv) Fiqh Siber dan Teknologi Maklumat
- v) Fiqh Keluarga dan Sosial
- vi) Fiqh Sains dan Penyelidikan

Kesimpulannya, walaupun berdepan dengan cabaran dunia moden, perundangan Syariah terus menjalani proses transformasi dan pembaharuan. Ini bagi memastikan ia kekal relevan dan terjamin kedynamikannya dalam memberikan panduan kehidupan kepada umat Islam pada era kontemporari ini sejajar dengan matlamat Syariah itu sendiri. Seajar dengan tugas para ulama terdahulu, para mufti dan sarjana kontemporari berperanan untuk memastikan perundangan Islam terus menjadi pelita dalam mengatur kehidupan masyarakat hari ini.

Antara senarai rujukan termasuklah:

1. Muhammad bin Muhammad al-Ghazali (1997), *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
2. Yusof al-Qardhawi (1993), *Madkhal Li Dirasah al-Syariah al-Islamiah*, Muassasah al-Risalah
3. Manna' al-Qathan, *Tarikh Tasyri' al-Islami*
4. Ibn Hazm (1985), *al-Nubzah al-Kafiyyah fi Ahkam Usul al-Din*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmyyah
5. Ibn al-Qayyim (1993), *l'Ilam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*, al-Qahirah, Dar al-Hadith
6. Al-Suyuti, *Tarikh al-Khulafa'*
7. Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2017), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Penerbit Universiti Malaya